



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Laporan Tahunan





BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Keperluan Berkanun

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan 2019 ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2019.

Nor Shamsiah Yunus
Pengerusi
Lembaga Pengarah
31 Mac 2020

Kandungan

Prakata

Peranan Bank

- 8 Menggalakkan Kestabilan Monetari
- 12 Menggalakkan Kestabilan Kewangan
- 20 *Rencana: Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Respons Secara Berhemat*
- 26 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkum
- 36 *Rencana: Transformasi Ekonomi dan Masyarakat Menerusi Kewangan Islam*
- 40 *Rencana: Merungkai Potensi Inovasi: Persediaan ke Arah Masa Hadapan Digital*
- 43 *Rencana: Penambahbaikan Proses Tuntutan Insurans Kenderaan Bermotor*
- 45 *Rencana: Mengawal Inflasi Tuntutan Insurans Perubatan*
- 47 Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap
- 54 Pengeluaran Mata Wang
- 59 Mengekalkan Integriti Kewangan

Pengurusan Bank

- 67 Tenaga Kerja Bank
- 71 Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 75 Perbincangan dan Interaksi Antarabangsa
- 80 Interaksi dengan Rakyat Malaysia
- 83 *Rencana: Sukarelawan BNM*

Tadbir Urus

- 87 Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Berkanun Bank

Kewangan Bank

- 109 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
- 110 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019
- 111 Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019





Prakata



Bank terus berusaha untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan dalam menghadapi persekitaran operasi yang tidak menentu dan serba mencabar.

Pada tahun 2019, pertumbuhan di seluruh dunia terus lempap, dengan keyakinan pelabur terjejas akibat ketegangan perdagangan dan ketidakpastian geopolitik lain. Sebagai ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia menerima kesan daripada perkembangan ini menerusi permintaan eksport yang perlahan serta aliran modal rentas sempadan yang lebih besar. Di dalam negeri, sentimen yang lemah, aktiviti pelaburan yang lempap dan gangguan bekalan turut menjejaskan ekonomi.

Berlatarkan persekitaran ini, Bank mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan inflasi pada kadar yang rendah dan boleh dijangka. Bank mengekalkan kadar faedah pada tahap yang menyokong kelestarian aktiviti ekonomi. Memandangkan dasar kadar pertukaran Malaysia yang fleksibel dapat membantu menampai kejutan luaran, Bank mengawasi pergerakan ringgit dan mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan daripada berlakunya keadaan volatiliti berlebihan yang boleh mengganggu perdagangan dan pelaburan. Bank juga berusaha untuk memastikan sektor kewangan dapat terus memenuhi keperluan ekonomi dengan berkesan. Bank turut memberikan perhatian khusus pada usaha pengukuhan tadbir urus dan kawalan dalam institusi kewangan. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan institusi kewangan menguruskan risiko secara proaktif dan terus dapat memenuhi keperluan kewangan individu dan perniagaan. Semua dasar ini bertujuan mewujudkan keadaan yang kondusif supaya individu dan sektor perniagaan dapat terus berkembang maju, sama ada menerusi guna tenaga, keusahawanan, pelaburan atau kegiatan ekonomi yang lain.

Pada tahun 2019, Bank memberikan tumpuan pada usaha untuk meletakkan sistem kewangan Malaysia pada kedudukan yang terbaik untuk menghadapi persekitaran baharu pada tahun-tahun yang akan datang. Khususnya, Bank telah mencapai kemajuan yang penting dalam mengenal pasti keutamaan dan memulakan usaha dalam isu-isu yang berkaitan dengan perubahan iklim dan pendigitalan kewangan. Bank bersama-sama dengan Suruhanjaya Sekuriti telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim yang menghimpunkan para peneraju utama industri untuk membina daya tahan terhadap iklim dalam sektor kewangan Malaysia. Usaha sama ini akan membolehkan sektor kewangan memahami dan bertindak balas dengan sewajarnya

terhadap risiko kewangan yang timbul akibat perubahan iklim. Langkah ini seterusnya bertujuan menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon secara teratur. Sebagai permulaan, Bank mewujudkan kefahaman bersama untuk institusi kewangan mengenal pasti dan menilai implikasi risiko iklim dalam kegiatan ekonomi. Pada tahun 2019, Bank turut membangunkan rangka kerja pelesenan dan pengawalseliaan untuk bank-bank digital. Usaha ini menunjukkan matlamat Bank untuk memudahkan inovasi yang akan memberikan sumbangan kepada sistem kewangan yang lebih inklusif. Seiring dengan langkah masyarakat ke arah era digital yang seterusnya, pendekatan pengawalseliaan Bank akan terus berkembang bagi mencerminkan sistem kewangan yang progresif dan pada masa yang sama terus memelihara kestabilan kewangan.

Meskipun masyarakat global telah menjangkakan permulaan yang mencabar apabila mereka melangkah ke dekad baharu, tidak ramai yang dapat menduga bentuk dan tahap kejutan yang berlaku beberapa minggu kebelakangan ini. Berikutan perkembangan tersebut, Bank akan menyelaraskan beberapa keutamaan untuk tahun 2020–mempertajam tumpuan Bank pada bidang tertentu, dan mengurangkan penekanan Bank pada perkara yang boleh dilaksanakan pada waktu lain yang lebih sesuai. Bank akan meneruskan dasar monetari yang menyokong kemampuhan aktiviti ekonomi dalam keadaan inflasi yang rendah. Bank akan memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem dan berusaha untuk menghindarkan keadaan volatiliti yang berlebihan dalam kadar pertukaran. Bank juga akan melaksanakan peranannya dalam memberikan nasihat secara bebas dan profesional kepada Kerajaan mengenai isu-isu yang memberi kesan kepada ekonomi. Dalam persekitaran semasa, tindakan ini akan melibatkan usaha memberikan pertimbangan berkaitan dengan strategi untuk membantu isi rumah dan perniagaan menghadapi kejutan ekonomi akibat COVID-19 dan peralihan ke arah pemulihan yang kukuh.

Dalam aspek pengawalan dan penyeliaan terhadap institusi kewangan, Bank berusaha untuk mengurangkan prokitaran (*procyclicality*): ini bermaksud Bank berusaha untuk merangsang ekonomi bagi mengurangkan kitaran kejatuhan perniagaan yang mendadak, sekali gus memastikan bahawa risiko diurus dengan baik. Dalam hal ini, Bank meletakkan keutamaan segera supaya sektor kewangan dapat mengurangkan kejutan semasa dan membantu ekonomi menjadi stabil. Institusi kewangan berada dalam kedudukan yang baik untuk melaksanakan hasrat ini, disebabkan oleh penampakan kewangan mereka yang besar, yang telah terkumpul selama bertahun-tahun. Keadaan inilah yang membolehkan fleksibiliti pengawalseliaan diumumkan baru-baru ini untuk institusi kewangan dan bantuan kepada pelanggan mereka. Oleh yang demikian, Bank akan mengekalkan hala tuju yang jelas bagi landasan pemulihan dan memastikan penampakan sistem kewangan dibina semula tepat pada masanya. Hal ini bertujuan untuk memperkukuh keupayaan sistem kewangan dalam menyediakan sokongan bagi menghadapi sebarang perubahan kepada keadaan ekonomi. Pengalaman yang dialami sekarang ini menunjukkan betapa sukar untuk menjangka perkara yang akan berlaku seterusnya. Dalam hal ini, Bank akan bekerjasama rapat dengan industri untuk mempertingkatkan daya tahan industri terhadap gangguan kewangan dan operasi. Walaupun terdapat perubahan-perubahan ini, Bank akan kekal aktif dalam memelihara integriti sistem kewangan. Bank akan terus mengadakan rundingan secara meluas mengenai cadangan had transaksi tunai bagi membendung penyalahgunaan pembayaran menggunakan wang tunai dalam jumlah yang besar untuk membiayai aktiviti penyelewengan dan kegiatan haram.

Melangkaui keutamaan pada masa terdekat, Bank juga akan meningkatkan usaha untuk memperkukuh sistem kewangan Malaysia bagi menangani cabaran dan merebut peluang masa hadapan. Bank sedang berusaha membangunkan rangka tindakan sektor kewangan selanjutnya, yang dirancang untuk diterbitkan pada tahun depan. Rangka tindakan ini akan menetapkan hala tuju pengawalseliaan bagi menyokong matlamat sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif pada masa hadapan. Hal ini termasuk menggariskan pembaharuan struktur dengan tujuan memodenkan sektor insurans, takaful dan institusi kewangan pembangunan. Bank juga akan mengenal pasti inisiatif yang perlu bagi mengukuhkan infrastruktur pembayaran negara untuk masa hadapan. Langkah ini bertujuan untuk memupuk keyakinan dan penerimaan orang ramai yang lebih meluas terhadap perkhidmatan e-pembayaran dan e-kiriman wang. Menerusi kemajuan rangka kerja pengawalseliaan sedia ada, kewangan Islam dijangka memainkan peranan yang lebih besar pada masa hadapan, terutamanya berpotensi untuk menerapkan prinsip Syariah bagi mengembangkan kewangan sosial dan menangani jurang pasaran secara inovatif. Tahap kesediaan Bank menangani risiko keselamatan siber dan teknologi yang semakin rumit merupakan satu lagi bidang yang penting. Matlamat Bank secara keseluruhan tetap sama, iaitu untuk memastikan pengantaraan kewangan terus berkesan dan menjadi pemangkin kepada kemajuan ekonomi dan penyerap kejutan dalam masa-masa yang sukar.

Tempoh yang akan datang bakal menyaksikan perubahan yang ketara dalam wacana awam apabila teknologi terus membawa perubahan kepada kelajuan dan kaedah komunikasi. Bank telah mula mengambil sikap lebih telus dan terbuka dalam membuat penyesuaian dengan perubahan ini bagi memenuhi harapan rakyat Malaysia yang semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, Laporan Tahunan pada kali ini mengambil pendekatan yang berbeza. Bank berharap wajah baharu ini dapat membantu orang ramai agar lebih mudah memahami peranan bank pusat dan usaha yang telah dilakukan oleh Bank bagi melaksanakan mandatnya. Selain itu, Bank juga akan terus membuat penilaian teknikal melalui penerbitan *Tinjauan Ekonomi dan Monetari*, *Tinjauan Kestabilan Kewangan* dan *Buletin Suku Tahunan*. Bank juga akan terus bersedia mendengar pandangan pelbagai pihak yang berkepentingan - daripada industri kewangan, sektor perniagaan, Kerajaan dan juga orang ramai - tentang risiko dan peluang dalam jangka masa terdekat serta pada masa yang akan datang. Ini termasuklah pengumpulan maklumat untuk meningkatkan pemahaman menerusi pegawai penghubung ekonomi Bank di seluruh negara dan bekerjasama rapat dengan agensi perkhidmatan awam dalam hal-hal kepentingan bersama. Bank juga akan meneruskan interaksi dan komunikasinya secara meluas pada tahun 2020 apabila Bank menerbitkan pelan tindakan sektor kewangan yang baharu.

Pada tahun 2019, Bank menyambut ulang tahun yang ke-60 dalam memberikan khidmat bakti kepada negara. Sebagai sebuah organisasi, Bank telah menggunakan kesempatan ini untuk meneliti semula perjalanan yang telah ditempuh selama ini dan membuat pertimbangan cara untuk memanfaatkan kejayaan masa lalu bagi melangkah ke dekad yang baharu. Pada tahun 2020, Bank akan terus meneroka peluang untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan. Hal ini termasuklah mengukuhkan tahap akauntabiliti - pada peringkat Bank dan kepada orang ramai - serta memupuk budaya yang mengutamakan sikap berterus terang dan kerjasama dalam organisasi. Pendekatan ini penting bagi menyokong komitmen Bank yang berterusan terhadap integriti dan kecemerlangan, khususnya apabila menghadapi persekitaran yang belum pernah ditempuh sebelum ini. Sambil Bank meneruskan usaha untuk meningkatkan keupayaan pengawasan dan pemantauan, Bank akan turut menambah baik rangka kerja dasar yang diterima pakai. Satu bidang keutamaan yang akan dibangunkan adalah untuk lebih memahami kesalinghubungan antara dasar monetari, kestabilan kewangan, aliran modal dan kadar pertukaran - terutamanya apabila pasaran tidak menentu. Bank juga akan berusaha meningkatkan proses dalaman, menggunakan teknologi secara wajar dan memastikan disiplin yang tinggi dalam pengurusan sumber.

Walaupun Bank memberikan perhatian kepada rangka kerja dan prosedur, namun akhirnya, pelaksanaan mandat Bank adalah menerusi pertimbangan dan tindakan kakitangannya. Warga kerja Bank merupakan aset yang paling penting. Pada tahun 2020, Bank akan terus melaksanakan pemurnian terhadap falsafah pengurusan warga kerja Bank bagi memastikan Bank dapat menyerlahkan potensi terbaik dalam setiap individu. Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada semua kakitangan Bank atas dedikasi dan usaha gigih mereka, terutamanya dalam beberapa minggu kebelakangan ini. Saya juga amat berterima kasih kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan yang diberikan.

Ketika saya menggarap perutusan ini dari rumah, dunia sedang menghadapi suasana yang sangat mencabar. Sebagai sebuah negara, Malaysia telah pun berhadapan dengan beberapa kejutan pada tahun ini. Namun, Bank akan terus gigih melaksanakan mandat yang telah diberikan dengan standard profesionalisme dan integriti yang tidak berbelah bahagi. Saya yakin, dengan bantuan Allah SWT, kita akan berjaya mengharungi cabaran kali ini sepertimana kita melakukannya pada masa lepas.



Nor Shamsiah Yunus



Peranan Bank

- 8 Menggalakkan Kestabilan Monetari
- 12 Menggalakkan Kestabilan Kewangan
- 20 *Rencana: Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Respons Secara Berhemat*
- 26 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkum
- 36 *Rencana: Transformasi Ekonomi dan Masyarakat Menerusi Kewangan Islam*
- 40 *Rencana: Merungkai Potensi Inovasi: Persediaan ke Arah Masa Hadapan Digital*
- 43 *Rencana: Penambahbaikan Proses Tuntutan Insurans Kenderaan Bermotor*
- 45 *Rencana: Mengawal Inflasi Tuntutan Insurans Perubatan*
- 47 Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cepak
- 54 Pengeluaran Mata Wang
- 59 Mengekalkan Integriti Kewangan



Peranan Bank





Peranan Bank

Bank Negara Malaysia merupakan bank pusat Malaysia. Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Mandat dan kuasa Bank diberikan menurut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang ditadbirnya¹.



Dalam melaksanakan usaha untuk mendorong kestabilan monetari, Bank merumus dan mengendalikan dasar monetari supaya inflasi kekal rendah dan stabil, selain memastikan dasar monetari menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bank juga diberi mandat untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara.

Bagi menggalakkan kestabilan kewangan, Bank mengawal dan menyelia institusi kewangan bagi memelihara keselamatan dan kekukuhan institusi-institusi tersebut. Bank mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk mengekalkan integriti pasaran dan memastikannya berfungsi dengan teratur. Sistem pembayaran juga berada di bawah pengawasan Bank agar sistem pembayaran dan instrumen pembayaran kekal selamat, cekap dan diyakini. Selain itu, Bank juga mengawal selia amalan dalam kalangan institusi kewangan dan syarikat perantara yang terlibat bagi menyediakan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna kewangan.

Bank memainkan peranan penting dalam mendorong sistem kewangan yang progresif dan inklusif. Usaha ini dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan rakyat Malaysia yang berubah-ubah serta peranan utama kewangan dalam kemajuan sosioekonomi negara. Langkah Bank untuk membangunkan dan memperdalam sistem kewangan konvensional dan kewangan Islam dilaksanakan dengan mengakui bahawa sistem kewangan yang lebih maju ialah sistem yang dapat membantu menyerap kejutan, dan seterusnya menyumbang kepada daya tahan negara.

Selain itu, Bank juga melaksanakan beberapa fungsi penting lain. Antaranya ialah pengeluaran mata wang serta pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa negara. Bank juga merupakan penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan. Bersama-sama dengan agensi kerajaan dan penguatkuasaan undang-undang lain, Bank memainkan peranan dalam membantu mencegah jenayah penyalahgunaan perkhidmatan kewangan.

Semua peranan dan tindakan yang diambil oleh Bank ini adalah demi menjaga kepentingan negara.

¹ Perundangan utama yang lain antaranya termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011; dan Akta Mata Wang 2020.

Menggalakkan Kestabilan Monetari

Peranan utama Bank adalah untuk melaksanakan dasar monetari yang bertujuan mengekalkan kadar kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang rendah dan boleh dijangka serta mengambil kira perkembangan ekonomi semasa. Keputusan dasar monetari dibuat secara autonomi oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) yang bermesyuarat enam kali setahun.¹ Bank menjalankan operasi monetari untuk melaksanakan keputusan yang dibuat oleh MPC.

Dasar monetari pada tahun 2019

Tahun 2019 merupakan tahun yang mencabar. Pada peringkat global, berlaku ketegangan perdagangan yang berlarutan, aktiviti pelaburan dan perdagangan yang lembap, volatiliti pasaran kewangan yang ketara, risiko khusus pada negara-negara tertentu dan ketidakpastian geopolitik. Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, ekonomi Malaysia terjejas akibat perkembangan global ini. Selain itu, aktiviti pelaburan yang lemah dan gangguan bekalan dalam sektor komoditi turut menjejaskan aktiviti ekonomi dalam negeri. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi berkembang sebanyak 4.3% pada tahun 2019 (2018: 4.7%), disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Khususnya, perbelanjaan isi rumah disokong

oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan, serta langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sementara itu, tekanan harga adalah lemah sepanjang tahun. Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2019 ialah 0.7% (2018: 1.0%). Kadar inflasi yang rendah ini disebabkan terutamanya oleh dasar terhadap harga runcit bahan api dan harga kawalan semasa musim perayaan, serta perubahan dasar cukai penggunaan pada tahun 2018, lantas menyebabkan pengurangan tekanan harga.

Pada setiap mesyuarat, MPC membuat keputusan sama ada kadar semasa bagi Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*), penunjuk pendirian dasar monetari, berada pada kadar yang wajar untuk memelihara kestabilan harga dan pada masa yang sama menyokong aktiviti ekonomi. Memandangkan dasar monetari mengambil masa sekurang-kurangnya dua atau tiga suku tahunan sebelum memberi kesan terhadap ekonomi, MPC membuat keputusannya dengan menilai dan membincangkan prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri dan inflasi. Kakitangan Bank memudahkan proses ini melalui pembentangan analisis pemantauan, hasil simulasi, hasil penyelidikan dan unjuran mereka kepada ahli-ahli MPC. MPC juga mengambil kira risiko ketidakseimbangan kewangan yang boleh menjejaskan sektor ekonomi yang lebih luas. Pada tahun 2019, MPC membuat keputusan untuk mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas pada mesyuarat MPC yang berlangsung pada bulan Mei. Susulan keputusan itu, kadar OPR menjadi 3.00%, dan kekal pada kadar tersebut sepanjang tahun 2019. Keputusan mengurangkan kadar OPR dibuat bagi menyediakan persekitaran monetari yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.²

¹ Maklumat lanjut mengenai dasar monetari Malaysia dan MPC boleh dibaca di bahagian Tadbir Urus dalam laporan ini.

² Butiran yang lebih terperinci mengenai analisis yang menjadi asas kepada keputusan MPC boleh didapati dalam Pernyataan Dasar Monetari, dan Buletin Suku Tahunan BNM di laman sesawang BNM, serta Bab 1 Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019.

Operasi monetari dilaksanakan dengan memastikan paras mudah tunai yang wajar dalam sistem perbankan bagi mempengaruhi kadar antara bank semalaman purata (*average overnight interbank rate*, AOIR) supaya terus diurus niaga pada kadar sekitar paras OPR. Kadar ini seterusnya menjadi panduan bagi kadar faedah lain dalam ekonomi, supaya keputusan dasar monetari memberikan kesan sepenuhnya terhadap aktiviti ekonomi seperti yang dihasratkan. Bank juga menggunakan pelbagai instrumen dalam operasi monetari seperti peminjaman tanpa cagaran dan repo pelbagai tempoh jangka pendek bagi memastikan mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan dalam ekonomi. Salah satu instrumen monetari adalah Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR), yang merupakan instrumen untuk menguruskan mudah tunai, biasanya apabila lebih mudah tunai dalam sistem perbankan adalah besar dan berjangka panjang. Pada bulan November 2019, nisbah SRR diturunkan daripada 3.50% kepada 3.00% untuk terus menyokong operasi pasaran kewangan domestik yang cekap.

Kadar pertukaran ringgit

Kadar pertukaran ringgit memainkan peranan penting dalam ekonomi kerana kadar ini dapat memberi kesan terhadap harga eksport, import dan paras hutang mata wang asing. Salah satu peranan Bank adalah untuk memastikan operasi pasaran pertukaran asing berjalan dengan cekap dan berkesan. Malaysia masih meneruskan dasar kadar pertukaran yang fleksibel bagi ringgit. Kadar pertukaran ringgit yang fleksibel ini memainkan peranan penting bagi memastikan ekonomi mampu bertahan daripada kejutan luaran. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah ekonomi terbuka yang terdedah kepada pergerakan aliran modal merentas sempadan yang besar, fleksibiliti ini juga ada kalanya boleh menyebabkan volatiliti dalam pergerakan ringgit, khususnya apabila sentimen pelabur terjejas dengan ketara akibat perkembangan global. Dalam hal ini, Bank terus memastikan volatiliti kadar pertukaran tidak melampau supaya tidak mengganggu aktiviti ekonomi dalam negeri seperti perdagangan dan pelaburan. Matlamat ini dicapai dengan menyediakan mudah tunai yang mencukupi sepanjang masa dalam pasaran pertukaran asing domestik, termasuk melalui campur tangan pertukaran asing dua hala oleh Bank.

Analisis dan penyelidikan

Sepanjang tahun 2019, Bank terus memperkukuh pengawasan dan penyelidikan beranalisis termasuk dari pejabat wilayah Bank Negara Malaysia bagi menyokong usaha MPC membuat keputusan dasar monetari. Dalam persekitaran ketegangan perdagangan yang berterusan, Bank sentiasa mengemas kini penilaian awalnya mengenai kesan ketegangan perdagangan terhadap ekonomi global dan juga ekonomi Malaysia.³ Bagi meningkatkan pemahaman tentang dinamik inflasi, Bank telah mengkaji hubungan antara inflasi makanan yang diimport dengan kadar pertukaran,⁴ serta bagaimana isi rumah membentuk jangkaan inflasi mereka⁵ serta menambah baik penunjuk untuk mengukur inflasi asas dalam ekonomi. Kesimpulan penting telah dibuat dalam memahami trend dan amalan pemberian pinjaman bank.⁶ Bank juga telah menghasilkan alat pengawasan aliran modal yang terdedah pada risiko (*capital flows-at-risk*) dan pertumbuhan global yang terdedah pada risiko (*global growth-at-risk*), yang serupa dengan alat yang digunakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*, IMF). Alat ini masing-masing bertujuan menilai dan menyatakan kuantiti risiko ketara yang boleh menjejaskan aliran modal dan pertumbuhan global menjadi perlahan pada masa hadapan.

Bank turut menjalankan penyelidikan terhadap isu jangka lebih panjang dan struktur yang dihadapi oleh ekonomi. Penyelidikan pada tahun 2019 memberikan penekanan pada kaedah untuk merencanakan semula pelaburan swasta di Malaysia. Usaha ini telah menghasilkan kerjasama dengan Bank Dunia (*World Bank*) untuk memperbaiki ekosistem pelaburan secara keseluruhan di Malaysia. Usaha ini memberi tumpuan kepada tiga bidang pembaharuan utama termasuk mewujudkan objektif pelaburan negara, menyelaraskan promosi pelaburan dan perkhidmatan pelabur, serta meningkatkan kecekapan pentadbiran insentif cukai. Bank turut memberikan sokongan khidmat nasihat kepada

³ Rujuk rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua 2019 bertajuk 'Pertikaian Perdagangan Yang Belum Selesai - Setahun Kemudian' di laman sesawang BNM untuk mengetahui analisis tersebut.
⁴ Rujuk rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Ketiga 2019 bertajuk 'Import Makanan dan Kadar Pertukaran: Tidak Seperti Yang Disangka' di laman sesawang BNM untuk mengetahui analisis tersebut.
⁵ Rujuk rencana Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018 bertajuk 'Apabila Masa Depan Bermula Hari Ini: Jangkaan Inflasi Isi Rumah Malaysia' di laman sesawang BNM untuk mengetahui analisis tersebut.
⁶ Rujuk rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Ketiga 2019 bertajuk 'Harapan Terhadap Bank: Adakah Pemberian Pinjaman Mencukupi?' di laman sesawang BNM untuk mengetahui analisis tersebut.

dihadapi oleh dasar monetari. Persidangan yang menghimpunkan wakil dari bank-bank pusat, golongan akademik dan institusi dasar antarabangsa ini telah membincangkan ruang dasar monetari yang semakin sempit, kesan pengagihan akibat dasar monetari, dan sama ada pandangan baharu daripada bidang lain boleh menawarkan sudut pandangan yang baharu tentang dasar monetari.⁷ Ucapan dasar oleh Profesor Barry Eichengreen telah menyentuh tentang cabaran penstabilan makroekonomi dalam persekitaran kadar faedah yang rendah, serta kesan limpahan daripada tindakan bank pusat terhadap dasar fiskal dan dasar keredaan perubahan iklim.

Kerusi Tun Ismail Ali (*Tun Ismail Ali Chair*), yang diwujudkan oleh Bank di Universiti Malaya pada tahun 2001 untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang ekonomi monetari dan ekonomi kewangan, telah menganjurkan wacana awam dan bengkel penyelidikan untuk para ahli akademik, sektor swasta dan penggubal dasar, serta menyalurkan geran penyelidikan. Tahun 2019 juga menampilkan siri kedua *Tun Ismail Ali Challenge*, yang mempamerkan penyelesaian oleh mahasiswa untuk menangani isu-isu kos sara hidup.

Bank berusaha untuk terus memaklumkan kepada masyarakat yang lebih luas mengenai dasar monetari dan analisis ekonomi. Pernyataan Dasar Monetari memberikan penilaian MPC tentang

prospek ekonomi dan rasional di sebalik keputusan jawatankuasa ini.⁸ Sorotan Bulanan memberikan maklumat terkini tentang perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan bagi setiap bulan. Analisis ekonomi yang lebih mendalam pula diterbitkan dalam Buletin Suku Tahunan Bank.⁹ Bagi memastikan maklumat ini tersebar dengan lebih meluas dan lebih mudah diakses, Bank menerapkan infografik ke dalam Laporan Tahunan dan Buletin Suku Tahunan Bank, yang turut disebar melalui platform media sosial.

Langkah selanjutnya

Dalam keadaan dunia yang sedang menghadapi penularan COVID-19, Bank akan terus memberikan tumpuan pada usaha menangani kesan krisis kesihatan global yang tidak pernah dialami sebelum ini ke atas ekonomi Malaysia. Dalam hal ini, MPC akan terus membuat penilaian ke atas semua data yang berkaitan serta perkembangan ekonomi dan monetari sebelum membuat keputusan mengenai tindak balas dasar monetari yang sesuai. Operasi monetari akan terus menjurus kepada usaha untuk memastikan mudah tunai adalah mencukupi dalam pasaran pertukaran asing, pasaran bon dan pasaran mata wang supaya pengantaraan kewangan tidak terganggu. Bank akan terus memberikan nasihat secara bebas dan profesional kepada Kerajaan berhubung dengan langkah-langkah dasar yang sesuai agar Malaysia boleh menghadapi tempoh yang mencabar ini.

⁷ Bahan persidangan boleh diperoleh di laman sesawang BNM.

⁸ Pernyataan Dasar Monetari boleh diperoleh di laman sesawang BNM.

⁹ Sorotan Bulanan dan Buletin Suku Tahunan BNM boleh diperoleh di laman sesawang BNM.

Menggalakkan Kestabilan Kewangan

Mandat Bank adalah untuk memastikan kestabilan kewangan kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bank melaksanakan mandat ini dengan memastikan sistem kewangan kekal berdaya tahan sepanjang kitaran ekonomi dan berupaya menghadapi kejutan. Dalam hal ini, Bank perlu memastikan institusi kewangan yang berdaya tahan dan diurus dengan baik, membangunkan sistem penjelasan dan penyelesaian yang selamat dan boleh diyakini,

serta memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan teratur. Hal ini seterusnya membolehkan aktiviti kewangan dijalankan dengan cara yang selamat, cekap dan berkesan serta memberikan keyakinan kepada pengguna apabila berurusan dengan institusi kewangan.

Keutamaan kestabilan kewangan pada tahun 2019

Pada tahun 2019, persekitaran ekonomi berhadapan dengan pelbagai cabaran. Oleh itu, keutamaan Bank adalah untuk memastikan sistem kewangan


Jawatankuasa Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Committee*, FSC) yang dipengerusikan oleh Gabenor, merupakan jawatankuasa dalaman peringkat tinggi Bank. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau dan mengambil tindakan untuk mengurangkan atau mengelakkan risiko kepada kestabilan kewangan, yang berpunca daripada perkembangan pada peringkat sistem secara keseluruhan dan pada peringkat institusi.

FSC menilai dan memutuskan:

- dasar kehematan makro untuk mengurangkan atau mengelakkan risiko yang dikenal pasti kepada sistem kewangan;
- tindak balas pengawalseliaan penting untuk menangani risiko yang timbul dalam setiap institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank;
- tindakan penyelesaian suatu institusi kewangan yang tidak lagi berdaya maju, atau hampir tidak berdaya maju; dan
- saranan kepada Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan mengenai pelaksanaan mandat di bawah bidang kuasanya.

Antara peranan FSC yang penting adalah untuk memantau keberkesanan dasar dan tindakan yang diambil, serta memastikan langkah tersebut tetap relevan, dengan mengambil kira perkembangan risiko.



terus menyokong ekonomi supaya berfungsi dengan berkesan. Oleh yang demikian, agenda pengawalseliaan Bank tertumpu pada usaha memastikan institusi kewangan bersikap proaktif dalam menguruskan risiko, dan pada masa yang sama menyediakan persekitaran yang menggalakkan persaingan yang sihat serta membangunkan produk dan perkhidmatan yang inovatif bagi memenuhi keperluan individu dan perniagaan. Bank juga terus menambah baik sistem dan proses penyeliaan dan pengawasan bagi menyokong usaha mengenal pasti dan mengurus risiko terhadap kestabilan kewangan dari awal.

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan bermesyuarat sebanyak empat kali pada tahun 2019 untuk menilai perkembangan kestabilan kewangan. Meskipun risiko telah meningkat dalam beberapa bidang, sistem kewangan kekal berdaya tahan. Hal ini terus disokong oleh penampakan modal institusi kewangan yang kukuh dan amalan pengurusan risiko yang mantap. Butiran lanjut mengenai penilaian risiko semasa dan risiko yang mungkin timbul terhadap kestabilan kewangan disediakan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan.

Bank menerbitkan Tinjauan Kestabilan Kewangan sebanyak dua kali setahun untuk menyampaikan penilaian kestabilan kewangan. Perkembangan


berkaitan bidang pengawalseliaan juga disiarkan dalam Buletin Suku Tahunan yang diterbitkan oleh Bank.

Aktiviti pengawalseliaan

Bank mengeluarkan peraturan untuk menggalakkan amalan pengambilan risiko yang berhemat oleh institusi kewangan. Bank juga berusaha untuk memastikan pengguna menerima layanan yang adil daripada institusi kewangan melalui peraturan yang dapat memupuk amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional. Untuk tujuan itu, Bank memberi penekanan terhadap peranan lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi kewangan untuk menguruskan risiko dengan berkesan.

Pada tahun 2019, Bank terus memastikan rangka kerja pengawalseliaan Bank kekal konsisten dengan piawaian antarabangsa dan menggalakkan daya tahan sistem kewangan negara. Bank juga terus memberi tumpuan pada usaha memperkukuh tadbir urus dan kawalan dalaman institusi kewangan, serta menetapkan piawaian bagi memastikan risiko teknologi dan siber diurus dengan berkesan. Sebagai sebahagian daripada usaha Bank yang berterusan untuk menggalakkan

Gambar Rajah 1: Ringkasan dasar dan dokumen rundingan penting yang dikeluarkan pada tahun 2019



amalan dan budaya yang beretika dalam industri kewangan, Bank juga telah mengeluarkan piawaian mengenai layanan adil kepada pengguna kewangan. Dasar dan dokumen rundingan penting yang diterbitkan pada tahun 2019 dipaparkan dalam Gambar Rajah 1.

Bank terus komited untuk bersikap terbuka dan telus dalam proses pembentukan dasarnya. Bank juga menggunakan pendekatan berasaskan bukti dalam proses pembentukan dasar. Dalam hal ini, Bank mengadakan rundingan secara meluas melalui pelbagai saluran sebelum memuktamadkan dasar-dasar tersebut. Bank juga komited untuk mengkaji semula peraturan Bank secara berkala, bagi memastikan peraturan tersebut masih berkesan dalam mencapai hasil yang dikehendaki, dan responsif terhadap perubahan keadaan pasaran dan perkembangan dalam piawaian antarabangsa.

Bank juga terus bekerjasama erat dengan institusi antarabangsa lain bagi menyokong usaha untuk menggalakkan kestabilan kewangan global. Khususnya, Bank menyertai beberapa badan penetapan piawaian antarabangsa dalam bidang kestabilan kewangan. Badan-badan ini menjadi saluran penting kepada Bank untuk berbincang dan berinteraksi dengan komuniti antarabangsa mengenai piawaian pengawalan bagi memastikan piawaian tersebut relevan dan sesuai untuk menangani risiko kestabilan kewangan yang diuruskan oleh Bank. Bank merupakan peserta yang aktif dalam inisiatif Lembaga Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Board*, FSB), Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (*Basel Committee on Banking Supervision*, BCBS), Persatuan Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (*International Association of Insurance Supervisors*, IAIS), Jawatankuasa Pembayaran dan Infrastruktur Pasaran (*Committee*

on Payments and Market Infrastructures) serta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board*, IFSB). Perbincangan dan interaksi dengan badan-badan ini membolehkan Bank meraih manfaat dan menyumbang kepada khazanah ilmu pengetahuan secara kolektif yang memaklumkan tindakan pengawalseliaan Bank.

Aktiviti penyeliaan

Penyeliaan yang kukuh dan berkesan memainkan peranan yang penting dalam melengkapi aktiviti pengawalseliaan Bank bagi mendorong sistem kewangan kekal teguh dan berdaya tahan. Bagi mencapai tujuan ini, Bank mengamalkan pendekatan berasaskan risiko dan berpandangan

jauh dalam menjalankan penyeliaan. Pendekatan ini memerlukan Bank memberikan tumpuan dan keutamaan pada risiko utama yang dihadapi oleh institusi kewangan dan sistem kewangan secara keseluruhan. Penilaian bagi penyeliaan Bank menggunakan input daripada pelbagai sumber. Sumber ini termasuk data khusus sesebuah institusi, perbandingan rakan setara dan faktor-faktor berkaitan lain yang menentukan profil risiko sesebuah institusi kewangan. Bank juga menilai kekukuhan dan keberkesanan fungsi kawalan sesebuah institusi kewangan serta lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi tersebut. Selain itu, Bank berbincang dan berinteraksi dengan juruaudit luar serta bekerjasama dengan pengawal selia berkaitan yang lain

Rangka kerja pengawalseliaan yang mampu merealisasikan potensi institusi kewangan pembangunan sepenuhnya

Institusi kewangan pembangunan (IKP) terus memainkan peranan penting dalam menyokong sektor ekonomi yang strategik dan mendorong objektif pembangunan sosioekonomi Malaysia. Pada tahun 2019, IKP meluluskan pembiayaan berjumlah RM44.9 bilion (2018: RM32.3 bilion), yang didorong oleh permintaan yang kukuh daripada sektor infrastruktur dan pertanian, serta isi rumah. Yang penting, lebih 14,600 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), termasuk perniagaan permulaan, mendapat pembiayaan berjumlah RM3.8 bilion yang telah diluluskan.

Berpandukan penilaian semula Bank terhadap mandat IKP untuk memastikan objektif pembangunan IKP sejajar dengan strategi ekonomi negara, Bank telah mula melaksanakan pendekatan pengawalan dan penyeliaan yang berbeza-beza secara lebih meluas untuk IKP, mengikut sifat, saiz, kerumitan dan peranan khusus serta mandat setiap IKP. Pendekatan ini penting bagi meminimumkan gangguan pasaran dan memastikan rangka kerja yang sedia ada terus sesuai dengan profil risiko khusus bagi setiap IKP. Pada tahun 2019, tumpuan dasar Bank terhadap IKP menjurus ke arah usaha memupuk budaya impak pembangunan, inovasi serta akauntabiliti dan ketelusan yang lebih baik. Dasar dan dokumen rundingan penting yang dikeluarkan khusus untuk IKP dipaparkan seperti di bawah.



Tadbir Urus Korporat

Dasar ini bertujuan mengukuhkan amalan tadbir urus korporat IKP melalui jangkaan yang lebih tinggi terhadap lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk memupuk budaya risiko yang mantap. Dasar ini juga mempertingkatkan penzahiran IKP terhadap mandat dan rangka kerja pengukuran prestasi mereka.



Pelaporan Kewangan

Draf dedahan ini bertujuan meningkatkan ketelusan mengenai prestasi IKP, khususnya pencapaian mereka dalam memenuhi mandat pembangunan dan keberkesanan mereka mengembleng dana/skim kerajaan.



Pelan Strategik Korporat

Draf dedahan ini memberikan tumpuan pada pembangunan strategi korporat yang kukuh dan berpandangan jauh yang sejajar dengan mandat pembangunan IKP, disokong oleh amalan pengurusan risiko yang mantap untuk memastikannya berterusan untuk jangka panjang. Perkara ini termasuklah jangkaan untuk mengukur kejayaan menerusi penambahbaikan rangka kerja pengukuran prestasi.

seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, untuk memaklumkan penilaian Bank.

Aktiviti penyeliaan Bank terus tertumpu pada penilaian risiko yang ketara terhadap institusi kewangan dan memastikan institusi kewangan mengurus risiko tersebut dengan berkesan pada tahun 2019. Aktiviti penyeliaan Bank juga termasuk penilaian berhubung dengan amalan tatakelakuan institusi kewangan. Aktiviti ini melibatkan penilaian yang disasarkan terhadap amalan jualan institusi kewangan dan keadilan terma kontrak untuk produk kewangan runcit umum.

Pada tahun 2019, Bank juga telah selesai membuat penilaian kedudukan kewangan, tadbir urus, pengurusan risiko dan model operasi Lembaga Tabung Haji (LTH). Penilaian ini dibuat berikutan keputusan Kerajaan untuk meletakkan LTH di bawah penyeliaan pentadbiran Bank. Memandangkan Bank tidak mempunyai kuasa penyeliaan secara formal terhadap LTH, Bank telah mengemukakan penilaian dan cadangannya kepada Kerajaan dan Lembaga Pengarah LTH.

Bank terus menambah baik dan memodenkan pendekatan dan instrumen penyeliaannya. Hal ini termasuk mengautomasikan infrastruktur pelaporan penyeliaan Bank, memanfaatkan instrumen analitik yang telah ditambah baik dan melaksanakan sistem pengawasan yang lebih bersepadu bagi memperkukuh proses penyeliaan Bank. Bank juga telah meningkatkan penilaian penyeliaan Bank untuk lebih memahami cara budaya mendorong tingkah laku pengambilan risiko dalam institusi kewangan.

Terdapat beberapa institusi kewangan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia. Begitu juga dengan sebilangan kumpulan kewangan Malaysia yang telah memperkukuh kedudukan mereka di rantau ini. Sehubungan dengan itu, Bank bekerjasama rapat dengan institusi rakan sejawat antarabangsa dalam bidang penyeliaan. Pada tahun 2019, Bank menyertai enam forum penyeliaan¹ dan satu mesyuarat dua hala sebagai penyelia tuan rumah, dan menganjurkan satu forum penyeliaan untuk sebuah institusi kewangan Malaysia yang mempunyai operasi pada peringkat antarabangsa. Perbincangan dan interaksi ini, yang meliputi penilaian keadaan

¹ Forum penyeliaan merupakan forum untuk badan-badan penyeliaan bagi kumpulan kewangan yang mempunyai operasi rentas sempadan bertukar maklumat dan menyelaras aktiviti penyeliaan.


ekonomi dan kewangan di negara asal dan negara tuan rumah serta isu penyeliaan yang utama, telah memberikan input penting kepada penilaian penyeliaan Bank. Sehingga kini, Bank telah menandatangani enam Memorandum Persefahaman (*Memoranda of Understanding*, MoU) dengan pihak berkuasa penyeliaan asing. Hal ini sejajar dengan komitmen Bank untuk bekerjasama dan menyelaraskan dengan pihak berkuasa penyeliaan asing untuk berkongsi maklumat, memudahkan penyeliaan di premis dan membanteras jenayah kewangan. Bank juga merupakan salah satu pihak yang menandatangani MoU Pelbagai Hala IAIS, yang memudahkan kerjasama Bank dengan penyelia insurans pada peringkat global berhubung dengan perkongsian maklumat dan penyeliaan ke atas syarikat insurans.

Pada tahun 2019, Bank turut bekerjasama dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk terus membangunkan rangka kerja rancangan pemulihan dan penyelesaian dalam negeri bagi Malaysia. Rangka kerja rancangan pemulihan itu menetapkan jangkaan Bank terhadap institusi kewangan supaya cukup bersedia dalam melaksanakan rancangan pemulihan akibat kerugian kewangan dalam tempoh tekanan. Bank telah mengeluarkan draf dedahan, bermula dengan menjelaskan keperluan terhadap institusi perbankan, bagi mendapatkan maklum balas daripada industri tersebut. Keperluan ini seterusnya akan dilanjutkan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful. Bank menjangkakan proses perancangan ini akan berterusan, dengan perbincangan dan interaksi yang erat dengan institusi kewangan untuk merangka pelan yang kukuh.

Tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan

Bagi memastikan institusi kewangan yang kukuh dan diurus dengan baik, Bank mengambil tindakan penyeliaan pada peringkat awal bagi menjamin komitmen daripada institusi kewangan untuk memperbaiki kelemahan dalam tadbir urus, pematuhan dan pengurusan risiko (Rajah 1). Hal ini termasuk menghendaki institusi kewangan melaksanakan langkah-langkah pembetulan, memperkukuh lembaga pengarah atau pengurusan kanan, atau meningkatkan sumber dengan ketara bagi menjalankan penambahbaikan sistem dan kawalan. Tindakan penyeliaan ini terus menjadi

Rajah 1: Bahagian tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan yang diambil




Sumber: Bank Negara Malaysia

pendekatan yang berkesan untuk menghasilkan penambahbaikan yang positif dan berterusan dalam pengurusan risiko dan budaya pematuhan institusi kewangan.


Selain tindakan penyeliaan, Bank juga mengambil tindakan penguatkuasaan formal terhadap institusi kewangan yang tidak memenuhi piawaian pengawalseliaan, atau mengenakan hukuman terhadap aktiviti yang menyalahi undang-undang yang boleh menimbulkan risiko terhadap orang ramai atau integriti sistem kewangan. Pada tahun 2019, Bank menilai 34 kes pelanggaran undang-undang dan peraturan Bank termasuk individu dan entiti yang tidak dikawal selia oleh Bank (Rajah 2 dan 3). Bank juga telah mengenakan kompaun jenayah berjumlah RM3.45 juta dan penalti

Rajah 2: Bilangan kes berdasarkan jenis kesalahan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3: Bilangan kes berdasarkan jenis institusi



* Individu dan entiti yang tidak dikawal selia oleh Bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

monetari pentadbiran sebanyak RM0.9 juta. Pada tahun 2019, Bank mula menyiarkan butiran bagi setiap tindakan penguatkuasaan dalam laman sesawang Bank.

Bank juga memulakan 33 penyiasatan baharu dan membuat 33 pertuduhan terhadap entiti dan individu yang bukan di bawah pengawalseliaan Bank. Pertuduhan ini adalah untuk kesalahan yang berkaitan dengan perniagaan perkhidmatan wang secara haram, pengambilan deposit secara haram dan aktiviti pengubahan wang haram. Pada tahun 2019, Bank berjaya memperoleh 43 sabitan, termasuk pertuduhan yang dimulakan pada tahun-tahun sebelumnya. Sabitan ini melibatkan penalti jenayah berjumlah RM1.5 bilion.

Pemeriksaan pengguna

Bank berusaha untuk memastikan institusi kewangan bersikap adil, bertanggungjawab dan profesional apabila berurusan dengan pengguna. Selain aktiviti pengawalan dan penyeliaan Bank terhadap amalan tatakelakuan institusi kewangan bagi memastikan pengguna dilayan secara adil, Bank juga berusaha untuk memperkasa pengguna dengan meningkatkan tahap literasi kewangan. Usaha ini termasuk melengkapkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam pengurusan kewangan.

Pada bulan Julai 2019, Bank melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023. Strategi ini merupakan pelan lima tahun yang dibangunkan oleh Bank dan beberapa agensi kerajaan untuk

meningkatkan tahap literasi kewangan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Strategi ini menetapkan keutamaan dan pelan tindakan bagi melengkapkan rakyat Malaysia dengan pengetahuan dan maklumat yang mencukupi untuk membuat keputusan kewangan serta menggalakkan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab (Gambar Rajah 2). Pelaksanaan strategi ini dipacu dan disokong oleh Jaringan Pendidikan Kewangan².

Bagi memperkasakan pengguna, Bank juga membangunkan dan memastikan saluran yang berkesan untuk pengguna menyelesaikan aduan dan pertikaian mereka dengan institusi kewangan. Sebagai saluran pertama untuk pengguna, Bank menghendaki semua institusi kewangan mempunyai proses dan prosedur pengurusan aduan yang mudah diakses dan berkesan. Bank menilai semula pengaturannya ini bagi memastikan institusi kewangan mengurus aduan dengan pengawasan yang mencukupi serta dilakukan secara bebas dan profesional. Sejak beberapa tahun yang lalu, Bank mendapati peningkatan yang ketara dalam tahap responsif institusi kewangan terhadap aduan pengguna. Sehubungan dengan itu, lebih banyak aduan yang telah diselesaikan sendiri oleh institusi kewangan dan kurang aduan yang perlu ditangani oleh Bank.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (*Ombudsman for Financial Services, OFS*), yang dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan (*Financial Mediation Bureau*), bertindak sebagai saluran tambahan untuk pengguna mendapatkan nasihat dan bantuan penyelesaian alternatif. Satu kajian bebas telah dijalankan terhadap operasi OFS pada tahun 2019 untuk menilai keberkesanannya. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa OFS berkesan dalam menyediakan penyelesaian yang bebas dan tidak berpihak bagi pertikaian dan tuntutan yang dibuat terhadap institusi kewangan. Beberapa saranan

diberikan untuk membolehkan khidmat OFS lebih mudah diakses oleh pengguna dan mengurangkan lagi tempoh masa untuk menyelesaikan pertikaian. Saranan-saranan ini sedang dipertimbangkan oleh pihak OFS.

Bank juga memainkan peranan dalam membantu pengguna dan PKS melalui BNMLINK yang merupakan pusat khidmat pelanggan Bank. Antara lain, BNMLINK menyediakan maklumat dan bantuan kepada orang ramai mengenai hak dan tanggungjawab mereka. BNMLINK juga membantu orang ramai yang mempunyai aduan terhadap institusi kewangan.

Pada tahun 2019, OFS menerima 1,047 kes (2018: 761), manakala BNMLINK mengendalikan 5,332 kes aduan (2018: 5,704).

Langkah selanjutnya

Pada tahun 2020, Bank akan memberi tumpuan pada usaha memantau dan mengesan potensi tekanan dalam sistem kewangan bagi membolehkan tindakan segera diambil untuk menangani sebarang risiko kepada kestabilan kewangan. Keutamaan pengawalseliaan dan penyeliaan juga akan ditumpukan semula kepada usaha memastikan sistem kewangan terus kukuh, dan dapat memenuhi keperluan kewangan ekonomi dalam tempoh yang mencabar ini. Usaha ini melibatkan penyesuaian yang dilakukan oleh Bank terhadap pendekatan pengawalseliaan dan penyeliaan bagi menangani risiko-risiko yang ketara dalam sistem kewangan, sambil mengurangkan beban pematuhan bagi membolehkan institusi kewangan menumpukan usaha dan sumber mereka dalam mengurus risiko dan memberikan sokongan kepada pelanggan secara proaktif. Bank juga akan memberikan tumpuan pada usaha mengukuhkan daya tahan sistem kewangan dengan memastikan bahawa institusi kewangan mengambil tindakan tepat pada masanya untuk membina semula penampan institusi apabila ekonomi pulih.

² Ahli Jaringan Pendidikan Kewangan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Permodalan Nasional Berhad.

Gambar Rajah 2: Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 – 2023: Strategi Utama dan Pelan Tindakan

**Strategi Utama 1: Menyemai nilai murni sejak usia muda**

- Memperluas elemen asas pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah dari peringkat prasekolah, sekolah rendah sehingga menengah
- Memperkukuh pendidikan kewangan melalui aktiviti kokurikulum
- Memperkenalkan pembangunan keupayaan dan sokongan kepada guru
- Menggalakkan penyertaan pendidikan kewangan dalam kalangan murid, kumpulan ibu bapa dan masyarakat

**Strategi Utama 2: Meningkatkan akses orang ramai kepada maklumat, alat kewangan serta sumber berkaitan pengurusan kewangan**

- Menjadikan maklumat asas pendidikan kewangan difahami, diperolehi dan diakses dengan mudah oleh semua
- Meningkatkan kesedaran dan mempergiat inisiatif pendidikan kewangan melalui kempen mendekati masyarakat di seluruh negara

**Strategi Utama 3: Memupuk tabiat kewangan yang positif dalam kalangan kumpulan sasaran**

- Menyampaikan pengetahuan kewangan untuk menggalakkan tabiat kewangan yang positif dalam kalangan belia
- Menggalakkan pendidikan kewangan di tempat kerja untuk meningkatkan daya tahan kewangan yang seterusnya akan memberi impak positif terhadap produktiviti pekerja
- Memupuk amalan pengurusan wang secara bijak melalui pendidikan kewangan dalam komuniti
- Melengkapkan individu yang bekerja sendiri dengan pengetahuan kewangan bagi menggalakkan kemapanan diri dan perniagaan

**Strategi Utama 4: Memperkasa amalan perancangan kewangan jangka panjang dan persaraan**

- Menggalakkan penggunaan alat bantu dan panduan kewangan yang inovatif bagi menambah baik perancangan kewangan jangka panjang
- Mewujudkan kesedaran dan mempromosi manfaat mendapatkan nasihat profesional tentang perancangan kewangan
- Menggalakkan kepelbagai dalam pendapatan melalui promosi saluran dan platform untuk simpanan secara sukarela
- Mendidik rakyat Malaysia supaya membuat perancangan kewangan jangka panjang untuk persaraan mereka

**Strategi Utama 5: Mengumpul dan melindungi harta**

- Meningkatkan pemahaman tentang risiko dan pulangan untuk mengumpul harta
- Meningkatkan kesedaran tentang inovasi produk dan perkhidmatan kewangan serta implikasinya
- Meningkatkan kesedaran tentang skim penipuan kewangan
- Menyediakan dan menerbitkan bahan berkaitan produk dan perkhidmatan kewangan yang sofistikated

Sumber: Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019–2023


Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Respons Secara Berhemat

Perubahan iklim menimbulkan risiko sebenar kepada ekonomi

Perubahan iklim menimbulkan risiko yang besar dan semakin ketara terhadap masa depan kita bersama. Peningkatan paras air laut, banjir dan kemarau menyebabkan manusia terpaksa berpindah, perniagaan tergendala, sumber alam terancam serta punca pendapatan terjejas. Malaysia juga tidak terlepas daripada risiko fizikal dan peralihan akibat perubahan iklim.

Peningkatan intensiti dan kekerapan peristiwa berkaitan iklim mengakibatkan peningkatan risiko fizikal dan liabiliti kepada ekonomi negara. Dalam dua dekad yang lalu, Malaysia telah mengalami lebih 50 bencana alam yang menjejaskan kehidupan lebih tiga juta penduduk yang meliputi perpindahan secara terpaksa, kecederaan dan kematian. Kekerapan dan keseriusan banjir besar dan kemarau telah menjejaskan punca pendapatan dengan teruk – terutamanya terhadap penduduk yang terlibat dalam sektor pertanian. Antara tahun 1998 sehingga 2018, ekonomi Malaysia telah menanggung kerosakan berjumlah kira-kira RM8 bilion akibat bencana ini (Rajah 1).

Rajah 1: Kesan kejadian berkaitan iklim ke atas Malaysia




¹ Merujuk bank, penanggung insurans dan pengendali takaful.

² Termasuk sektor pembinaan, minyak dan gas, utiliti, pengangkutan, perkilangan automotif, perkilangan getah dan plastik, serta pertanian utama.

Sumber: Zurairi, A.R. (2018); Yaacob, O. & Chau, Q.P. (2005), anggaran Bank Negara Malaysia

Usaha untuk mencapai masa depan yang lebih lestari juga menimbulkan risiko peralihan serta-merta terhadap pelbagai pekerjaan dan industri. Sekiranya hal ini tidak diurus dengan baik, perubahan dasar, teknologi dan pasaran boleh menjejaskan penilaian aset dan meningkatkan risiko perniagaan dengan ketara dalam industri seperti arang batu, minyak dan gas, dan tenaga. Keadaan ini seterusnya boleh menyebabkan kerugian yang besar dan mendadak dalam pelaburan yang dibuat atau pinjaman yang diberikan oleh institusi kewangan dalam industri ini, dan dengan itu mendedahkan institusi kewangan tersebut kepada risiko hakisan modal dan kedudukan kewangan.

Gambar Rajah 1: Impak risiko fizikal, peralihan dan liabiliti terhadap sistem kewangan



¹ Aset terkandas ialah aset yang mengalami penurunan nilai yang tidak dijangka atau terlalu awal

Sumber: *The Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System (NGFS) 1st Comprehensive Report*


Risiko iklim juga boleh menjejaskan ekonomi dan sistem kewangan

Perubahan iklim dan kesannya merupakan isu penting kepada ekonomi dan sistem kewangan. Bank-bank, penanggung insurans dan pengendali takaful terdedah kepada risiko liabiliti, jejas nilai aset, dan peningkatan tuntutan (Gambar Rajah 1). Memandangkan kira-kira 11.7% daripada aset institusi kewangan Malaysia tergolong dalam sektor yang berpotensi terdedah kepada perubahan iklim (Rajah 2), institusi-institusi tersebut hendaklah menangani risiko iklim sama seperti risiko kewangan lain yang berpotensi menjejaskan keuntungan dan kedudukan kewangan mereka serta menjejaskan keupayaan institusi kewangan untuk memperoleh dana. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan sewajarnya, perubahan iklim juga boleh mengakibatkan risiko sistemik. Secara kolektif, semua ini boleh menyebabkan penguncupan dalam aktiviti kewangan penting yang menyokong ekonomi.

Keadaan iklim yang teruk atau berlarutan juga boleh menjejaskan keseluruhan pertumbuhan secara langsung. Satu contoh terkini ialah kemarau berpanjangan yang berlaku pada tahun lepas yang telah mengakibatkan gangguan bekalan dalam pengeluaran minyak sawit. Bencana ini memberikan kesan yang nyata terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia terutamanya pada suku keempat tahun 2019. Pengurangan bekalan komoditi negara dan antarabangsa, atau barangan makanan yang disebabkan oleh keadaan cuaca juga boleh mengakibatkan tekanan inflasi.

Atas sebab ini, perubahan iklim berkait secara langsung dengan mandat Bank untuk memelihara kestabilan monetari dan kewangan melalui beberapa cara (Gambar Rajah 2).

Rajah 2: Dedahan institusi kewangan Malaysia dalam sektor yang berpotensi terdedah kepada perubahan iklim



Data awalan sehingga bulan November 2019

Pembinaan termasuk kejuruteraan awam infrastruktur, kediaman dan bukan kediaman; utiliti termasuk elektrik & air; pengangkutan termasuk pengangkutan darat, air & udara; pertanian utama termasuk terutamanya minyak sawit

Nota: Dedahan berdasarkan keperluan pelaporan sedia ada dan boleh diperincikan apabila taksonomi lestari telah dibangunkan

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Respons terhadap risiko iklim – dan peluang

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk membina daya tahan iklim dalam kalangan institusi kewangan, Bank telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengenal pasti dan mengukur dedahan risiko iklim secara teratur. Pada bulan Disember 2019, Bank telah mengeluarkan Kertas Perbincangan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (*Climate Change and Principle-based Taxonomy Discussion Paper*) untuk mendapatkan maklum balas berhubung dengan pengelasan aset yang berkaitan dengan aktiviti pemerolehan dana, pemberian pinjaman dan pelaburan secara yang konsisten berdasarkan dedahan kepada risiko iklim. Inisiatif ini bertujuan untuk menangani isu kekurangan takrif umum dan data yang dipersetujui pada peringkat kebangsaan bagi membolehkan pengukuran impak risiko iklim terhadap institusi kewangan dan sistem kewangan secara keseluruhannya. Pelaksanaan taksonomi ini penting bagi menyokong keputusan berasaskan maklumat yang mencukupi dan analisis tentang dedahan risiko iklim dalam sistem kewangan.

Dengan adanya data dan pemahaman yang lebih mantap terhadap risiko berkaitan dengan iklim, taksonomi ini juga dijangka meningkatkan aliran kewangan kepada aktiviti yang akan menyokong peralihan kepada sesebuah ekonomi rendah karbon dan yang berdaya tahan terhadap iklim. Beberapa bank kini sudah pun menawarkan kadar keutamaan (*preferential rates*) atau diskaun untuk pembiayaan projek lestari dalam bidang seperti perkilangan hijau serta tenaga bersih dan yang boleh diperbaharui (*clean and renewable energy*). Pembiayaan berkaitan dengan kelestarian juga tersedia bagi membantu peralihan peminjam korporat. Peminjam yang mencapai sasaran prestasi kelestarian mereka akan mendapat manfaat dalam bentuk rebat dalam kadar faedah atau keuntungan yang dikenakan. Taksonomi ini akan membolehkan institusi kewangan mengenal pasti dan mengembangkan peluang yang serupa dan melakukannya dengan lebih yakin berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Meskipun Bank menjangkakan berlaku tindak balas yang menyeluruh daripada sistem untuk menangani cabaran iklim, Bank juga menyedari bahawa institusi kewangan Islam berada pada kedudukan yang baik untuk menerajui bidang ini. Hal ini kerana kewangan Islam berlandaskan prinsip Syariah yang menghendaki institusi kewangan Islam menerapkan amalan yang memberikan kesan yang positif dan impak yang berterusan kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Dalam menilai kesan keputusan pembiayaan dan pelaburan,

Gambar Rajah 2: Perubahan iklim dan fungsi Bank



Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF*) yang dikeluarkan pada tahun 2019 memberikan panduan secara menyeluruh kepada institusi kewangan Islam berhubung dengan pembangunan rangka kerja pengurusan risiko berasaskan impak. Rangka kerja ini meluaskan pendekatan pengurusan risiko tradisional dengan merangkumi impak kepada alam sekitar dan sosial¹. Dengan sokongan Bank, industri sedang memuktamadkan dokumen panduan pelaksanaan pengurusan risiko berasaskan impak bagi sektor cekap tenaga (*efficient energy*), tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) dan minyak sawit. Sehingga kini, institusi kewangan Islam mula menawarkan produk dan perkhidmatan yang selaras dengan kewangan lestari, seperti kadar pembiayaan keutamaan (*preferential financing rates*) untuk kenderaan hibrid dan harta tanah yang bersijil hijau (*green-certified*). Institusi kewangan konvensional dan Islam turut membantu peniaga kecil minyak sawit untuk mendapatkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Certification*).

¹ Untuk maklumat lanjut, rujuk Laporan Tahunan BNM 2019, bab bertajuk "Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkom: Menggalakkan Penawaran Produk Kewangan yang Pelbagai dan Mampan"

Bank juga melaksanakan usaha ke arah membangunkan penyelidikan, instrumen dan rangka kerja untuk menilai risiko berkaitan dengan iklim terhadap kestabilan kewangan. Usaha sedang dijalankan bagi membangunkan rangka kerja analitis untuk mengukur impak perubahan iklim terhadap sistem kewangan dan ekonomi. Bank juga bekerjasama erat dengan pengawal selia dan pelabur institusi lain untuk menggalakkan penzahiran bagi meningkatkan ketelusan tentang cara pertimbangan risiko iklim diterapkan ke dalam keputusan perniagaan institusi kewangan. Isu berkaitan dengan iklim juga semakin banyak dibincangkan secara aktif dalam interaksi bersama institusi kewangan berlesen untuk lebih memahami amalan dan strategi pengurusan risiko institusi kewangan.

Bekerjasama dengan pihak lain

Risiko iklim merupakan satu isu yang rumit, dengan pelbagai aspek yang sentiasa berubah. Oleh itu, Bank telah menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan, industri dan pengawal selia lain dalam negeri untuk menangani risiko iklim. Pada bulan September 2019, Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah bersama-sama menubuhkan Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (*Joint Committee on Climate Change, JC3*) bagi memacu dan menyelaraskan tindak balas kolektif oleh institusi kewangan mengenai risiko iklim. Matlamat JC3 adalah untuk: (i) membina keupayaan melalui perkongsian pengetahuan, kepakaran dan amalan terbaik berhubung dengan usaha menilai dan mengurus risiko berkaitan dengan iklim; (ii) mengenal pasti isu, cabaran dan keutamaan yang dihadapi oleh sektor kewangan dalam mengurus peralihan ke arah ekonomi rendah karbon; (iii) memudahkan penyelarasan tindak balas terhadap cabaran dan isu; dan (iv) menyokong penerapan pertimbangan risiko iklim oleh institusi kewangan ke dalam operasi perniagaan mereka. Anggota dan pemerhati JC3 ini terdiri daripada wakil-wakil sektor kewangan, agensi Kerajaan utama dan pelabur institusi (Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 3: Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (*Joint Committee on Climate Change, JC3*)



Bank juga merupakan sebahagian daripada Pasukan Petugas Pembiayaan Hijau Malaysia (*Malaysian Green Financing Taskforce*) yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi memacu pembiayaan sektor swasta dalam sektor tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*). Bank juga terus berbincang dan berinteraksi dengan kementerian dan agensi berkaitan untuk meningkatkan penjajaran antara Kerajaan dengan sektor kewangan dari segi tindak balas terhadap risiko iklim.

Pada peringkat antarabangsa, Bank merupakan anggota Rangkaian Bank Pusat dan Penyelia untuk Menghijaukan Sistem Kewangan (*Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System, NGFS*) pada bulan Oktober 2018. Keanggotaan NGFS terdiri daripada 55 bank pusat dan penyelia lain dari ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Rangkaian ini membolehkan Bank meraih manfaat daripada pengetahuan dan pengalaman yang mendalam berhubung dengan risiko berkaitan dengan iklim dan alam sekitar serta berkongsi amalan terbaik bagi menyokong tindak balas Bank terhadap risiko iklim dan peluang yang muncul. Bank menyumbang secara aktif terhadap usaha ini termasuk memberikan pandangan penting dari perspektif ekonomi sedang membangun untuk perbincangan dan penerbitan NGFS.

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkum

Bank terus komited untuk menggalakkan sistem kewangan yang progresif dan terangkum, yang mampu mengagihkan sumber kewangan secara berkesan dan cekap bagi memenuhi keperluan ekonomi dan rakyat Malaysia.


Pada tahun 2019, usaha Bank untuk membangunkan sektor kewangan tertumpu pada aspek menyesuaikan peraturan kawal selia untuk berhadapan dengan realiti inovatif baharu, memperdalam pasaran kewangan dan menggalakkan penawaran produk yang mampan dan terangkum. Bank juga terus menumpukan usaha untuk meningkatkan rangkuman kewangan dalam kalangan pengguna.

Menggalakkan pendigitalan perkhidmatan kewangan


Pendigitalan kewangan berpotensi untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kewangan kepada para pelanggan. Bagi pengguna dan entiti perniagaan, hal ini memungkinkan akses kepada perkhidmatan dan pengurusan kewangan yang lebih mudah, cepat dan murah. Bagi merealisasikan potensi ini, Bank berusaha untuk memastikan peraturan kawal selia Bank tidak menghalang pendigitalan kewangan yang lebih meluas dalam sektor kewangan dan pada masa yang sama, memastikan institusi kewangan mengurus risiko yang berkaitan dengan berkesan.

Pada tahun 2019, Bank telah mengeluarkan draf dedahan tentang penggunaan teknologi Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic*

Gambar Rajah 1: Usaha pembangunan pada tahun 2019



Gambar Rajah 2: Susunan aliran pembukaan akaun bank melalui e-KYC



Know-Your-Customer, e-KYC) untuk pembukaan akaun individu dalam sektor kewangan. Penggunaan e-KYC membolehkan pelanggan membuka akaun secara digital, tanpa perlu hadir ke cawangan bank. Bagi institusi kewangan pula, e-KYC dapat mengurangkan kos dan masa yang diambil untuk mendaftarkan pelanggan baharu. Kemudahan ini boleh membantu meningkatkan penggunaan perkhidmatan kewangan, di samping memberikan lebih kemudahan kepada pelanggan. Ilustrasi pengalaman yang bakal dialami oleh pelanggan apabila menggunakan e-KYC ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2. Meskipun Bank mengusulkan saranan untuk membolehkan penggunaan e-KYC, draf dedahan ini turut menetapkan beberapa syarat bagi memastikan penyelesaian e-KYC adalah selamat dan berkesan.

Pada tahun itu juga, Bank turut mengumumkan rancangan untuk melesenkan bank digital. Pelesenan peserta baharu yang mempunyai model perniagaan yang inovatif dijangka dapat memanfaatkan ekonomi dan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat Malaysia. Bank digital boleh memainkan peranan penting dalam memastikan pengguna kewangan mempunyai akses yang bermakna kepada perkhidmatan kewangan serta penyelesaian yang sesuai dan mampu milik. Untuk tujuan ini, Bank telah mengeluarkan draf dedahan yang menjelaskan pendekatan yang diambil untuk pelesenan bank

digital. Pendekatan pelesenan yang dicadangkan ini diolah untuk menggiatkan pertumbuhan bank digital secara selamat dan mampan, di samping menangani keperluan pelanggan yang belum dipenuhi, khususnya dalam segmen yang kurang mendapat perkhidmatan dan tidak mendapat perkhidmatan kewangan. Bank juga telah mengeluarkan butiran rangka kerja pengawalseliaan yang telah dipermudahkan untuk diterapkan kepada peserta baharu pada fasa awal operasi mereka. Hal ini bertujuan untuk mengurangkan halangan penyertaan peserta baharu dalam industri ini dan pada masa yang sama memberikan tempoh yang secukupnya untuk bank digital mencapai tahap kepatuhan peraturan yang setara dengan bank berlesen sedia ada.

Lazimnya, pembiayaan perdagangan melibatkan proses dan kertas kerja yang memakan masa. Pada tahun 2019, satu gabungan bersama sembilan bank telah membangunkan penyelesaian bagi mendigitalkan pembiayaan perdagangan. Dalam fasa pertama, Bank telah membangunkan konsep pembuktian (*proof-of-concept*) iaitu Spyder dalam makmal inovasi Bank. Spyder ialah penyelesaian berasaskan teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology, DLT*) yang membolehkan bank-bank saling berkongsi maklumat invois antara satu sama lain secara terjamin. Penyelesaian ini membantu

Gambar Rajah 3: Spyder sekilas pandang




mengurangkan pemalsuan dan kesalahan dalam proses pembiayaan perdagangan. Bagi entiti perniagaan, penyelesaian ini turut menjanjikan pengalaman pembiayaan perdagangan yang lebih lancar. Pada bulan November 2019, Bank telah menamatkan fasa ujian Spyder. Berasaskan penyelesaian ini, kumpulan kerja bersama tersebut akan menyepadukan pihak-pihak ketiga di sepanjang rantai bekalan, seperti syarikat perkapalan, kastam dan penanggung/pengendali insurans/takaful pada masa hadapan. Hal ini dilakukan supaya proses pembiayaan perdagangan hujung-ke-hujung menjadi lebih komprehensif.

Bagi menggalakkan ekosistem yang lebih komprehensif untuk memudahkan pembiayaan perdagangan, Bank menerbitkan dokumen dasar mengenai Insurans Kredit Perdagangan (*Trade Credit Insurance, TCI*) dan Takaful Kredit Perdagangan (*Trade Credit Takaful, TCT*) pada bulan Mei 2019. Penawaran TCI dan TCT melengkapi penyelesaian tradisional pengantaraan pembiayaan

perdagangan oleh bank – seperti surat kredit – dan membuka saluran tambahan kepada peniaga untuk melindungi entiti mereka daripada risiko kegagalan pembeli melunas pembayaran ke atas barangan dan perkhidmatan. Penyelesaian ini juga memperkasa perniagaan untuk mengurus risiko negara dengan lebih baik, lantas membuka peluang kepada mereka untuk meneroka pasaran baharu.

Penggunaan teknologi dalam pasaran kewangan juga semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Khususnya, usaha menjadikan pasaran kewangan semakin mesra elektronik menjanjikan kecekapan dan ketelusan yang lebih tinggi dalam proses pengantaraan dan penentuan harga. Dalam usaha menyokong perkembangan ini di Malaysia, Bank telah mengeluarkan rangka kerja Platform Dagangan Elektronik (*Electronic Trading Platform, ETP*) pada bulan November 2019. Rangka kerja ini menetapkan kehendak Bank terhadap kawalan dan tadbir urus pengendali ETP yang berdaftar di Malaysia,

Gambar Rajah 4: Minggu MyFintech dan Persidangan Industri Kewangan 2019



dengan tujuan untuk memastikan integriti dan keadaan pasaran yang teratur kekal terpelihara. Hal ini termasuk keperluan untuk memastikan pengendali ETP melindungi kerahsiaan pelanggan dan data perdagangan, di samping mengurus risiko teknologi bagi platform terbabit.

Bank terus mempergiat perbincangan dengan industri dan pihak berkepentingan lain untuk memacukan agenda pendigitalan maju ke hadapan. Pada bulan Jun 2019, Bank menganjurkan Minggu MyFintech dan Persidangan Industri Kewangan (*MyFintech Week and Financial Industry Conference*) yang menerima kehadiran lebih 2,000 peserta dan penceramah untuk membincangkan perkara yang membentuk masa hadapan kewangan di Malaysia. Meskipun Minggu MyFintech dan Persidangan Industri Kewangan mengandungi sesi-sesi yang merentas pelbagai bidang dan isu, namun pendigitalan kewangan merupakan tema yang paling menonjol. Acara ini turut

mengetengahkan pelbagai penyelesaian kewangan yang berinovatif termasuk penyelesaian yang dibangunkan oleh 16 syarikat mula niaga Malaysia yang menyertai program pemangkin (*accelerator programme*) yang diadakan bersempena dengan acara ini. Sorotan penting daripada acara ini, termasuk penyelesaian yang diketengahkan diuraikan lebih lanjut dalam Gambar Rajah 4.

Menggalakkan penawaran produk kewangan yang pelbagai dan mampan

Sistem kewangan yang progresif perlu bertindak balas terhadap perubahan keperluan individu dan entiti perniagaan. Hal ini bermaksud satu sistem kewangan yang menyediakan rangkaian penawaran kewangan yang sesuai bagi memenuhi keperluan

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkum

yang pelbagai ini. Produk baharu yang ditawarkan tidak hanya perlu memberi nilai ekonomi, tetapi juga menyumbang kepada impak persekitaran dan sosial yang positif.

Satu perkara penting yang menjadi tumpuan pada tahun 2019 ialah kerjasama Bank dengan sektor insurans dan takaful bagi merangka saranan untuk fasa pembaharuan kadar Tarif Motor dan Kebakaran yang seterusnya. Saranan ini akan berlandaskan langkah-langkah sebelum ini untuk menggalakkan inovasi dan kecekapan yang lebih tinggi dalam pasaran insurans/takaful, dan pada masa yang sama menyediakan insentif untuk individu dan perniagaan melaksanakan pengurusan risiko dengan lebih baik. Pada tahun 2019, industri ini telah memperkenalkan lebih 200 produk insurans motor dan kebakaran yang baharu bagi memenuhi keperluan perlindungan yang berbeza. Pembaharuan ini, antara lain termasuk pengecualian lebihan wajib bagi pemandu yang tidak dinamakan, bencana khas yang terhad dan perlindungan harian untuk e-panggilan (*e-hailing*). Pelaksanaan penentuan harga yang lebih fleksibel adalah perlu untuk industri membangunkan produk yang lebih inovatif dan yang telah disesuaikan. Namun, Bank juga akan memastikan perlindungan yang sewajarnya ditetapkan bagi memelihara akses dan kemampuan untuk memiliki produk insurans/takaful. Bank juga akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menangani isu struktur yang penting bagi mengurangkan masa yang diambil dan risiko pemalsuan semasa pemprosesan tuntutan. Untuk butiran lanjut, sila rujuk rencana 'Ketidakcekan Tuntutan Insurans Motor' yang terkandung dalam penerbitan ini.

Pada tahun 2019, menerusi Pasukan Petugas bagi Membendung Kos Perubatan, industri telah memulakan usaha mengkaji punca inflasi tuntutan perubatan dan langkah-langkah pemulihan yang boleh dilaksanakan. Kajian ini akan memastikan strategi masa hadapan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan – termasuk tuntutan insurans/takaful perubatan dan kesihatan – kekal mampan, boleh diakses dan mampu dimiliki. Jika dibiarkan berlarutan, isu ini mungkin mengakibatkan peningkatan premium untuk semua pemegang polisi dalam jangka panjang, sekali gus menjadikan insurans/takaful tidak lagi mampu dimiliki dan di luar jangkauan kebanyakan rakyat Malaysia. Rencana 'Menguruskan Inflasi dalam Tuntutan Perubatan' yang terkandung dalam penerbitan ini cuba mengkaji

faktor-faktor yang mendasari inflasi dalam tuntutan dan meneroka beberapa idea untuk menggalakkan kemampuan segmen insurans/takaful perubatan dan kesihatan.

Meskipun komitmen untuk menyokong pembangunan yang mampan didukung oleh semua institusi kewangan, institusi kewangan Islam, yang berteraskan Syariah, berada pada kedudukan yang cukup baik untuk merintis usaha menjana impak yang positif kepada persekitaran dan komuniti. Oleh itu, agenda Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*, VBI) telah dilancarkan pada tahun 2017 dalam usaha memperkasa objektif Syariah bagi menganjur kebaikan dan mencegah kemudaratan.

Pada bulan November 2019, Bank bersama-sama industri telah mengeluarkan satu rangka kerja penilaian VBI yang menggariskan panduan tentang faktor-faktor berasaskan impak yang perlu diambil kira oleh institusi kewangan Islam dalam menyediakan pembiayaan dan membuat pelaburan. Faktor-faktor ini termasuk faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance*, ESG). Menerusi rangka kerja ini, institusi kewangan Islam digalakkan untuk membimbing pelanggan, pelabur dan pihak berkepentingan mereka dalam menerapkan amalan yang lebih mampan. Sebagai contoh, semasa proses penilaian pembiayaan untuk projek pembinaan, pelanggan digalakkan untuk memenuhi keperluan penarafan infrastruktur mampan seperti *Sustainable INFRASTAR* yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (*Construction Industry Development Board Malaysia*, CIDB). Penarafan kemampuan seperti ini merupakan alat panduan untuk pelanggan memastikan projek infrastruktur mereka telah menerapkan faktor-faktor ESG yang seimbang. Garis panduan ini bukan sahaja untuk rujukan institusi kewangan Islam, tetapi turut boleh digunakan oleh institusi kewangan konvensional.

Dalam sektor takaful, Bank sedang bekerjasama dengan industri untuk membangunkan panduan bagi penggunaan takaful berasaskan nilai. Persatuan Takaful Malaysia (*The Malaysian Takaful Association*) juga telah menerajui usaha untuk menyelaraskan perniagaan takaful semasa dengan objektif VBI. Beberapa pengendali takaful sudah mula mengenal pasti strategi yang memberi tumpuan pada penghasilan nilai dan impak untuk menangani rangkuman sosial dan keperluan kewangan

Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation, VBI*)

VBI menerapkan saranan kepentingan aktiviti pengantaraan untuk mempunyai tumpuan yang jelas dan unik dalam menjana impak positif dan mampan kepada ekonomi, masyarakat dan persekitaran.



Ciri-ciri VBI boleh diterima pakai di seluruh sektor kewangan (meliputi peserta kewangan konvensional dan kewangan Islam) –

- *Tingkatan kepada matlamat menyeluruh, yang memberi penekanan kepada memaksimumkan nilai/kesan positif dan mencegah kesan negatif kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar*
- *Pertalian yang kukuh dengan ekonomi benar dan mengintegrasikan ciri pengurusan risiko (penghindaran daripada aktiviti spekulatif dan memudaratkan)*
- *Perspektif yang holistik untuk mencapai perkembangan sosio-ekonomi*

VBI memberikan penekanan yang sama rata kepada penghasilan nilai ekonomi dan pendukung nilai-nilai etika. Sehubungan itu, strategi dan prestasi perniagaan perlu dinilai dan diukur berdasarkan pertimbangan yang lebih meluas berbanding dengan penilaian keuntungan komersial semata-mata. Pendekatan penilaian risiko perlu juga mengambil kira amalan perniagaan yang mampan dalam pertimbangan penyediaan pembiayaan dan pelaburan.

Sebagai contoh, sebuah bank yang berorientasikan VBI turut boleh memberikan khidmat nasihat selepas pembiayaan bagi melengkapi penyediaan pembiayaannya kepada pelanggan korporat dalam sektor pertanian. Khidmat nasihat selepas pembiayaan ini merangkumi aspek operasi perniagaan yang berterusan seperti pengurusan sumber yang wajar untuk tujuan pengairan tanaman dan pemulihan alam sekitar.

segmen-segmen tertentu. Sebagai contoh, segmen yang secara tradisinya terpinggir seperti orang kurang upaya (termasuk pesakit mental) kini boleh mendapatkan perlindungan mampu milik yang meliputi kematian akibat kemalangan, kematian biasa, rawatan perubatan dan elau hospital yang disebabkan oleh kemalangan.

Memperdalam pasaran kewangan

Bank juga telah melancarkan langkah-langkah untuk memperdalam lagi pasaran kewangan Malaysia dan meningkatkan akses pasaran.

Program lindung nilai dinamik mula diperkenalkan pada tahun 2016 bagi menyediakan saluran kepada pelabur untuk menguruskan dedahan risiko pertukaran asing mereka di dalam Malaysia. Program ini telah terus dipertingkatkan pada tahun 2019 untuk

mengambil kira keperluan pelabur yang bertambah dan pelbagai. Bagi mencapai matlamat ini, Bank telah membuka penyertaan program ini kepada bank amanah dan kustodian global. Bank juga menyediakan pilihan untuk pelabur menandatangani kontrak hadapan bagi pembelian ringgit melebihi paras ambang semasa, iaitu 25%, setelah mendapat kelulusan Bank. Pembaharuan ini adalah untuk meningkatkan pengalaman pelabur dan menyumbang kepada mudah tunai yang lebih tinggi dalam pasaran. Setakat akhir tahun 2019, 105 peserta pasaran telah mendaftar dalam program ini, dengan pengurusan aset berjumlah USD38 bilion.

Pada tahun 2019, Bank turut mengumumkan beberapa langkah untuk meliberalisasikan dasar pentadbiran pertukaran asing. Liberalisasi ini bertujuan untuk memberikan fleksibiliti yang lebih besar kepada syarikat, peserta pasaran dan pelabur untuk menguruskan dedahan risiko pertukaran

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkum

asing dengan lebih baik. Langkah-langkah ini telah memberi manfaat kepada peserta pasaran dan korporat, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terlibat dalam rantaian bekalan global. Sejak liberalisasi ini diperkenalkan, kira-kira 1,200 PKS telah menggunakan fleksibiliti ini untuk menyelesaikan aktiviti perdagangan dalam negeri menggunakan mata wang asing, dengan jumlah keseluruhan urus niaga yang mempunyai nilai bersamaan RM327.6 juta. Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan, Bank akan terus mengkaji semula penggunaan dan keberkesanan dasar Bank.

Bank juga telah memberikan fleksibiliti yang lebih besar kepada peserta pasaran dalam pasaran perjanjian belian semula (*repo*). Setelah mempertimbangkan maklum balas industri, Bank telah mengkaji semula rangka kerja *repo*, yang antara lain, melanjutkan tempoh *repo* maksimum untuk lima tahun dan memperluas kepelbagaian sekuriti *repo*. Fleksibiliti ini akan meningkatkan mudah tunai dalam pasaran *repo* dan menyokong aktiviti penggerak pasaran dalam pasaran bon.

Memudahkan akses kepada pembiayaan dan rangkuman kewangan

Rangkuman kewangan adalah penting bagi membina masyarakat yang lebih saksama. Sejalan dengan pendekatan negara untuk menggalakkan kemakmuran bersama merentas semua kumpulan, Bank terus mengambil langkah yang aktif untuk memperluas rangkuman kewangan.

Sektor kewangan memainkan peranan penting dalam membantu pemilikan rumah, khususnya bagi pembeli rumah kali pertama. Pada tahun 2019, lebih 365,000 akaun pembiayaan rumah berjumlah RM158 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, lebih daripada 53% adalah pembeli rumah kali pertama dan lebih 100,000 akaun adalah bagi pembelian rumah mampu milik berharga kurang daripada RM300,000. Bagi melengkapkan pembiayaan oleh industri, Bank telah menubuhkan Dana Rumah Mampu Milik berjumlah RM1 bilion pada tahun 2018. Sehingga bulan Januari 2020, dana ini telah digunakan sepenuhnya lantas membolehkan lebih 4,700 isi rumah membeli rumah pertama mereka bersempena dengan Kempen Pemilikan Rumah (Home Ownership Campaign) anjuran Kerajaan.

Meskipun tabung ini sudah digunakan sepenuhnya, pembeli rumah kali pertama masih boleh mempunyai akses kepada pembiayaan daripada sistem perbankan, dengan sebanyak tujuh daripada 10 permohonan pinjaman perumahan diluluskan oleh bank-bank.

Pembelian rumah adalah satu komitmen yang besar bagi mana-mana isi rumah, dan selalunya menjadi pelaburan tunggal terbesar bagi kebanyakan orang. Oleh sebab itu, inisiatif mengenai akses kepada kewangan juga perlu dilengkapi dengan usaha untuk memupuk peminjaman berhemat. Pada tahun 2019, Bank telah bekerjasama dengan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi melancarkan satu modul pendidikan kewangan dalam talian yang dikenali sebagai Rumahku. Modul ini telah membantu 40,000 individu meningkatkan pemahaman mengenai komitmen kewangan yang berkaitan dengan pemilikan rumah dan membuat pinjaman mengikut kemampuan masing-masing. Modul ini telah mendapat maklum balas positif dengan 90% peserta berpuas hati terhadap pengisiannya.

Pada bulan Oktober 2019, Bank memperluas kriteria kelayakan bagi entiti perniagaan yang memerlukan bantuan di bawah Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK). Langkah ini membolehkan skim tersebut membantu perniagaan dormant atau yang telah ditamatkan yang mempunyai sumber pendapatan alternatif untuk menyusun semula obligasi pembiayaan mereka. Matlamatnya adalah untuk mengelakkan kemuflihan dalam kalangan PKS, dan membantu mereka menyelesaikan obligasi hutang sebelum berdepan dengan tindakan undang-undang. Sejak penubuhannya, SPPK telah membantu penstrukturan semula lebih daripada 1,190 akaun entiti perniagaan, dengan pembiayaan berjumlah melebihi RM1.6 bilion.

Kewangan Islam memainkan peranan yang penting dalam menyokong pertumbuhan perusahaan mikro dan syarikat yang beroperasi dalam segmen perniagaan halal. Perbincangan dan interaksi dengan industri menunjukkan tahap kesedaran yang rendah berhubung dengan kemudahan pembiayaan perniagaan Islam dalam kalangan syarikat bersijil halal. Oleh itu, tumpuan telah diberikan pada usaha untuk menggalakkan penggunaan penyelesaian kewangan Islam dalam kalangan komuniti perniagaan halal. Usaha ini termasuk program perbincangan dan interaksi perniagaan yang diadakan sepanjang

Meningkatkan akses kepada pembiayaan melalui Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) dan imSME

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan dalam negara. Meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan, masih terdapat individu dan perniagaan tertentu yang menghadapi cabaran untuk mendapatkan kredit.

Pada bulan Ogos 2019, Bank – bersama-sama dengan Perbadanan Jaminan Kredit (*Credit Guarantee Corporation, CGC*) Malaysia, AKPK dan industri kewangan – melancarkan MyKNP, iaitu khidmat nasihat untuk membantu perniagaan dan pembeli rumah yang tidak berjaya dalam permohonan pembiayaan mereka.

Sebagai pusat sehati, MyKNP membantu calon peminjam memahami dengan lebih jelas faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan permohonan pembiayaan mereka, serta menerima khidmat nasihat mengenai cara meningkatkan peluang untuk mendapatkan pembiayaan pada masa akan datang. Khidmat nasihat ini termasuk membantu calon peminjam mempelajari jenis dokumen sokongan yang diguna oleh institusi kewangan untuk menilai kedudukan kredit individu atau perniagaan. Seseorang calon peminjam juga mungkin disarankan untuk membaiki kedudukan kewangannya, misalnya cara menjana lebih banyak pendapatan atau menyusun semula hutang sedia ada dan komitmen lain sebelum membuat permohonan semula. Bagi PKS, MyKNP juga boleh merujuk pemohon yang tidak berjaya kepada saluran alternatif untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Sehingga bulan Disember 2019, sejumlah 249 PKS dan pembeli rumah telah dibantu melalui MyKNP.

PKS juga boleh mengakses imSME, iaitu platform rujukan pembiayaan dalam talian yang dibangunkan oleh CGC. Platform ini memadankan PKS kepada produk pembiayaan yang sesuai mengikut profil perniagaan, skor kredit dan keperluan pembiayaan mereka. Melalui platform ini, PKS boleh mengemukakan permohonan pembiayaan secara dalam talian kepada pelbagai institusi kewangan secara serentak dan menerima maklum balas daripada pemberi pinjaman dalam tempoh dua hari selepas permohonan dikemukakan. Platform ini mengurangkan masa dan perbelanjaan yang lazimnya perlu ditanggung oleh PKS untuk mendapatkan sebut harga daripada beberapa bank. Sebanyak 25 institusi kewangan konvensional dan Islam kini menyediakan penyelesaian pembiayaan melalui platform ini.

PKS yang gagal dipadankan dengan institusi kewangan di imSME akan diberikan khidmat nasihat untuk meningkatkan daya maju kewangan mereka melalui program latihan pembinaan keupayaan bersasar. Sebagai contoh, sebuah syarikat pengedar makanan yang telah ditolak permohonannya kerana mempunyai rekod kewangan yang kurang memuaskan seterusnya dirujuk kepada program pembinaan keupayaan. Program ini akan meningkatkan pengetahuan pengedar makanan tersebut tentang pengurusan kewangan yang lebih baik serta kriteria lazim dalam penilaian untuk mendapatkan pembiayaan. Langkah ini merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kelayakan mereka apabila membuat permohonan pada masa hadapan. PKS juga boleh dirujuk kepada penyedia kewangan alternatif. Di bawah imSME, lebih 1,800 PKS berjaya memperoleh pembiayaan berjumlah RM179 juta.



Gabenor Nor Shamsiah Yunus pada pelancaran inisiatif MyKNP yang membantu peminjam yang tidak berjaya untuk meningkatkan kelayakan kewangan.

imSME: Platform rujukan pembiayaan dalam talian untuk PKS



Meningkatkan kesedaran dalam kalangan PKS mengenai pilihan pembiayaan melalui imSME.

tahun. Program ini memberikan maklumat kepada perniagaan halal mengenai pelbagai penyelesaian kewangan Islam serta perkongsian pengalaman oleh perniagaan yang memanfaatkan kewangan Islam. Melalui sesi pepadanan perniagaan sepanjang program ini, permohonan pembiayaan berjumlah lebih RM320 juta dan perlindungan takaful sebanyak RM27 juta telah diterima. Rencana 'Nilai Transformasi Kewangan Islam kepada Ekonomi dan Masyarakat' yang terkandung dalam penerbitan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2019 memberikan penerangan lanjut mengenai kepentingan pematuhan Syariah secara menyeluruh untuk menyokong ekosistem halal.

Institusi kewangan pembangunan (IKP) memainkan peranan penting dalam menyokong akses kepada pembiayaan untuk sektor strategik dalam ekonomi. Bagi memperluas impak dan nilai yang ditawarkan oleh IKP, satu pelan telah diumumkan oleh Kerajaan dalam Ucapan Bajet 2020 untuk menggabungkan beberapa IKP. Penggabungan ini adalah untuk mewujudkan satu entiti yang lebih besar dan mempunyai kedudukan yang lebih baik untuk menangani keperluan pembiayaan ekonomi yang semakin meningkat pada masa akan datang. Dengan saiz dan keupayaan yang lebih besar, hal ini juga akan membolehkan IKP menguruskan risiko dan menghadapi kejutan dengan lebih baik.



Sesi pepadanan perniagaan antara usahawan dan institusi kewangan Islam semasa Islamic Finance Rendezvous Series di Pulau Pinang.

Langkah selanjutnya

Bagi tahun 2020, Bank akan meneruskan usaha untuk membangunkan sektor kewangan yang progresif dan terangkum untuk isi rumah dan perniagaan di Malaysia.

Selain memastikan pelaksanaan yang berkesan dalam inisiatif pembangunan sedia ada, Bank juga akan memberikan lebih tumpuan pada beberapa perkara. Ini termasuk:


- Mendasarkan hala tuju keutamaan pada masa hadapan dalam menghadapi perubahan pesat melalui pelan induk baharu untuk sektor kewangan;
- Memudahkan pertumbuhan yang mampan dan terangkum melalui pembaharuan struktur dalam sektor insurans, takaful dan IKP;
- Mengolah pengawalseliaan yang mantap untuk pendigitalan dan inovasi dalam perkhidmatan kewangan;
- Menambah baik strategi rangkuman kewangan untuk menggalakkan daya tahan kewangan dan menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goal*, SDG);
- Memajukan inisiatif yang meningkatkan impak dan rangkuman kewangan Islam; dan
- Menggalakkan program jangkauan, pendidikan dan kesedaran untuk segmen sasaran seperti isi rumah berpendapatan rendah dan PKS.

Transformasi Ekonomi dan Masyarakat Menerusi Kewangan Islam

Kewangan Islam di Malaysia kini merupakan komponen utama dalam sistem dwi-kewangan negara. Kedua-dua sistem kewangan konvensional dan Islam merupakan pendorong penting bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Sistem kewangan Islam telah mengalami perubahan yang ketara sejak permulaannya. Pada peringkat awal, sistem ini memberi tumpuan pada usaha menyediakan perkhidmatan perbankan asas bagi menggalakkan rangkuman kewangan dalam kalangan umat Islam. Kini, sistem ini telah berubah menjadi satu sistem yang komprehensif yang menyediakan penyelesaian kewangan yang pelbagai untuk isi rumah, perniagaan dan kerajaan.

Pertumbuhan kewangan Islam mencerminkan kesedaran yang meningkat dan penerimaan orang ramai yang lebih meluas terhadap penyelesaian kewangan Islam. Kewangan Islam dilihat sebagai alternatif yang berdaya saing yang mempunyai tawaran nilai yang tersendiri berbanding dengan kewangan konvensional. Bank turut melihat beberapa institusi kewangan mengamalkan strategi “mengutamakan kewangan Islam” pada peringkat kumpulan sebagai respons kepada tahap penerimaan yang semakin meluas. Hasilnya, sistem kewangan Islam telah berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan sistem kewangan konvensional (Rajah 1). Pada akhir tahun 2019, pembiayaan oleh institusi kewangan Islam mencakupi 39.2% daripada jumlah pembiayaan keseluruhan sektor perbankan (2018: 37.7%). Jumlah dana yang disimpan dan diuruskan di bank-bank Islam kini mewakili 38.0% daripada jumlah keseluruhan deposit sektor perbankan (2018: 36.6%). Sumbangan bersih takaful kepada jumlah keseluruhan perniagaan insurans dan takaful terus meningkat kepada 18.3% (2018: 16.6%).

Rajah 1: Pertumbuhan perbankan Islam dan Takaful



Sistem kewangan Islam kekal berdaya tahan dalam keadaan ekonomi dan kewangan yang mencabar. Penunjuk kekukuhan kewangan sistem kewangan Islam adalah setanding dengan sistem konvensional (Gambar rajah 1).

Gambar Rajah 1: Petunjuk kekukuhan kewangan yang terpilih pada 2019

	Perbankan Islam	Konvensional
Nisbah Jumlah Modal (%)	17.7	18.5
Nisbah kecukupan modal (%)	226.2	229.3

Mengukuhkan asas kewangan Islam

Sejajar dengan industri kewangan Islam yang semakin matang di Malaysia, Bank terus menumpukan usaha untuk mengukuhkan lagi nilai-nilai asas sistem kewangan Islam. Langkah ini bertujuan untuk merealisasikan sepenuhnya manfaat prinsip Syariah yang mendasari perkhidmatan kewangan patuh Syariah. Selaku penasihat kepada Bank mengenai hal-hal Syariah, Majlis Penasihat Shariah mengenai Kewangan Islam (MPS) memainkan peranan penting dalam menjelaskan prinsip-prinsip asas Syariah yang utama yang perlu diterapkan dalam perkhidmatan kewangan Islam (Gambar Rajah 2). Walaupun prinsip-prinsip ini adalah intrinsik untuk kewangan Islam, prinsip-prinsip ini turut terpakai secara universal dalam kewangan ke arah merealisasikan visi pertumbuhan ekonomi yang seimbang, mampan dan inklusif.

Gambar Rajah 2: Nilai intrinsik dalam kewangan Islam

Nilai intrinsik dalam kewangan Islam sejajar dengan aspirasi ekonomi dan sosial




Memajukan kewangan yang mampan dan inklusif

Sejak beberapa tahun yang lalu, bank-bank Islam dan pengendali takaful telah mula menawarkan penyelesaian kewangan baharu yang inovatif dalam menggalakkan rangkuman kewangan, memperkasa masyarakat dan usahawan, serta menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi yang lebih mampan dan lestari (Gambar Rajah 3). Matlamat ini konsisten dengan objektif Syariah (*Maqasid Syariah*) dalam menggalakkan perkongsian kekayaan, merangsangkan produktiviti ekonomi dan memelihara alam sekitar.

Antara usaha untuk meningkatkan fokus terhadap Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*, VBI) industri perbankan Islam dan takaful juga telah meneroka penggunaan instrumen kewangan sosial seperti wakaf (*waqf*), derma (*sadaqah*) dan pemberian zakat bagi menyediakan perkhidmatan kewangan kepada golongan yang lebih memerlukan. Penerapan sumbangan kewangan sosial ini membuka peluang kepada usaha menggembelng sumber secara lebih berkesan ke arah penyediaan pembiayaan dan perlindungan kewangan kepada segmen berpendapatan rendah dalam bentuk modal benih, modal kerja dan manfaat takaful. Benefisiari bagi program-program ini termasuk para usahawan *asnafi* dan isi rumah 'miskin tegar'. Program-program kewangan ini boleh memberi impak penting untuk meningkatkan daya tahan kewangan dan kesejahteraan sosial dalam masyarakat. Beberapa program perintis sedang dipelopori dengan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa agama. Kejayaan pelaksanaan program ini, dengan sokongan yang kukuh daripada semua pihak berkepentingan dan rakan-rakan pelaksana, akan menjadi model dan pemangkin bagi pembangunan kewangan sosial yang lebih mantap di Malaysia.

Gambar Rajah 3: Penyelesaian berasaskan nilai yang memberi kesan positif



Memupuk jalinan antara kewangan Islam dan perdagangan halal

Kesedaran orang ramai dan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan berasaskan prinsip *halalan-toyyiban* (pematuhan Syariah secara menyeluruh) semakin meningkat. Dalam hal ini, pematuhan Syariah sepanjang rantaian bekalan pengeluaran termasuk pengagihan, pemasaran dan pembiayaan adalah dititikberatkan. Industri kewangan Islam di Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pembangunan industri halal. Bank-bank Islam secara kolektif telah memperuntukkan dana sebanyak RM20 bilion untuk membiayai PKS, termasuk perniagaan dalam industri halal. Pelbagai penyelesaian kewangan disediakan untuk menangani keperluan perniagaan yang pelbagai seperti pengurusan tunai dan mudah tunai, modal kerja dan pelaburan, pengurusan risiko dan penyelesaian perlindungan, sewaan peralatan dan jentera serta pembiayaan rantaian bekalan.

Penyelesaian khusus kini tersedia bagi memenuhi keperluan perniagaan halal yang berbeza termasuk perniagaan dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, kosmetik dan industri fesyen patuh Syariah. Bank telah membenarkan institusi kewangan Islam untuk merintis penyelesaian kewangan baharu bagi tujuan mengembangkan lagi kemudahan pembiayaan perdagangan patuh Syariah seperti kemudahan pengurusan inventori. Usaha ini dipermudahkan dengan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih responsif, yang memenuhi ciri-ciri dan risiko khusus berkaitan dengan kontrak Syariah yang terpakai.

Mendukung tadbir urus yang kukuh bagi menggalakkan kestabilan

Perkembangan pengawalseliaan dan pengaturan tadbir urus perlu seiring dengan usaha industri kewangan Islam yang terus meneroka sempadan baharu. Ini bertujuan menggalakkan daya tahan sistem kewangan Islam. Pada tahun 2019, Bank telah memperkukuh piawaian Tadbir Urus Syariah sejajar dengan skala perniagaan kewangan Islam yang semakin meningkat dan rumit. Piawaian ini meningkatkan keperluan berhubung dengan taraf kualiti dan keberkesanan pengaturan tadbir urus dalam institusi kewangan Islam bagi memastikan institusi tersebut patuh Syariah. Ini termasuk menghendaki institusi kewangan Islam menunjukkan cara

¹ Golongan yang layak menerima sumbangan zakat seperti fakir dan miskin.


mereka menyepadukan pertimbangan tadbir urus Syariah dalam strategi perniagaan dan risiko, serta menggalakkan budaya dan persekitaran pematuhan Syariah yang kukuh. Piawaian tersebut turut menggariskan keperluan kompetensi yang lebih tinggi untuk jawatankuasa Syariah agar sepadan dengan keperluan perniagaan. Piawaian Tadbir Urus Syariah yang baharu ini akan berkuat kuasa pada 1 April 2020.

MPS Bank juga telah menambah baik rangka kerja membuat keputusan yang sedia ada bagi menyokong peranannya sebagai pihak berkuasa utama untuk menentukan hukum Syarak dalam perniagaan kewangan Islam. Dalam memastikan keputusan yang dibuat tepat dan wajar, MPS akan mengambil kira perspektif praktikal yang lebih meluas. Asas-asas yang menyokong setiap keputusan Syariah akan dimaklumkan secara lebih terperinci sebagai panduan tambahan untuk dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam.

Merungkai Potensi Inovasi: Persediaan ke Arah Masa Hadapan Digital

Inovasi digital membawa perubahan besar terhadap penggunaan dan penyampaian perkhidmatan kewangan di Malaysia. Gambar Rajah 1 menunjukkan faktor yang memacu pendigitalan dalam negara. Pada peringkat industri, penyedia perkhidmatan kewangan terus meningkatkan usaha untuk mengolah semula model perniagaan dan memanfaatkan potensi inovasi digital. Pada peringkat pelanggan, pengguna akhir sudah menyesuaikan diri dengan gaya hidup yang lebih saling berhubung dan mudah.

Gambar Rajah 1: Faktor memacu pendigitalan di Malaysia



* Data tahun 2018

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Fintech News Malaysia

Pendekatan Bank terhadap inovasi digital

Sebagai bank pusat, Bank diberi mandat untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan terangkum. Oleh itu, Bank berusaha untuk memastikan sektor kewangan terus menerapkan inovasi secara bertanggungjawab demi kepentingan ekonomi negara dan kebaikan rakyat Malaysia. Meskipun Bank berusaha ke arah meningkatkan inovasi, Bank juga prihatin terhadap risiko yang muncul berkait dengan kemajuan dalam teknologi kewangan dan model perniagaan baharu. Hal ini memerlukan pendekatan seimbang dengan memberi pertimbangan sewajarnya pada manfaat yang bakal diperoleh dan risiko akibat perkembangan ini.

Pertimbangan Bank adalah berpandukan tiga prinsip:

- Pariti.** Bank akan berusaha untuk memastikan peserta baharu dalam pasaran mempunyai peluang saksama dengan peserta yang sedia ada. Meskipun peraturan kehematan dan amalan pasaran perlu disesuaikan untuk menangani teknologi dan model perniagaan baharu, Bank akan memastikan bahawa aktiviti yang sama ditangani dengan cara yang sama bagi setiap kelompok peserta pasaran.
- Kesetaraan.** Bank menyedari bahawa tahap ketelitian dan intensiti peraturan hendaklah setara dengan risiko yang terlibat. Oleh itu, pendekatan pengawalan dan penyeliaan yang diguna pakai oleh Bank turut mengambil kira saiz, sifat perniagaan dan kerumitan aktiviti penyedia perkhidmatan terbabit. Bank juga mengambil kira

risiko dari segi impak terhadap keseluruhan sistem kewangan. Sehubungan itu, Bank lazimnya menetapkan piawaian yang lebih tinggi terhadap institusi kewangan yang besar dan kompleks. Institusi yang mempunyai skala operasi yang lebih kecil pula biasanya kurang menimbulkan risiko sistemik dan dengan itu, mungkin dikenakan syarat yang lebih ringkas.

3. **Neutral.** Bank menyedari bahawa peraturan Bank perlu neutral serta memberikan ruang yang sewajarnya untuk membolehkan pendekatan baharu mencapai sesuatu matlamat. Sehubungan itu, Bank mengambil pendekatan terbuka dalam penggunaan perkakasan, sistem dan aplikasi teknologi yang berbeza.

Memupuk amalan inovasi digital

Penggunaan teknologi baharu bukan sahaja menjanjikan peningkatan kecekapan bagi institusi kewangan, teknologi juga membuka peluang baharu kepada institusi kewangan untuk mengembangkan perniagaan dan menambah baik kualiti khidmat pelanggan. Rangka kerja pengawalseliaan Bank diolah agar institusi kewangan dapat menggarap penggunaan platform teknologi baharu dan mengubah sistem legasi, di samping memastikan risiko yang berkaitan diurus dengan baik.

Khususnya, rangka kerja pengawalseliaan Bank¹ menyediakan asas bagi institusi kewangan untuk menguruskan risiko teknologi mereka dengan lebih baik. Misalnya, perkhidmatan awan (*cloud services*) menjanjikan keupayaan untuk organisasi mencapai skala yang lebih besar dan cekap. Walau bagaimanapun, penggunaan perkhidmatan awan juga menimbulkan beberapa risiko dan kebimbangan. Memandangkan pelanggan berkongsi sumber infrastruktur awan pada pelbagai peringkat, tahap kelemahan dan risiko penularan merupakan isu tambahan yang perlu dipertimbangkan. Oleh itu, dokumen dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (*Risk Management in Technology*, RMIT) yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2019 telah menetapkan sejumlah perlindungan dan parameter dalam penggunaan pengkomputeran awan oleh institusi kewangan. Setakat ini, lebih 15 institusi kewangan telah menggunakan teknologi awan bagi sistem tidak kritikal seperti perkakasan produktiviti, kerjasama dan pengurusan kajian. Di samping itu, terdapat beberapa institusi kewangan yang telah merujuk kepada Bank untuk menggunakan teknologi awan untuk sistem kritikal. Baru-baru ini, Bank turut menyemak dokumen dasar Penyumberan Luar untuk, antaranya, membenarkan institusi kewangan mengadakan kerjasama teknologi dengan pihak ketiga. Kerjasama sedemikian membolehkan institusi kewangan memperoleh keupayaan teknologi dengan pantas dan pada masa yang sama terus memberi tumpuan terhadap perniagaan teras mereka.

Bank juga berusaha menyediakan persekitaran yang kondusif untuk institusi kewangan berhubung dan berinteraksi dengan pelanggan menerusi penggunaan teknologi. Contohnya, usaha Bank untuk membolehkan pelaksanaan Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*, e-KYC) dan menggalakkan keupayaan saling boleh kendali antara semua pengendali dompet elektronik (*e-wallet*) dapat mengubah peranti mudah alih menjadi titik akses kewangan berimpak tinggi. Butiran lanjut mengenai e-KYC dan pembayaran saling boleh kendali masing-masing diuraikan dalam bab ini dan bab 'Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cepak'. Sepanjang tahun 2019, Bank juga telah mengeluarkan draf dedahan mengenai perniagaan pengagregatan insurans dan takaful. Agregator memudahkan pelanggan mencari dan membandingkan produk insurans dan takaful daripada penyedia yang berbeza.

Pada masa yang sama, *Sandbox* Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (*Sandbox*) yang diperkenalkan oleh Bank pada tahun 2016 berfungsi sebagai platform untuk membolehkan penyelesaian inovatif dilaksanakan dan diuji dalam persekitaran sebenar, berlandaskan parameter dan jangka masa tertentu. Sehingga kini, *Sandbox* telah membolehkan Bank menjajarkan dasar menggunakan pendekatan berasaskan bukti nyata di samping membantu peserta *Sandbox* mengesahkan dan memperhalus tawaran nilai penyelesaian mereka. Pelanggan juga telah meraih manfaat melalui penyelesaian yang lebih mampu milik, mudah diakses dan cekap. Hal ini seterusnya menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara lebih meluas. Pada masa hadapan, Bank menjangkakan bahawa *Sandbox* akan terus menjadi saluran yang berwibawa bagi menguji penyelesaian baharu yang berhadapan cabaran pengawalseliaan, terutamanya penyelesaian yang berpotensi tinggi untuk mengisi jurang pasaran.

¹ Seperti dokumen-dokumen dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (*Risk Management in Technology*, RMIT) dan Penyumberan Luar.

Bank juga menyedari akan kepentingan untuk menggalakkan inovasi digital, terutamanya inovasi yang dapat meningkatkan kualiti dan kemampuan perkhidmatan kewangan. Dalam hal ini, Bank sedang menyediakan rangka pelesenan dan pengawalseliaan yang mendorong kehadiran peserta baharu. Pada tahun 2019, Bank telah mengumumkan rancangan untuk mengeluarkan lesen bank digital, dan seterusnya mengadakan konsultasi tentang rangka kerja pelesenan yang berkenaan. Melalui penggunaan teknologi yang inovatif, bank digital dapat meningkatkan akses kepada penyelesaian kewangan yang termampu dan berkualiti, khususnya bagi segmen pasaran yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan sukar dijangkau. Melalui model perniagaan baharu dan inovatif yang menjanjikan kesan positif kepada pelanggan, bank digital juga dijangka dapat melengkapi penyedia perkhidmatan yang sedia ada untuk menangani jurang pasaran. Butiran lanjut mengenai perbankan digital disediakan dalam bab ini.

Langkah selanjutnya

Bank akan terus memberikan tumpuan pada pembangunan industri perkhidmatan kewangan yang memenuhi keperluan rakyat Malaysia dengan sebaiknya. Seiring dengan ini, Bank juga akan memantau rapi risiko yang mungkin timbul atau meningkat apabila inovasi digital digunakan dengan lebih meluas dalam sistem kewangan negara. Keselamatan data, perlindungan pengguna dan integriti kewangan khususnya, adalah antara isu penting yang akan terus diberikan perhatian.






Penambahbaikan Proses Tuntutan Kenderaan Bermotor

Pemandu yang terlibat dalam kemalangan sering memaklumkan bahawa tempoh masa yang panjang serta kesukaran dalam proses membuat tuntutan insurans dan takaful merupakan antara cabaran yang sering dihadapi. Secara purata, tuntutan kerosakan persendirian mengambil masa dua bulan untuk dibayar bermula daripada masa pemakluman. Tuntutan kerosakan harta benda yang melibatkan pihak ketiga selalunya mengambil masa yang lebih panjang sebelum dibayar. Bagi pemandu yang sumber pendapatannya bergantung pada akses kepada kenderaan, proses tuntutan yang lama boleh menambah bebanan serta melambatkan penerimaan bantuan yang diperlukan.

Mengapakah proses tuntutan mengambil masa yang panjang?

Proses tuntutan perlu melalui beberapa peringkat yang melibatkan pelbagai pihak (lihat Jadual 1). Proses ini merangkumi beberapa pemeriksaan dan kawalan bagi memastikan hanya tuntutan yang layak sahaja dibayar. Sebagai contoh, laporan polis diperlukan sebagai rekod rasmi mengenai kemalangan tersebut. Sementara itu, ajuster kerugian memberikan anggaran profesional tentang kerosakan yang dialami dan menilai anggaran kos yang dikemukakan oleh pengusaha bengkel untuk memastikan keseluruhan tuntutan adalah munasabah. Tambahan lagi, kesilapan yang mungkin dilakukan oleh pemandu sepanjang proses tuntutan juga boleh melambatkan proses tuntutan. Contohnya, pemandu mungkin tidak mengetahui tindakan wajar semasa terlibat dalam kemalangan dan tidak sengaja mendapatkan perkhidmatan trak tunda atau bengkel yang tidak diiktiraf oleh penanggung insurans atau pengendali takaful.

Jadual 1: Proses tuntutan kenderaan bermotor

	 Peringkat 1: Kemalangan	 Peringkat 2: Laporan Polis	 Peringkat 3: Penilaian Ajuster Kerugian	 Peringkat 4: Serahan Tuntutan	 Peringkat 5: Pembaikan Kerosakan	 Peringkat 6: Penyelesaian Tuntutan
Peringkat Proses Tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> Mangsa kemalangan memaklumkan penanggung insurans Trak tunda dihantar 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan polis dibuat dalam masa 24 jam 	<ul style="list-style-type: none"> Menilai kos pembaikan yang diterima 	<ul style="list-style-type: none"> Pengusaha bengkel menyerahkan tuntutan kepada penanggung insurans 	<ul style="list-style-type: none"> Pengusaha bengkel memperoleh alat ganti dan memulakan kerja pembaikan 	<ul style="list-style-type: none"> Tuntutan diselesaikan dan dibayar balik kepada pihak yang berkaitan
Isu-isu yang Dihadapi	<ul style="list-style-type: none"> Kurang kesedaran pengguna mengenai langkah seterusnya Pihak perantara tidak rasmi di jalan raya (call men) memberi arahan yang salah kepada mangsa kemalangan 	<ul style="list-style-type: none"> Pihak polis terbeban oleh banyak laporan yang perlu dibuat bagi semua kemalangan, termasuk kemalangan yang tiada kecederaan anggota 	<ul style="list-style-type: none"> Anggaran tuntutan yang subjektif dan berbeza antara bengkel, penanggung insurans dan ajuster kerugian Kualiti dan kos pembaikan (upah dan alat ganti) yang subjektif Kejadian tuduhan pakatan sulit, serta tuntutan yang terlalu tinggi dan palsu 	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran tuntutan akan lewat sekiranya berlaku isu pada Peringkat 1-5 		

Setiap peringkat dalam proses membuat tuntutan insurans melibatkan kertas kerja, dan sebarang kesilapan atau percanggahan dalam butiran kertas kerja itu akan mengakibatkan kelewatan. Walaupun tujuan langkah-langkah ini diambil adalah untuk mengenal pasti pihak yang bersalah serta membendung penipuan yang boleh menyebabkan premium insurans motor melonjak, namun tindakan ini juga telah menyumbang kepada masalah kelewatan pembayaran.

Meningkatkan kecekapan proses tuntutan

Proses semakan dan kawalan yang mencukupi adalah perlu demi memastikan hanya tuntutan yang layak akan dibayar. Tanpa kawalan yang sewajarnya, premium insurans motor boleh meningkat dengan ketara dan berkemungkinan mengakibatkan perlindungan insurans tidak mampu dimiliki oleh golongan masyarakat yang kurang berkemampuan. Memandangkan semua pemandu wajib memiliki insurans motor, hal ini akan memberikan kesan negatif yang lebih luas kepada masyarakat dan keselamatan awam.

Beberapa strategi boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan proses tuntutan. Pertama, pemandu perlu mempunyai pemahaman yang betul mengenai proses membuat tuntutan. Pihak Bank telah mewajibkan penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menyediakan panduan yang standard mengenai langkah yang perlu diambil apabila pemandu terlibat dalam kemalangan. Panduan ini perlu disertakan bersama polisi insurans motor dan juga boleh didapati di laman sesawang penanggung insurans dan pengendali takaful. Pada tahun 2013, industri insurans dan takaful telah mewujudkan talian Bantuan Kemalangan (*Accident Assist*) (1300-22-11-88), sebagai talian bantuan yang berfungsi 24 jam sehari untuk memberi nasihat serta bantuan kepada pemanggil yang terlibat dalam kemalangan. Pemanggil juga boleh bertanya mengenai perlindungan insurans dan prosedur tuntutan.

Kedua, industri insurans dan takaful perlu terus berusaha untuk memudahkan dan mempercepatkan proses pengurusan tuntutan. Pihak Bank sedang mengkaji semula piawaian sedia ada mengenai panduan garis masa yang perlu dipatuhi oleh penanggung insurans dan pengendali takaful apabila memproses tuntutan. Hal ini bertujuan untuk mengurangkan tempoh masa yang diambil bagi memproses tuntutan melalui pemberian maklumat dan penzahiran yang menyeluruh. Dalam hal ini, Bank menyokong usaha industri bagi mewujudkan pangkalan data pusat berhubung dengan kos alat ganti kenderaan dan masa untuk membaiki kerosakan, serta menggalakkan kualiti pembaikan yang konsisten. Bank juga terus menyediakan persekitaran pengawalseliaan yang menggalakkan industri menggunakan penyelesaian teknologi untuk memendekkan lagi tempoh membuat tuntutan. Contohnya, penggunaan panggilan video dan teknologi dron membolehkan ajuster kerugian memeriksa kenderaan yang rosak dari jarak jauh dan membuat anggaran kerosakan dalam masa nyata tanpa perlu hadir di bengkel.

Ketiga, agensi sektor awam yang terlibat dalam menyelia sektor pengangkutan dan kenderaan bermotor di Malaysia juga memainkan peranan yang penting. Pengawasan dan penguatkuasaan yang berkesan bagi menggalakkan tingkah laku profesional serta mencegah penipuan dan salah guna juga penting untuk memelihara integriti pembaikan kenderaan motor, rawatan kecederaan dan proses tuntutan. Sebagai contoh, menetapkan dan menguatkuasakan piawaian minimum yang jelas untuk kerja pembaikan akan meningkatkan tahap profesionalisme bengkel secara keseluruhannya, menambah keyakinan pengguna dan mengurangkan skop pertikaian semasa penyelesaian tuntutan.

Proses tuntutan kemalangan dan motor juga boleh diperbaiki secara keseluruhannya. Sebagai contoh, beberapa negara telah memansuhkan keperluan untuk melaporkan kelas kemalangan tertentu kepada pihak polis. Kes-kes kemalangan ini sebaliknya dilaporkan kepada pusat yang ditetapkan yang bukan sahaja berfungsi sebagai bengkel, tetapi juga sebagai pusat aduan kemalangan yang dihubungkan dengan penanggung insurans. Aturan ini disokong oleh perjanjian industri dan perubahan perundangan, yang mentakrifkan tanggungjawab pihak yang berkaitan untuk menjalankan pemeriksaan awal ke atas kenderaan yang rosak sebelum dihantar untuk pembaikan, serta menguruskan penentuan liabiliti kepada pihak yang terlibat dalam kemalangan. Mekanisme penyelesaian pertikaian yang berkesan yang melibatkan penimbang tara bebas bagi menyelesaikan sebarang rasa tidak puas hati adalah juga penting. Bagi pihak yang menuntut, langkah ini membolehkan proses tuntutan diselesaikan dengan lebih cepat, kerja pembaikan kenderaan dibuat oleh pihak yang dipercayai dan pampasan kewangan diperoleh dengan segera sekiranya berlaku kecederaan.

Mengawal Inflasi Tuntutan Insurans Perubatan

Di Malaysia, peningkatan kemudahan rawatan penjagaan kesihatan swasta sebagai alternatif kepada hospital awam telah diiringi oleh peningkatan permintaan terhadap insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (*medical health insurance and takaful*, MHI). MHI merupakan segmen produk yang penting dan sedang berkembang, mencakupi 15.5% daripada jumlah premium kasar bagi sektor insurans hayat dan takaful keluarga pada tahun 2019. Seajar dengan permintaan yang semakin meningkat ini, kos rawatan perubatan di Malaysia dilaporkan bertambah melebihi purata global dan merupakan antara yang tertinggi di Asia Tenggara¹.

Dari tahun 2016 sehingga 2019, tuntutan MHI telah meningkat sebanyak 11.6% setahun. Peningkatan ini telah menyebabkan tekanan ke atas prestasi pengunderaitan penyedia MHI kerana kadar peningkatan tuntutan melebihi kadar peningkatan premium. Dalam tempoh yang sama, premium MHI meningkat pada purata 9.5% setahun. Dalam tempoh itu juga, premium bagi 96 produk MHI telah dinaikkan dan tindakan ini melibatkan 4.5 juta pemegang polisi. Hal ini telah menimbulkan kebimbangan kerana premium yang lebih mahal akan menyebabkan lebih ramai orang tidak mampu memiliki perlindungan MHI.

Apakah faktor yang meningkatkan kadar inflasi tuntutan MHI?

Pada masa ini, rakyat Malaysia memiliki jangka hayat yang lebih panjang dan mempunyai akses kepada rawatan perubatan yang lebih maju. Walaupun hal ini merupakan perkembangan yang positif dan menandakan kemajuan hasil penjagaan kesihatan dalam negara, perkembangan ini juga menyumbang kepada peningkatan kos perubatan.

Pada masa yang sama, terdapat beberapa faktor lain yang sepatutnya tidak menyumbang kepada peningkatan kos perubatan. Antaranya, terdapat penerangan anekdot tentang penyedia perkhidmatan kesihatan yang mengamalkan pembezaan harga dengan mengenakan bayaran yang lebih tinggi bagi pesakit yang memiliki polisi insurans atau takaful. Hal ini menjadi lebih teruk kerana “sindrom bufet”, iaitu apabila pemegang polisi ingin memaksimumkan nilai premium yang telah dibayar. Mereka cenderung untuk menggunakan perkhidmatan perubatan tanpa memberi pertimbangan kepada kos yang berkaitan. Tindakan seperti ini menyumbang kepada peningkatan kos tuntutan insurans perubatan yang akhirnya mengakibatkan premium menjadi lebih tinggi. Data tuntutan insurans dari tahun 2013 sehingga 2018 menunjukkan bahawa bekalan dan perkhidmatan hospital² membentuk komponen kos bil perubatan terbesar dan merupakan salah satu daripada faktor utama yang mendorong kenaikan caj hospital. Dalam jangka panjang, faktor ini akan mengurangkan kemampuan pemegang polisi untuk terus memiliki polisi MHI serta meningkatkan kemungkinan sesetengah kumpulan yang berisiko tinggi terpinggir daripada mendapat akses kepada insurans perubatan.

Pertimbangan untuk masa hadapan

Ekosistem perkhidmatan perubatan di Malaysia melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pembayar, penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, pengawal selia, organisasi pengurusan perubatan dan pengguna akhir. Oleh itu, usaha mengawal inflasi tuntutan insurans perubatan memerlukan tindakan secara bersepadu oleh semua pihak untuk menyelaraskan kepentingan yang berbeza. Pihak Bank telah mengeluarkan Garis Panduan Perniagaan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang menetapkan keperluan minimum untuk penanggung insurans dan pengendali takaful bagi menggalakkan amalan pengunderaitan dan penentuan harga yang mantap. Di samping mengambil maklum akan keperluan untuk menyesuaikan harga premium insurans agar selaras dengan kos tuntutan, pihak Bank juga telah menghendaki penanggung insurans dan pengendali takaful

¹ Willis Towers Watson 2019 *Global Medical Trends Survey Report*:

- Malaysia - 13.1%;
- Purata global - 7.6%; dan
- Negara-negara Asia Tenggara: Indonesia - 10.9%; Filipina - 11.5%; Singapura - 9.1%; Thailand - 8.5% dan Vietnam - 16.3%.


² Merangkumi item seperti servis makmal dan pengimejan, ubat-ubatan, kejururawatan dan peralatan perubatan (sebagai contoh, mesin pernafasan, mesin dialisis dan mikroskop mata), dan secara purata meliputi lebih dari 50% daripada bil perubatan.

untuk menyediakan pilihan alternatif bagi pemegang polisi yang terjejas akibat peningkatan harga premium, untuk membolehkan mereka mengekalkan atau mengubah suai perlindungan insurans perubatan. Walau bagaimanapun, penyelesaian jangka panjang untuk menggalakkan perlindungan MHI yang mampan memerlukan pembaharuan secara menyeluruh dalam beberapa bahagian.

Sebagai permulaan, tahap ketelusan awam dalam kepelbagaian kos prosedur perubatan perlu ditingkatkan. Hal ini boleh dicapai menerusi penerbitan rujukan kos penanda aras bagi prosedur perubatan lazim. Rujukan ini akan membolehkan pesakit, terutamanya mereka yang menanggung sendiri kos rawatan perubatan, untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi berhubung dengan tahap perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diinginkan serta kos-kos yang berkaitan. Bagi pesakit yang dilindungi insurans, pada masa kini kos tidak merupakan faktor yang penting dalam keputusan pilihan perubatan. Bagi memupuk tanggungjawab bersama, penerapan skim pembayaran bersama atau deduktibel dalam pelan MHI membolehkan pemegang polisi mempunyai kawalan yang lebih baik ke atas kos penjagaan kesihatan mereka. Hal ini penting bagi memastikan perlindungan MHI terus mampu dimiliki. Perubahan ini yang turut diperhatikan di negara lain seperti Singapura dan Australia, boleh membantu mengawal peningkatan kos penjagaan kesihatan melalui disiplin pasaran yang lebih baik.

Selain itu, penyeragaman dan pengumpulan data yang boleh digunakan oleh industri perubatan serta industri insurans dan takaful juga perlu digalakkan. Data ini boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan pembaziran, mengelakkan penipuan dan menambah baik reka bentuk produk insurans dan takaful. Antaranya, hal ini memerlukan penggunaan piawaian pengelasan diagnostik yang konsisten dan format bil yang standard bagi meningkatkan ketelusan kos perubatan. Pendigitalan rekod perubatan dan sistem maklumat perubatan yang bersepadu juga berpotensi menjana kecekapan operasi yang ketara dan menyumbang ke arah pengawalan inflasi tuntutan perubatan.

Pembaharuan untuk menangani inflasi tuntutan perubatan



Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cepak

Sistem pembayaran dan pengiriman wang ialah nadi kepada ekonomi moden. Sistem ini memudahkan orang ramai dan perniagaan menjalankan urusan niaga seperti membeli barangan runcit, membeli-belah dalam talian, membayar pembekal dan mengirim wang ke luar negara. Berdasarkan kepentingannya kepada ekonomi, Bank mengawal selia sistem ini dan menyelia peserta industri bagi memastikan sistem pembayaran dan pengiriman wang yang selamat dan cekap.

Bagi memenuhi keperluan ekonomi moden dan kemajuan teknologi, Bank juga berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk meningkatkan lagi penggunaan pembayaran dan pengiriman wang elektronik. Selain meningkatkan produktiviti, peningkatan penggunaan perkhidmatan yang sedemikian akan menggalakkan rangkuman kewangan, memelihara integriti kewangan dan bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi digital. Di samping itu, Bank juga berusaha untuk memperteguh infrastruktur pembayaran negara untuk kegunaan masa hadapan bagi memenuhi keperluan ekonomi yang baharu dan yang akan datang.

Trend utama dalam pembayaran dan pengiriman wang

Pada tahun 2019, RENTAS¹ — sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia — dan sistem pembayaran runcit beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan besar.

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam usaha untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran dan e-pengiriman wang secara lebih meluas (Gambar Rajah 1). Secara purata, setiap rakyat Malaysia melakukan 144 transaksi e-pembayaran pada tahun 2019, meningkat daripada 125 transaksi pada tahun 2018. Peningkatan ini disokong oleh penerimaan e-pembayaran yang semakin meluas dalam kalangan peniaga, dengan 668,744 terminal semasa jualan (*point-of-sale*, POS) telah disediakan dan lebih 288,000 pendaftaran pembayaran kod Respons Pantas (*Quick Response*, QR) dicatatkan pada akhir tahun 2019. Jumlah ini merupakan peningkatan daripada 514,818 terminal POS dan lebih 65,000 pendaftaran pembayaran kod QR pada akhir tahun 2018.

Seiring dengan peningkatan penggunaan e-pembayaran, penggunaan cek terus menurun di mana hanya 84.4 juta cek dijelaskan pada tahun 2019, berbanding dengan 101.4 juta pada tahun 2018. Sementara itu, perkhidmatan e-pengiriman wang terus mencapai kemajuan dengan pengiriman wang keluar sebanyak RM3.2 bilion pada tahun 2019, meningkat daripada RM2.5 bilion pada tahun 2018. Peningkatan ini disokong, antara lain, oleh kos e-pengiriman wang yang lebih rendah, yang berkurang kepada 1.9% daripada nilai transaksi pada tahun 2019 berbanding dengan 2.4% melalui saluran pengiriman wang fizikal.


¹ Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata.

Memastikan keselamatan dan memupuk keyakinan terhadap sistem pembayaran dan pengiriman wang

Kami menjalankan pengawasan yang berterusan ke atas RENTAS dan sistem pembayaran runcit untuk memastikan keselamatan, kebolehpercayaan dan daya tahan sistem ini. Pada tahun 2019, aktiviti pengawasan Bank ke atas RENTAS tertumpu pada usaha menilai kecukupan kawalan bagi mengurangkan kegagalan penyelesaian pembayaran, memastikan kesinambungan perniagaan dan memperkukuh daya tahan terhadap ancaman siber.

Kami juga menjalankan penyeliaan yang berterusan ke atas pengeluar wang elektronik (*e-money issuer*, EMI) yang diluluskan dan penyedia perkhidmatan pengiriman wang (*remittance service provider*, RSP) berlesen untuk menilai amalan pengurusan risiko dan pematuhan terhadap keperluan pengawalseliaan. Pada tahun 2019, Bank mempergiat pengawasan luar premis ke atas EMI dan juga menjalankan pemeriksaan di premis ke atas beberapa EMI utama yang memiliki bahagian pasaran yang besar. Semakan penyeliaan terhadap EMI ini mencakupi beberapa isu dan bidang, termasuk kukuh kewangan, pengurusan dana pelanggan dan amalan bagi menangani penipuan. Apabila menyelia RSP berlesen, kami juga meneruskan penggunaan alat analitik data dan pemodelan, termasuk pemprofilan risiko untuk penyeliaan yang lebih mantap dan bersasar.

Gambar Rajah 1: Sorotan tahun 2019



¹ Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020.

Bagi memupuk keyakinan orang ramai terhadap sistem pembayaran dan pengiriman wang, Bank dan industri juga terus memperkukuh perlindungan daripada penipuan pembayaran. Dari semasa ke semasa, kami mengeluarkan amaran keselamatan kepada industri berkaitan dengan kaedah-kaedah baharu yang digunakan oleh penjenayah dan mengehendaki institusi kewangan menambah baik kawalan pengurangan risiko mereka secara berterusan. Bank juga bekerjasama dengan kumpulan industri dan agensi Kerajaan untuk mengenal pasti langkah-langkah pengurangan risiko dan meningkatkan pendidikan pengguna.

Penyeliaan dan pengawasan pintar dalam industri pengiriman wang

Kemajuan teknologi dan ketersediaan data yang lebih baik membuka peluang baharu untuk menambah baik pendekatan pengawalan dan penyeliaan Bank terhadap institusi kewangan secara radikal. Dalam bidang pengiriman wang, Bank telah memperluas penggunaan teknologi penyeliaan (*supervisory technology*, SupTech) untuk mendigitalkan dan menganalisis jumlah laporan yang besar untuk menghasilkan pemantauan pematuhan risiko yang lebih cekap dan proaktif.

1. Analitik data sebagai alat penyeliaan dan pengawasan

Industri pengiriman wang terdedah kepada ancaman risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing*, ML/TF) berikutan sifatnya yang melibatkan penggunaan wang tunai secara intensif dan merentas sempadan. Sehubungan itu, Bank menggunakan analitik ramalan ke atas data transaksi untuk memantau risiko ML/TF pada tiga peringkat, iaitu pada peringkat industri dan sektor, peringkat pemegang lesen serta peringkat pelanggan dan transaksi.

Tiga peringkat pemantauan ML/TF



Peringkat industri dan sektor

- Analisis trend industri untuk memahami tingkah laku pasaran
- Penemuan pengetahuan melalui kajian empirikal
- Pengamatan papan pemuka (*visualisation dashboards*)



Peringkat pemegang lesen

- Pemodelan ramalan mengenai analisis tingkah laku entiti dan pola transaksi yang janggal
- Pemprofilan risiko berautomasi
- Pengamatan geospasial untuk perbandingan setara



Peringkat pelanggan dan transaksi

- Analisis rangkaian
- Padanan identiti
- Pengesanan anomali dalam transaksi secara algoritma


- **Penggunaan analitik data membolehkan potensi dedahan kepada kegiatan haram dikesan secara lebih pintar, pantas dan meluas.** Kami berjaya mengesan beberapa transaksi yang berkemungkinan berkaitan dengan penipuan, penyeludupan dan aktiviti haram lain.
- **Fungsi penyeliaan dan pengawasan lebih tertumpu dan didorong oleh data.** Fungsi ini telah menyumbang kepada aktiviti penyeliaan di premis secara tematik seperti menyasat anomali dalam pola transaksi dan tingkah laku pelanggan, serta aktiviti pemantauan yang disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian. Kajian empirikal menggunakan SupTech juga telah menyumbang kepada penggubalan dasar berasaskan bukti dalam industri pengiriman wang.
- **Hasil analitik data didokumentasikan sebagai produk pengetahuan yang dikongsi dengan pihak berkepentingan.** Hal ini termasuk perbincangan dengan peserta industri bagi memperkukuh tahap kewaspadaan terhadap penyalahgunaan saluran pengiriman wang formal, serta perkongsian maklumat risikan dengan agensi penguatkuasaan undang-undang lain bagi membantu siasatan.

2. Kecerdasan buatan (*artificial intelligence, AI*): Kini dan masa hadapan

Pada tahun 2019, kami mula meneroka potensi penggunaan pembelajaran mesin dan pengkomputeran awan (*cloud computing*) untuk menambah baik kerja analitik Bank:

- **Membangunkan sistem pelaporan berasaskan *application programming interface (API)*** yang membolehkan penyerahan laporan masa nyata dengan pengesahan data berautomasi.
- **Memanfaatkan teknik pembelajaran mesin yang diselia dan tidak diselia** untuk mengesan anomali dalam tingkah laku dan pola transaksi yang janggal.
- **Aplikasi pengecaman aksara optik (*optical character recognition, OCR*)** digunakan untuk membolehkan pembacaan keperluan pelaporan oleh mesin untuk analisis seterusnya.

Pada masa hadapan, Bank akan terus meneroka penggunaan teknologi inovatif lain untuk menyokong fungsi penyeliaannya. Walau bagaimanapun, penilaian individu berdasarkan maklumat yang mencukupi masih penting dalam memahami dan mengesahkan hasil analitik data.



DuitNow QR sedang dilancarkan secara berperingkat sepanjang tahun 2020.

Menggalakkan penggunaan e-pembayaran dan e-pengiriman wang yang lebih meluas

Bank telah menumpukan usaha untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran². Langkah-langkah yang diambil telah meningkatkan kebolehmampuan, akses serta kualiti perkhidmatan e-pembayaran di Malaysia.

Pada tahun 2019, usaha kami bertumpu kepada pelaksanaan sistem saling boleh kendali bagi perkhidmatan dompet elektronik (*e-wallet*) yang ditawarkan oleh bank dan EMI bukan bank. Bagi pasaran yang mempunyai berbilang pengendali *e-wallet*, pembayaran yang lancar adalah kunci untuk menambah baik pengalaman pelanggan. Seperti yang dikehendaki di bawah Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (*Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF*), PayNet³ telah membangunkan satu infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama — Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (*Real-time Retail Payments Platform*) atau ringkasnya RPP — dengan akses yang terbuka dan sama rata kepada bank dan EMI bukan bank yang layak. Melalui RPP, pengguna dan peniaga boleh membuat dan menerima

pembayaran serta-merta menggunakan dana daripada akaun bank atau akaun wang elektronik.

Setakat ini, dua perkhidmatan utama telah ditawarkan menerusi RPP. Perkhidmatan pertama, DuitNow, memudahkan pengirim memindahkan dana menggunakan nombor telefon bimbit, nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara atau nombor pendaftaran perniagaan penerima. Perkhidmatan kedua, DuitNow QR merupakan perkhidmatan pembayaran QR kebangsaan yang membolehkan pelanggan pengendali *e-wallet* menerima dana dengan mudah daripada pelanggan-pelanggan pengendali *e-wallet* lain yang menyertai RPP. Kami bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan utama untuk memastikan terdapat akses yang inklusif untuk semua peserta yang berminat. Selain bank, terdapat empat EMI bukan bank yang telah menyertai RPP pada masa ini.

Dalam sektor pengiriman wang, pelbagai usaha telah dilaksanakan pada tahun 2019 untuk memudahkan peralihan ke saluran pengiriman wang yang formal. Pada tahun itu, empat RSP berlesen telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan e-KYC⁴. Bank juga bekerjasama dengan Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (*Malaysian Association of Money Services Business, MAMSB*) untuk menambah baik aplikasi mudah alih Penasihat Perniagaan Perkhidmatan Wang. Aplikasi ini merupakan agregator dalam

² Pembaharuan pada tahun-tahun kebelakangan ini merangkumi Rangka Kerja Pembaharuan Harga (2013), Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran (ePIF) (2015), Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (2015) dan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (2018).

³ Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) merupakan pengendali sistem pembayaran yang dikongsi bersama dan infrastruktur pasaran kewangan di Malaysia yang dimiliki secara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan 11 bank tempatan.

⁴ Untuk butiran lanjut mengenai e-KYC, sila rujuk Laporan Tahunan BNM 2019 bab bertajuk 'Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkum'.

DuitNow QR: Perkhidmatan pembayaran QR kebangsaan

Berikutan kemunculan pengendali-pengendali *e-wallet* yang saling bersaing di Malaysia, peniaga menghadapi masalah dari segi masa dan kecekapan kerana mereka perlu berdaftar dengan setiap pengendali dan perlu menyelaraskan pelbagai laporan hasil jualan menggunakan sistem yang berlainan secara manual.

Cabaran ini dapat ditangani dengan DuitNow QR. Peniaga hanya perlu berdaftar dengan satu pengendali *e-wallet* dan memaparkan satu kod QR bersepadu yang boleh digunakan untuk menerima pembayaran daripada pelanggan pengendali *e-wallet* lain yang mengambil bahagian dalam DuitNow QR.

Pada masa yang sama, melalui penggunaan satu akaun dengan pengendali *e-wallet*, pelanggan akan dapat membuat pembayaran kepada peniaga yang berdaftar dengan pengendali *e-wallet* lain yang mengambil bahagian dalam DuitNow QR.



¹ Termasuk subdiari perbankan Islam.

² Sehingga tarikh penerbitan, sebanyak empat peserta RPP (AmBank, Bank Muamalat, HSBC Bank dan Public Bank) telah menawarkan DuitNow QR dalam aplikasi perbankan mudah alih mereka. Peserta lain dijangka mula menawarkan DuitNow QR dalam tahun 2020.

talian yang membolehkan pengguna membuat perbandingan harga, mencari RSP berlesen yang terdekat, menyemak dan membuat aduan mengenai perkhidmatan mereka, serta melaporkan aktiviti RSP yang tidak sah kepada Bank.

Usaha Bank untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran juga melibatkan kerjasama erat dengan kumpulan sasaran dan pihak berkepentingan. Pada tahun 2019, kami terus menyertai pelbagai platform yang melibatkan kumpulan yang berlainan, seperti persatuan pengguna, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan agensi Kerajaan. Bank juga terus menggalakkan dan menyokong usaha-usaha untuk menangani cabaran yang menghalang penggunaan

e-pembayaran dalam sektor awam. Kemajuan yang menggalakkan telah dicapai. Setakat ini sebanyak 52.2% daripada bilangan bayaran yang dikutip oleh agensi Kerajaan Persekutuan adalah melalui saluran elektronik berbanding dengan 36.0% pada tahun 2015⁵.

Bank juga menjalankan beberapa program jangkauan dan kesedaran di kawasan-kawasan terpilih. Sebagai contoh, program “Bayo Dok Guna Piti” (bayar tanpa menggunakan wang tunai) untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran di Pulau Redang mencatatkan hampir 75% daripada

⁵ Sumber: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Mengalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cepak

PKS di pulau itu mula menerima e-pembayaran. Di Kota Kinabalu, Bank bekerjasama dengan Bank Dunia, MAMSB dan penyedia perkhidmatan pengiriman wang untuk Projek Greenback 2.0, iaitu inisiatif untuk menggalakkan penggunaan saluran pengiriman wang formal dalam kalangan komuniti pekerja asing. Inisiatif ini berjaya menurunkan kos pengiriman wang di Sabah, daripada 4.5% pada tahun 2018 kepada 2.2% pada tahun 2019. Kadar ini jauh lebih baik daripada sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu 3.0%. Karnival e-pengiriman wang dengan skala yang lebih kecil juga dianjurkan di beberapa lokasi di Lembah Klang yang mempunyai bilangan pekerja asing yang tinggi.

Memperteguh infrastruktur pembayaran utama untuk masa hadapan

Pada tahun 2019, Bank memulakan beberapa inisiatif untuk memperteguh RENTAS untuk persediaan masa hadapan dan memenuhi keperluan pengguna yang semakin berubah.

Sejak tahun 2008, kami telah melaksanakan aturan penyumberan luar bagi aktiviti pengendalian RENTAS kepada PayNet bagi memastikan pemisahan antara fungsi pengendali dan fungsi pengawasan. Namun, infrastruktur teknologi maklumat (*information technology, IT*) dan tanggungjawab sokongan IT masih kekal di bawah Bank. Aturan ini disokong oleh dua perjanjian tahap perkhidmatan (*service level agreement*) yang menggariskan tanggungjawab Bank dan PayNet

bagi memastikan keselamatan, kecekapan dan kebolehpercayaan sistem ini. Sebagai penyelia RENTAS, Bank juga menetapkan jangkaan pengawalseliaan terhadap PayNet.

Untuk mengukuhkan pengurusan risiko secara menyeluruh berikutan risiko keselamatan siber yang semakin meningkat, Bank akan beralih kepada model pengendalian baharu di mana kami akan mengendalikan RENTAS secara langsung, di samping menyediakan sokongan IT untuk sistem tersebut. Sejalan dengan amalan terbaik antarabangsa, usaha ini akan dirangka dengan peraturan tadbir urus yang jelas dan telus. Hal ini termasuk mengasingkan fungsi pengawasan dan pengendalian di dalam Bank, dan menubuhkan jawatankuasa khusus untuk mengawasi pengendalian, pengurusan risiko dan tadbir urus RENTAS. Bank menjangkakan untuk mengambil alih aktiviti pengendalian RENTAS menjelang akhir tahun 2021.

Untuk mengukuhkan daya tahan operasi RENTAS, Bank telah menubuhkan kemudahan sokongan peringkat ketiga pada bulan November 2019 untuk bertindak sebagai RENTAS Mini. Sebagai sistem RENTAS dengan skala aplikasi lebih kecil, RENTAS Mini berfungsi sebagai rancangan luar jangka untuk memastikan ketahanan terhadap gangguan operasi daripada senario yang tidak

Wakil BNM sedang membuat demonstrasi cara menggunakan perkhidmatan e-pengiriman wang.



Mengawal aset digital¹ di Malaysia

Aset digital yang dikeluarkan secara persendirian telah menarik minat ketara baru-baru ini. Walau bagaimanapun, aset digital lazimnya tidak digunakan untuk membuat pembayaran kerana tidak memiliki ciri-ciri wang serta mempunyai pelbagai batasan termasuk harga yang tidak menentu dan pendedahan kepada ancaman siber. Oleh itu, Bank terus mengingatkan orang ramai bahawa aset digital bukan wang yang sah diperlakukan dan supaya berhati-hati apabila berurusan dalam aset digital.

Penggunaan aset digital untuk membuat pembayaran adalah tertakluk pada undang-undang dan peraturan Bank. Hal ini penting untuk memastikan kestabilan sistem kewangan dan monetari Malaysia. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengawal aktiviti pengeluaran aset digital untuk tujuan pemerolehan dana dan urus niaga jual beli aset digital. Pengawasan ini adalah bertujuan untuk memastikan pelabur dilindungi dan bagi menggalakkan urus niaga yang adil dan teratur. Aktiviti aset digital juga tertakluk pada peraturan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan yang ditadbir oleh pihak berkuasa masing-masing.

Kesedaran mengenai potensi teknologi teras bagi aset digital – teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology*) – untuk menambah baik kaedah pembayaran sedia ada semakin meningkat. Kesannya, komuniti bank pusat sedang mengkaji kebaikan dan kebolehlaksanaan penerbitan mata wang digital bank pusat (*central bank digital currencies*, CBDC). Bank juga tidak terkecuali dan kami terus melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan dengan bank pusat lain berkenaan CBDC.

¹ Secara amnya, aset digital merujuk perlambangan digital sesuatu nilai yang boleh dipindahkan, disimpan atau didagangkan secara elektronik yang lazimnya menggunakan kriptografi dan teknologi lejar teragih.

dijangka di mana kedua-dua premis operasi utama dan pusat pemulihan untuk RENTAS gagal berfungsi secara serentak.

Selain pembayaran domestik, penambahbaikan kecekapan pembayaran merentas sempadan juga penting memandangkan kegiatan perdagangan merentas sempadan, e-dagang dan pelancongan semakin berkembang. Pada peringkat ASEAN, usaha telah dilaksanakan untuk memupuk integrasi serantau yang lebih kukuh melalui pautan infrastruktur sistem pembayaran runcit masa nyata (*real-time retail payment system*, RT-RPS). Melalui penyertaan Bank dalam Jawatankuasa Kerja ASEAN untuk Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (ASEAN Working Committee for Payment and Settlement Systems), kami telah menyumbang kepada penubuhan Rangka Kerja Dasar Pembayaran ASEAN yang menggariskan satu set prinsip bagi menubuhkan pautan RT-RPS. Bank juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Bank Indonesia untuk memupuk kerjasama yang lebih erat dalam inovasi kewangan, termasuk meneroka penubuhan pautan pembayaran runcit antara Malaysia dengan Indonesia. Inisiatif yang sama dengan negara-negara ASEAN lain juga sedang diteroka, termasuk Singapura dan Thailand.

Langkah selanjutnya

Bank akan terus menumpukan sumber pengawalan dan penyeliaannya untuk melindungi keselamatan dan keteguhan sistem pembayaran dan pengiriman wang. Kami juga akan meningkatkan usaha untuk menambah keyakinan dan penerimaan orang ramai terhadap perkhidmatan e-pembayaran dan e-pengiriman wang, terutamanya dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Bank juga akan berusaha memperteguh infrastruktur pembayaran negara untuk masa hadapan bagi memenuhi keperluan pasaran yang berubah, termasuk merangka agenda pembangunan sistem pembayaran masa hadapan dan merumuskan strategi yang menyeluruh untuk pemindahan sistem pembayaran kepada ISO 20022. Sebagai piawaian pemesejan global dengan kandungan data yang lebih meluas, ISO 20022 berpotensi untuk memacu kecekapan yang lebih tinggi dan memudahkan peserta industri untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang inovatif kepada pelanggan mereka.

Pengeluaran Mata Wang

Bank ialah pengeluar tunggal mata wang ringgit yang merupakan satu-satunya mata wang yang sah diperlakukan di Malaysia.


Mandat Bank adalah untuk memastikan bekalan mata wang ringgit sentiasa mencukupi untuk memenuhi permintaan orang ramai selain mengekalkan kualiti dan integriti mata wang dalam edaran (*currency in circulation, CIC*). Dalam melaksanakan mandat ini, Bank juga berusaha untuk menguruskan operasi mata wang secara kos efektif.

Operasi mata wang

Mata wang fizikal digunakan sebagai medium pertukaran bagi memudahkan transaksi pembayaran dan juga sebagai aset penyimpanan nilai. Mata wang fizikal ini terus digunakan secara meluas dalam ekonomi Malaysia dengan sejumlah RM114.1 bilion wang kertas dan duit syiling berada dalam edaran pada akhir tahun 2019. Pada tahun 2019, CIC meningkat pada kadar 3.6%, iaitu pertumbuhan yang lebih rendah berbanding dengan purata lima tahun sebanyak 7.9%. Walau bagaimanapun, kadar CIC berbanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sekitar 6.5% ke 7% sejak lima tahun lalu. Walaupun CIC Malaysia terus meningkat sejajar dengan pertumbuhan ekonomi, terdapat tanda yang menunjukkan pertumbuhannya semakin berkurangan ekoran peningkatan penggunaan pembayaran secara elektronik bagi semua transaksi ekonomi.


Dalam menguruskan operasi mata wang bagi memenuhi keperluan ekonomi, Bank memperoleh bekalan wang kertas daripada pencetak antarabangsa melalui proses tender terbuka dan menempa duit syiling di Kilang Wang Bank yang terletak di Shah Alam.

Rajah 1: Kadar purata pertumbuhan CIC (%)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Kadar CIC berbanding KDNK (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia



Pemeriksaan kualiti merupakan sebahagian daripada proses menempa duit syiling di Kilang Wang.



Pengukir sedang membuat sentuhan terakhir pada acuan induk yang merupakan sebahagian daripada proses menempa syiling peringat.

Pada tahun 2019, Bank menempa hampir satu bilion keping duit syiling. Bank juga menjalankan penilaian terhadap kapasiti dan kawalan yang diterima pakai oleh pencetak yang berkelayakan.

Operasi mata wang Bank juga bertujuan untuk memastikan CIC adalah berkualiti tinggi bagi mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap mata wang ringgit. Hal ini melibatkan aktiviti pelupusan wang lusuh dan wang rosak daripada edaran, dan menggantikannya semula dengan wang kertas baharu atau wang kertas yang sesuai untuk edaran (*fit banknotes*). Wang kertas yang sesuai untuk edaran ialah wang kertas terpakai yang menepati standard kualiti untuk edaran semula. Setiap tahun, Bank memproses kira-kira tiga bilion keping wang kertas, dengan hampir separuh daripada jumlah ini diproses oleh Pusat Mata Wang Automatik (*Automated Cash Centre, ACC*) yang terletak di Shah Alam. Separuh lagi wang kertas diproses oleh lima pejabat wilayah Bank yang terletak di Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu. ACC yang mula beroperasi pada tahun 2016, telah mengurangkan tempoh pemprosesan mata wang¹ daripada tiga bulan kepada satu bulan. Hal ini

membolehkan Bank memenuhi permintaan terhadap wang kertas yang sesuai untuk edaran dengan lebih cekap sepanjang tahun, seterusnya mengurangkan kos untuk mencetak wang kertas baharu.

Bagi memastikan bekalan mata wang ringgit yang berterusan di seluruh negara, Bank bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memastikan setiap penghantaran selamat sampai ke ACC dan pejabat wilayah Bank berdasarkan keperluan masyarakat setempat. Wang kertas dan duit syiling kemudiannya diedarkan ke cawangan dan mesin khidmat tunai² milik institusi kewangan oleh syarikat perkhidmatan perpindahan wang tunai (*cash-in-transit company, CIT*) dan ejen duit syiling. Syarikat-syarikat ini memainkan peranan yang penting dalam rantai pengurusan bekalan mata wang kerana mereka bertanggungjawab bagi memastikan pengedaran ringgit adalah selamat dan cekap.

¹ Wang kertas yang didepositkan ke Bank diperiksa tahap kualitinya menggunakan mesin pemproses berkelajuan tinggi. Mesin ini digunakan untuk mengasingkan wang kertas yang lusuh, rosak atau palsu. Hanya wang kertas yang berkualiti tinggi dan tulen akan diedar semula.

² Merujuk kepada mesin juruwang automatik (*automated teller machine*), mesin kitar semula tunai (*cash recycler machine*) dan mesin deposit tunai (*cash deposit machine*).




Pemrosesan mata wang dilakukan dengan cekap di ACC.

Bank juga bertindak menjaga integriti ringgit terhadap wang kertas dan duit syiling palsu. Pemalsuan mata wang merupakan satu jenayah serius yang boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap ringgit dan peranan Bank sebagai pengeluar tunggal mata wang. Bagi memerangi pemalsuan mata wang di Malaysia, Bank bekerjasama rapat dengan agensi penguat kuasa undang-undang, seperti PDRM dan Jabatan Peguam Negara, yang bertanggungjawab untuk menyiasat dan membuat pertuduhan terhadap jenayah pemalsuan mata wang. Bank juga menjalankan program kesedaran dan pendidikan mata wang. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang wang kertas dan duit syiling termasuk ciri-ciri keselamatannya di laman sesawang Bank dan aplikasi mudah alih *MyRinggit*. Pada tahun 2019, Bank telah memperakui lebih 160 pelatih daripada pelbagai institusi rakan kongsi - seperti agensi kerajaan, persatuan perniagaan dan pengguna, serta peruncit - untuk menjalankan program kesedaran dan pendidikan mata wang bagi melengkapi usaha Bank. Usaha yang berterusan ini telah menyumbang kepada kadar pemalsuan mata wang yang rendah secara konsisten di Malaysia. Pada akhir tahun 2019, kadar pemalsuan mata wang di Malaysia adalah satu bagi setiap satu juta keping mata wang (*piece per million*, PPM), jauh lebih rendah berbanding negara penanda aras global.

Dalam menjalankan operasi mata wang, Bank juga berusaha memastikan kos operasi kekal rendah. Usaha ini dilaksanakan dengan mengutamakan pengagihan

Rajah 3: Kadar pemalsuan mata wang Malaysia dan negara lain



Nota: • Data untuk tahun 2018, kecuali Malaysia dan Australia (2019)
 • Tidak termasuk duit syiling
 • PPM: keping bagi setiap juta

Sumber: Bank Negara Malaysia, laman sesawang dan laporan tahunan bank-bank pusat

wang kertas yang sesuai untuk edaran, memandangkan kos untuk memproses wang kertas sedia ada adalah jauh lebih rendah berbanding dengan mengeluarkan wang kertas baharu. Di samping itu, pengedaran semula wang kertas yang sesuai untuk edaran sebagai gantian kepada wang kertas baharu boleh meminimumkan kesan operasi mata wang terhadap sumber alam sekitar. Pengeluaran wang polimer untuk denominasi rendah iaitu RM1 dan RM5 juga telah mengurangkan keperluan Bank untuk mengeluarkan wang kertas

Sebagai sebahagian daripada kempen kesedaran untuk orang ramai yang berterusan, Bank mendidik orang ramai dan peniaga pasar malam tentang cara mengenal pasti wang kertas tulen.



baharu, terutamanya ketika musim perayaan. Hal ini disebabkan oleh ketahanan wang polimer yang lebih tinggi, iaitu empat kali ganda berbanding dengan wang kertas. Wang polimer juga tidak mudah kotor dan tahan lembap. Pada tahun 2019, lebih kurang 20% wang polimer dan wang kertas yang diproses didapati tidak sesuai untuk edaran dan dimusnahkan.

Dari semasa ke semasa, Bank juga mengeluarkan wang kertas dan duit syiling peringatan untuk memperingati peristiwa penting dan istimewa bagi negara. Pada tahun 2019, Bank telah mengeluarkan satu siri duit syiling peringatan bersempena pertabalan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI. Pengedaran siri ini

juga dilaksanakan seiring dengan pelancaran kemudahan tempahan dan pembayaran dalam talian bagi memudahkan pembelian duit syiling peringatan oleh orang ramai. Proses pengundian berkomputer juga diperkenalkan bagi mengagihkan bekalan duit syiling peringatan yang terhad ini untuk tempahan yang diterima.

Undang-undang mata wang

Tahun ini juga menyaksikan pembentangan Rang Undang-Undang Mata Wang di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada bulan Disember. Undang-undang baharu ini – Akta Mata Wang 2020 – akan menjadi pelengkap kepada Akta Bank Negara Malaysia 2009 dengan menetapkan



Bahagian hadapan dan belakang duit syiling peringatan yang dikeluarkan sempena dengan pertabalan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI.

rangka kerja pengawalseliaan dan pengendalian yang menyeluruh untuk pengurusan operasi mata wang. Penambahbaikan utama undang-undang ini ialah peruntukan bagi Bank untuk mengawasi dan mengawal selia syarikat CIC yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan mata wang. Memandangkan kira-kira 70% wang kertas yang diedarkan adalah diproses oleh pemproses mata wang ini, pemantauan yang lebih ketat ke atas mereka dapat memastikan kualiti yang tinggi bagi pemprosesan mata wang, lantas mengekalkan CIC yang berkualiti dan berintegriti tinggi.

Undang-undang baharu ini juga menetapkan beberapa peruntukan yang terpakai kepada orang ramai tentang penggunaan mata wang yang betul.

Langkah selanjutnya

Seterusnya, Bank akan melaksanakan keperluan yang terdapat dalam Akta Mata Wang 2020. Hal ini melibatkan pelaksanaan rejim pendaftaran untuk mengawal selia pemproses mata wang.

Peruntukan penting Akta Mata Wang 2020

Terdapat beberapa peruntukan penting dalam Akta Mata Wang 2020:

- a. Tiada entiti selain Bank boleh mengeluarkan mata wang atau apa-apa instrumen lain yang sah diperlakukan. Ini termasuk instrumen yang berkemungkinan sah diperlakukan berdasarkan ciri-ciri yang digariskan dalam undang-undang.
- b. Had transaksi tunai boleh ditetapkan untuk melarang transaksi wang tunai berjumlah besar.
- c. Had sah laku bagi duit syiling ditetapkan pada 25 keping. Penerima boleh menolak pembayaran yang menggunakan duit syiling melebihi 25 keping.
- d. Rejim pendaftaran akan diperkenalkan untuk mengawal selia pemproses mata wang. Mereka hendaklah mematuhi piawaian mengenai pemprosesan mata wang bagi memastikan kualiti dan integriti CIC adalah tinggi.
- e. Bank, institusi kewangan dan pemproses mata wang berdaftar diberi kuasa untuk merampas mata wang yang disyaki palsu. Pembawa mata wang palsu yang dirampas dikehendaki memberi maklumat peribadi mereka untuk membantu siasatan. Kegagalan berbuat demikian merupakan satu kesalahan.
- f. Tiada sesiapa dibenarkan untuk melebur duit syiling dengan niat untuk mendapatkan keuntungan.

Mengekalkan Integriti Kewangan

Malaysia terus komited untuk mencegah penyalahgunaan perkhidmatan kewangan untuk tujuan jenayah dan keganasan. Sehubungan itu, satu rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering/counter-financing of terrorism, AML/CFT*) yang teguh telah diwujudkan untuk menangani tahap risiko dan kelemahan yang sentiasa berubah.

Sebagai pihak berkuasa yang berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (*Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA 2001*), Bank bertanggungjawab menjalankan tugas sebagai Unit Perisikan Kewangan negara untuk menganalisis laporan yang dikemukakan oleh institusi-institusi pelapor. Institusi-institusi pelapor ini terdiri daripada institusi kewangan, perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (*designated non-financial businesses and professions, DNFBP*)¹ serta institusi kewangan bukan bank (IKBB)². Hasil analisis risikan kewangan daripada laporan-laporan yang diterima disalurkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan bagi tujuan penyiasatan dan tindakan penguatkuasaan.

¹ Termasuk kasino, peguam, akauntan, peniaga logam dan batu permata, perniagaan perjudian, pemegang pajak gadai, syarikat amanah ejen harta tanah, setiausaha syarikat dan pemberi pinjaman wang.

² Termasuk syarikat kredit, perniagaan pemajakan dan pempfaktoran, pengeluar kad caj dan kad kredit bukan bank dan perkhidmatan kewangan melalui pos.

Bank turut menjalankan aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan AML/CFT ke atas institusi-institusi pelapor yang dikawal selia oleh Bank.

Bank juga merupakan sekretariat kepada Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC*), iaitu badan yang bertanggungjawab untuk menyelaras, melaksana dan memantau perkembangan inisiatif AML/CFT pada peringkat kebangsaan. NCC diwakili oleh 16 kementerian dan agensi kerajaan.

Memperkukuh rangka kerja AML/CFT

Pada tahun 2019, Bank telah mengambil beberapa langkah untuk memperkukuh lagi rangka kerja AML/CFT di Malaysia.

Pada bulan Januari 2019, Bank telah mengubah nilai ambang bagi institusi-institusi pelapor tertentu³ daripada RM50,000 kepada RM25,000 bagi pelaporan terhadap transaksi tunai kepada Bank. Pengurangan nilai ambang tunai bagi obligasi pelaporan (*cash threshold reporting, CTR*) ini telah menambah baik proses pengumpulan data yang digunakan sebagai sokongan untuk mengenal pasti risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing, ML/TF*) yang berkaitan dengan wang tunai. Usaha ini seterusnya telah menghasilkan risikan kewangan yang lebih berkesan dan praktikal bagi membantu agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan untuk menjalankan siasatan terhadap jenayah, seperti penipuan, pengelakan cukai dan rasuah.

³ Bank komersial, bank pelaburan, bank-bank Islam, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Lembaga Tabung Haji dan syarikat yang diberi lesen untuk menjalankan perniagaan perjudian menurut Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Institusi-institusi pelapor memainkan peranan yang penting sebagai barisan pertahanan pertama bagi mencegah sistem kewangan daripada disalah guna untuk memudahkan kegiatan jenayah dan keganasan. Bagi tujuan ini, satu rangka kerja pengawalseliaan dibentuk untuk memperjelas tanggungjawab institusi kewangan, DNFBP dan IKBB dalam mengurus risiko ML/TF, termasuk obligasi mereka untuk mematuhi keperluan sekatan kewangan bersasaran⁴. Pada tahun 2019, Bank telah menjalankan kajian semula yang menyeluruh terhadap rangka kerja pengawalseliaan AML/CFT. Kajian semula ini adalah bertujuan untuk menjadikan rangka kerja pengawalseliaan AML/CFT Malaysia selari dengan piawai antarabangsa dan amalan terbaik terkini, serta menyelaraskan keperluan institusi-institusi pelapor yang berbeza merentas pelbagai sektor. Pada bulan September 2019, Bank telah mengeluarkan draf dasar untuk mendapatkan maklum balas daripada industri yang berkaitan dan orang ramai. Hasilnya, dasar ini telah dimuktamadkan pada bulan Disember 2019⁵, dan seterusnya telah dikuatkuasakan pada bulan Januari 2020. Selain memperkukuh keperluan sekatan kewangan bersasaran terhadap pembiayaan keganasan dan percambahan besar-besaran serta sekatan rejim lain oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dasar ini memperuntukkan pendekatan yang lebih berasaskan risiko dan prinsip pengurusan risiko ML/TF. Contohnya, institusi-institusi pelapor boleh menggunakan pendekatan yang lebih sensitif terhadap aspek risiko ketika menjalankan usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*, CDD), termasuk menggunakan teknologi baharu bagi menentusahkan identiti pelanggan.

Perkongsian risikan kewangan dan menyokong penguatkuasaan undang-undang


Tanggungjawab utama Bank sebagai Unit Perisikan Kewangan Malaysia adalah untuk mengumpul, menganalisis dan menyalurkan maklumat kepada agensi penguat kuasa undang-undang tentang kesalahan yang disyaki berkaitan dengan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan serta jenayah serius lain.

⁴ Sekatan kewangan bersasaran adalah obligasi yang dikenakan ke atas institusi pelapor bagi memastikan pematuhan terhadap rejim pembiayaan keganasan, rejim pembiayaan percambahan besar-besaran dan rejim sekatan lain oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

⁵ Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasaran (*Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions*, AML/CFT dan TFS) bagi institusi kewangan, DNFBP dan IKBB.

Institusi-institusi pelapor dikehendaki memfailkan laporan transaksi yang mencurigakan (*suspicious transaction report*, STR) kepada Bank sekiranya mereka mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki sesuatu transaksi itu luar biasa atau ada kaitan dengan kegiatan jenayah. Pada tahun 2019, Bank menerima sejumlah 113,353 STR, iaitu peningkatan sebanyak 30 peratus berbanding dengan 87,034 STR yang diterima pada tahun 2018. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran yang semakin meluas dalam kalangan institusi-institusi pelapor tentang peranan mereka sebagai pertahanan barisan pertama dalam membantu membanteras jenayah kewangan. Maklumat ini, berserta dengan laporan lain yang dikemukakan oleh institusi-institusi pelapor (contohnya CTR) akan dianalisis, dan hasil risikan kewangan tersebut disalurkan kepada agensi-agensi penguat kuasa tempatan dan unit perisikan kewangan asing untuk tujuan penyiasatan dan pendakwaan. Pada tahun 2019, 75 peratus daripada hasil risikan yang dikemukakan kepada agensi penguat kuasa adalah berkaitan dengan jenayah yang berisiko tinggi⁶. Pecahannya adalah seperti yang berikut:

Rajah 1: Peratus hasil risikan berkaitan dengan jenayah berisiko tinggi



Daripada jumlah hasil risikan ini, 46 peratus berkait dengan aktiviti penipuan, 18 peratus merupakan pembiayaan keganasan, 7 peratus berkait dengan rasuah dan sogokan, 7 peratus berkait dengan pengubahan wang haram, 6 peratus berkait dengan kesalahan melibatkan cukai dan baki 16 peratus

⁶ Seperti yang dikenal pasti dalam Penilaian Risiko Negara 2017. Penilaian Risiko Negara (*National Risk Assessment*, NRA) ialah penilaian yang dijalankan setiap tiga tahun ke atas risiko pendedahan Malaysia terhadap jenayah lazim dalam dan luar negara serta kelemahan pelbagai sektor terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.



Gabenor Nor Shamsiah Yunus menyatakan peningkatan ketara CTR yang diterima berikutan perubahan nilai ambang pelaporan telah memberikan maklumat tambahan yang menyumbang kepada peningkatan kualiti penzahiran maklumat risikan kewangan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang, sewaktu pelancaran MyFINet di Persidangan Antarabangsa 2019 Mengenai Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan Ke-11 (11th International Conference on Financial Crime and Terrorism Financing) pada 5 November 2019.

adalah berkait dengan jenayah-jenayah lain. Bank turut menggunakan hasil risikan tersebut untuk membuat kajian kes (“tipologi”) bagi menggambarkan kaedah lazim dan trend semasa yang digunakan dalam kegiatan jenayah, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Kajian-kajian ini dikongsi dengan institusi-institusi pelapor untuk membantu mereka meningkatkan keupayaan pengesanan risiko.

Selain pengemukaan STR dan CTR, beberapa inisiatif telah diperkenalkan pada tahun-tahun kebelakangan ini untuk meningkatkan kerjasama dan perkongsian maklumat antara sektor kewangan dengan agensi-agensi penguatkuasaan dalam usaha memerangi jenayah kewangan dan pembiayaan keganasan. Sejak tahun 2017, kerjasama yang erat antara sektor awam dengan sektor swasta telah menghasilkan penangkapan, pendakwaan dan pengusiran 22 individu yang terlibat dalam aktiviti pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan di negara ini. Rangkaian Perisikan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Intelligence Network, MyFINet*) telah dilancarkan dengan rasminya pada bulan November 2019, untuk menambah baik inisiatif perkongsian maklumat. MyFINet terdiri daripada Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, serta beberapa institusi kewangan yang

mengambil bahagian. Tujuan utama MyFINet adalah untuk mewujudkan perkongsian risikan yang lebih sistematik antara agensi penguatkuasa dengan institusi kewangan tentang jenayah khusus dan isu semasa dalam mengurus ancaman jenayah terhadap negara.

Penjenayah, pegganas dan pihak yang bersekongkol dengan mereka sentiasa pantas untuk mengeksploitasi kelemahan sistem kewangan antarabangsa. Oleh sebab itu, Bank telah menjalinkan kerjasama yang erat dengan rakan strategik di negara lain. Bank berkongsi hasil risikan dengan unit perisikan asing di 41 negara, termasuk dari Australia, Hong Kong SAR, Indonesia, Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Di samping itu, Bank turut menerima permintaan daripada Jabatan Peguam Negara (*Attorney General’s Chambers*) berhubung dengan bantuan perundangan bersama dari 21 negara asing sebagai sokongan untuk penyiasatan atau prosiding jenayah yang sedang dijalankan di mahkamah luar negara.

Bank juga terus memperkukuh kerjasama dan hubungan baik dengan rakan strategik pada peringkat antarabangsa dan pihak berkepentingan yang lain dalam usaha memerangi jenayah kewangan di seluruh dunia. Bank mengambil bahagian secara aktif dalam organisasi antarabangsa seperti Pasukan Petugas Tindakan

Mengekalkan Integriti Kewangan

Kewangan (*Financial Action Task Force, FATF*), Kumpulan Asia/Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram (*Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG*) dan Kumpulan Unit Perisikan Kewangan Egmont (*Egmont Group*). Malaysia juga akan menjadi Pengerusi Bersama APG bersama-sama dengan Australia pada tahun 2020–2022. Malaysia juga merupakan ahli Kumpulan Perunding Risiko Kewangan (*Financial Intelligence Consultative Group, FICG*), iaitu forum yang bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai risiko pembiayaan keganasan serantau yang penting di samping memperkukuh kerjasama berhubung dengan keutamaan jenayah merentasi negara yang telah dipersetujui. Pada tahun 2019, Bank mengambil bahagian secara aktif dalam beberapa projek FICG, seperti Projek Instrumen Untuk Mengganggu Pembiayaan Keganasan (*Terrorism Financing Disruption Toolkit Project*) yang menyediakan pelbagai pilihan dasar untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh unit perisikan kewangan berhubung dengan strategi untuk mengganggu pembiayaan keganasan. Bank dan unit perisikan kewangan Indonesia, iaitu Pusat Pelaporan dan Analisis Transaksi Keuangan juga bersama-sama menerajui Penilaian Ancaman Serantau Mengenai Pengubahan Perolehan Rasuah Transnasional (*Regional Threat Assessment on Transnational Laundering of Corruption*

Proceeds) untuk meningkatkan pemahaman mengenai pengubahan perolehan rasuah rentas sempadan yang melibatkan negara-negara FICG, di samping mengatur strategi untuk bersama-sama membanteras jenayah tersebut.

Langkah selanjutnya

Bank akan meneruskan inisiatif dan langkah untuk mengukuhkan integriti sistem kewangan. Bagi mengelakkan penyalahgunaan wang tunai untuk menyokong kegiatan haram, NCC akan mengadakan sesi konsultasi berkenaan cadangan had transaksi tunai pada kadar RM50,000. Mana-mana jumlah yang melebihi had yang ditetapkan itu perlu menggunakan kaedah yang boleh dikesan (seperti cek, pembayaran elektronik). Memandangkan pembanteras jenayah kewangan merupakan tanggungjawab yang dikongsi dengan pelbagai pihak berkepentingan, maka Bank perlu memainkan peranannya dalam memastikan integriti sektor kewangan dipelihara dengan baik. Bank juga akan terus memantau perkembangan dan trend antarabangsa untuk melindungi rejim AML/CFT Malaysia. Usaha ini merangkumi perumusan strategi untuk menghadapi trend dan ancaman yang bakal muncul dan pada masa yang sama bergerak seiring dengan kemajuan teknologi yang pesat.







Pengurusan Bank

- 67 Tenaga Kerja Bank
- 71 Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 75 Perbincangan dan Interaksi Antarabangsa
- 80 Interaksi dengan Rakyat Malaysia
- 83 *Rencana: Sukarelawan BNM*

Pengurusan Bank





Pengurusan Bank

Tenaga Kerja Bank

Tenaga kerja merupakan aset Bank yang paling penting. Melalui tenaga kerja, Bank berupaya melaksanakan mandatnya. Oleh itu, Bank berusaha untuk menarik minat sumber tenaga kerja yang terbaik di Malaysia dan mewujudkan persekitaran yang mendorong mereka untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Memacu kecemerlangan dan integriti


Sebagai sebuah organisasi yang diberi mandat untuk berkhidmat kepada negara, tanggungjawab yang dilaksanakan oleh warga kerja Bank hendaklah berasaskan profesionalisme dan etika yang teguh. Bagi memastikan warga kerja Bank melaksanakan tugas yang diamanahkan (*duty of care*), Bank komited untuk membentuk budaya yang menggalakkan standard kecemerlangan dan integriti yang tinggi dalam kalangan lebih 3,000 orang kakitangannya. Kepelbagaian tenaga kerja Bank juga membolehkan Bank memperkaya idea di tempat kerja lantas meningkatkan impak Bank kepada masyarakat.

Pada tahun 2019, Bank melaksanakan beberapa perubahan penting kepada PRIME, iaitu rangka kerja pengurusan prestasi, bagi memudahkan penilaian prestasi, keberkesanan kepimpinan dan kecekapan teknikal secara lebih holistik. Alat ukuran yang baharu telah diperkenalkan untuk




Gambar Rajah 1: Demografi Bakat

Generasi millennial membentuk segmen terbesar iaitu 54% tenaga kerja Bank



Nota: Generasi millennial (atau Gen Y) ditakrifkan sebagai individu yang lahir anantara tahun 1961 hingga 1996.



Jawatan	Pembahagian gender
Pengurusan Kanan	43% (Male) / 57% (Female)
Pengurus	57% (Male) / 43% (Female)
Eksekutif Peringkat Pertama	57% (Male) / 43% (Female)
Bukan Eksekutif	37% (Male) / 63% (Female)

5.7% Kadar pelepasan jawatan

Sumber: Bank Negara Malaysia

menilai prestasi individu, yang memberikan lebih penekanan kepada impak dan keberkesanan untuk memperkasa dan menggalakkan tenaga kerja yang responsif terhadap cabaran yang dihadapi. Rangka kerja baharu ini juga memberi lebih penekanan kepada perbincangan dan interaksi yang berkesan serta cara bekerja yang inklusif. Bank juga memperkenalkan Kijang360, iaitu satu sistem untuk pekerja menerima maklum balas daripada penyelia, rakan sejawat dan ahli kumpulan mengenai prestasi dan tingkah laku mereka.

Perubahan ini mencerminkan hasrat Bank untuk menggunakan pendekatan yang lebih holistik berhubung dengan cara Bank memberi ganjaran dan menaikkan pangkat kakitangannya. Bagi pihak kakitangan itu sendiri, PRIME dan Kijang360 juga akan memberikan maklumat untuk membantu kakitangan merancang pembangunan peribadi mereka.

Memandangkan tahun 2019 juga merupakan ulang tahun Bank yang ke-60, Bank mengambil kesempatan untuk menjalankan pelbagai usaha bagi menilai dan meneliti semula cara keputusan dibuat di Bank. Bagi tujuan ini, Bank mengendalikan beberapa sesi perbincangan dengan semua peringkat di Bank, dengan tujuan untuk membantu mengenal pasti faktor budaya seperti tabiat, andaian dan sikap sedia ada yang mungkin menghalang kakitangan daripada memberikan prestasi yang terbaik kepada Bank. Sesi-sesi ini menyelidik dengan teliti beberapa bidang yang penting kepada prestasi Bank seperti melaksanakan tugas yang diamanahkan, menangani konflik dan isu etika, serta mengatasi cabaran dalam kerjasama. Sesi-sesi ini juga membolehkan kita mengimbas kembali usaha-usaha penting yang pernah dijalankan dalam usaha Bank yang berterusan untuk membangunkan dan mengekalkan pasukan berprestasi tinggi yang menerapkan nilai-nilai Bank.

Membangunkan tenaga kerja Bank

Bagi memastikan Bank boleh melaksanakan mandatnya, Bank memberikan keutamaan kepada usaha untuk melengkapkan tenaga kerjanya dengan kemahiran, kecekapan dan pengetahuan yang sewajarnya untuk melaksanakan misi Bank. Oleh yang demikian, Bank memberikan banyak perhatian dan sumber kepada usaha membangunkan dan mengekalkan kumpulan pengganti dan pelapis yang mantap dengan ilmu kemahiran yang tinggi dalam bidang perbankan pusat dan bidang berkaitan lain.

Sebagai organisasi yang berasaskan pengetahuan, Bank membuat pelaburan yang besar untuk tenaga kerjanya. Hal ini bermula daripada cara Bank mendapatkan sumber tenaga mahir. Di samping mendapatkan tenaga mahir daripada pelbagai sumber, skim biasiswa yang ditawarkan oleh Bank merupakan saluran penting untuk mengekalkan barisan tenaga mahir yang kukuh. Pada tahun 2019, sebanyak 72 biasiswa diberikan kepada pelajar cemerlang untuk menyertai program prauniversiti, ijazah sarjana muda dan pascasiswazah. Selepas menamatkan pengajian, pemegang biasiswa akan ditempatkan di pelbagai jabatan mengikut pengkhususan, minat dan kesesuaian peranan. Modal intelek Bank juga diperkukuh dengan peluang diberikan kepada kakitangan untuk menyambung pengajian dalam bidang yang berkaitan pada peringkat pascasiswazah.

Bank juga menyediakan persekitaran yang kondusif untuk kakitangannya mendapatkan kelayakan

profesional dan melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkaitan dengan mandat Bank. Bank membayar balik kos untuk mendapatkan atau mengekalkan kelayakan profesional kepada kakitangan selain memberikan cuti belajar bergaji kepada mereka yang membuat persediaan sebelum menduduki peperiksaan. Pada tahun 2019, 24% daripada kakitangan Bank sudah memiliki atau sedang giat mendapatkan kelayakan dan pengiktirafan daripada badan-badan profesional dalam bidang kewangan, perakaunan, pelaburan, perbankan dan insurans.

Pelbagai peluang pembelajaran dan pembangunan disediakan untuk membina keupayaan tinggi yang diperlukan oleh kakitangan Bank bagi memenuhi tuntutan bidang tugas mereka dan mempercepat tempoh masa yang diambil oleh kakitangan untuk menjadi cekap (*time-to-competence*). Bank terus mengemas kini dan mengembangkan program kepimpinan dan teknikal yang direka untuk semua peringkat kakitangan dan semua bidang fungsi Bank yang pelbagai.

Bagi bakal pemimpin Bank, Bank memperkenalkan program *Bank Negara Malaysia Business Acumen* (BNMBA) pada tahun 2019. Program ini memperkukuh prinsip-prinsip tadbir urus yang baik dan direka untuk mengasah keupayaan kakitangan melaksanakan urusan dalam bidang seperti rundingan, komunikasi, perolehan dan pengurusan projek, risiko, bakat dan perancangan kewangan. Kajian kes juga digunakan untuk memberi peluang kepada peserta berada dalam keadaan dunia sebenar untuk lebih menghargai cabaran pengurusan.



Gabenor Nor Shamsiah Yunus mengalu-alukan kedatangan rakan sekerja baharu.


Tenaga Kerja Bank

Bagi memastikan kakitangan Bank mendapat sokongan yang cukup untuk melaksanakan misi Bank, Bank telah meletakkan asas bagi mempersiapkan dan menjadikan Bank lebih kukuh untuk menghadapi dunia yang lebih berdigital. Bank mewujudkan model *hub-and-spoke* untuk pusat kecemerlangan sains data dan analisis yang menjadi pusat untuk menyediakan kepimpinan, amalan terbaik, penyelidikan dan khidmat nasihat. Pasukan sains data dan analisis yang tidak terpusat pula menyokong fungsi urusan Bank yang lain. Selain itu, Bank memperkenalkan beberapa program dalaman dan program dalam talian dalam bidang sains data dan analisis untuk kakitangannya. Program ini akan membolehkan Bank memanfaatkan sepenuhnya potensi jumlah data yang meningkat untuk merumuskan dasar yang lebih berasaskan bukti. Program ini turut melengkapi usaha berterusan Bank untuk mengoptimumkan struktur organisasi dan keperluan tenaga manusia bagi fungsi baharu dan

kritikal seperti penyeliaan dan pengawasan risiko IT dan audit IT.

Bank juga terus memperhebat inisiatif untuk mengurangkan jurang pengetahuan dalam bidang fintech pada semua peringkat kakitangannya. Inisiatif ini termasuk sesi ceramah kepimpinan oleh pakar daripada bidang yang berbeza di samping sesi perbincangan dan interaksi mengenai pelbagai bidang yang baru muncul seperti transformasi digital, keselamatan siber (*cybersecurity*), kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan inovasi. Selain program pembelajaran secara formal, Bank juga menyediakan peluang kemajuan kerjaya semasa bekerja untuk kakitangannya. Peluang disediakan untuk kakitangan bagi menyertai pelbagai projek dan inisiatif di seluruh Bank, termasuk tugas jangka pendek yang mencabar ("*stretch assignments*") dan penglibatan pada peringkat antarabangsa.

Gambar Rajah 3.2: Pembelajaran dan pembangunan pada tahun 2019



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Pengurusan risiko

Bank Negara Malaysia terdedah kepada pelbagai risiko yang boleh menjejaskan keupayaan Bank untuk melaksanakan mandatnya.

Sebagai bank pusat, dedahan risiko kewangan Bank berpunca daripada aktiviti dan operasi yang memberikan kesan kepada kedudukan kewangan Bank, seperti pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa. Dedahan ini meliputi dedahan kepada risiko pasaran, iaitu pergerakan dalam kadar pertukaran, kadar faedah dan harga pasaran lain yang berpotensi untuk menjejaskan nilai pelaburan Bank. Bank turut terdedah kepada risiko kredit, iaitu risiko kerugian akibat kemungkiran oleh penerbit sekuriti atau kegagalan rakan niaga memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Bank.

Bank juga terdedah kepada risiko bukan kewangan yang berpunca daripada operasi harian Bank dan pelbagai faktor luaran. Risiko ini termasuklah peristiwa berkaitan operasi yang boleh mengganggu operasi Bank atau menyebabkan kesan sistemik. Bank turut terdedah kepada risiko reputasi daripada tingkah laku kakitangan, perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan, serta peristiwa yang berkait dengan operasi dan keputusan dasar Bank.

Bagi menangani risiko-risiko ini secara sistematik, Bank telah menyediakan rangka kerja pengurusan risiko (Gambar Rajah 1) yang membantu Bank memastikan operasi dan aktiviti Bank dijalankan secara berhemat dan bertanggungjawab. Bank mengambil pendekatan yang bersepadu dan kohesif terhadap pengurusan risiko bagi memastikan risiko utama yang dihadapi oleh organisasi dikenal pasti, dinilai, dipantau dan diurus secara berkesan.

Selain struktur dan proses formal, Bank menekankan budaya risiko yang mantap yang menggalakkan kesedaran risiko dan komunikasi secara terbuka mengenai risiko. Matlamat Bank adalah supaya semua kakitangan – pada semua peringkat dan dari seluruh organisasi – mampu dan bersedia untuk mengenal pasti, memahami, memaklumkan dan menangani risiko yang dihadapi oleh Bank.

Struktur tadbir urus risiko Bank menekankan tanggungjawab bersama terhadap risiko yang bermula daripada setiap operasi Bank dan diperkukuh melalui fungsi pengurusan dan kawalan risiko yang mantap.

Pada peringkat atasan, Lembaga Pengarah – disokong oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga – mempunyai tanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus dan pengawasan risiko. Lembaga Pengarah juga menentukan “hala tuju daripada pihak atasan” dalam memupuk budaya risiko yang mantap.

Pihak Pengurusan bertanggungjawab melaksanakan rangka kerja dan amalan pengurusan risiko yang kukuh merentas seluruh fungsi dan operasi Bank. Tanggungjawab ini dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab (Gambar Rajah 2). Jawatankuasa-jawatankuasa ini bermesyuarat secara berkala untuk membincangkan isu-isu risiko yang strategik dan kritikal yang dihadapi oleh Bank.

Bagi menyokong Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan melaksanakan fungsi pengawasan terhadap risiko, tanggungjawab untuk menangani dan mengurus risiko dari dalam organisasi diberikan dengan jelas melalui model “pertahanan tiga barisan”. Setiap satu daripada tiga barisan tersebut mempunyai peranan yang penting:

- Jabatan-jabatan, sebagai barisan pertahanan pertama, ialah “pemilik risiko”. Setiap jabatan bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan menilai risiko bagi aktiviti dalam bidang urusan

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

masing-masing, serta melaksanakan kawalan dan memastikan kawalan tersebut berkesan.


- Sebagai barisan pertahanan kedua, Jabatan Pengurusan Risiko berfungsi sebagai pengurusan risiko pusat yang bebas. Jabatan ini mengukur, memantau dan melaporkan risiko pada peringkat organisasi, selain membangunkan dan mengawasi pelaksanaan rangka kerja dan dasar berkaitan risiko.
- Sebagai barisan pertahanan ketiga, Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga dan pihak Pengurusan mengenai keberkesanan amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman organisasi.

Bank perlu mengambil risiko bagi melaksanakan mandatnya. Bank mengambil maklum bahawa tidak semua risiko dapat dihapuskan. Sebaliknya, Bank berusaha untuk beroperasi berdasarkan kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bank juga

menilai kos, manfaat dan keseimbangan lain yang terlibat dalam pengawalan atau pengurangan risiko. Bagi tujuan ini, Bank mempunyai satu proses untuk mengenal pasti, menilai, menentukan keutamaan, melaporkan dan memantau dedahan risiko kewangan, operasi dan reputasi Bank.

Bagi mengurus risiko kewangan, Bank memantau dedahan risiko pasaran, mudah tunai dan kreditnya dengan teliti, serta melaksanakan had dan kawalan risiko. Dalam portfolio rizab antarabangsa Bank, pelaburan diperuntukkan berpandukan tanda aras pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang menggariskan kesanggupan jangka panjang Bank untuk mengambil risiko dan mendapatkan pulangan. Penyimpangan daripada tanda aras ini dikawal menggunakan had risiko, pengaturan tadbir urus dan garis panduan pelaburan. Bank juga menyediakan rangka kerja risiko kredit yang menggariskan pelaburan dan aktiviti yang

Gambar Rajah 1: Pendekatan pengurusan risiko organisasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Struktur tadbir urus pengurusan risiko



* Dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank

** Dipengerusikan oleh Gabenor

*** Dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor

Sumber: Bank Negara Malaysia

dibenarkan. Bagi operasi am Bank seperti penyediaan belanjawan, pemerolehan dan pembayaran, tadbir urus dan kawalan dilaksanakan untuk memastikan Bank memperuntukkan perbelanjaannya dan mengurus kewangannya secara berhemat.

Bagi mengurus risiko bukan kewangannya, Bank telah menyediakan struktur untuk mengenal pasti dan memantau risiko secara awal atau *ex ante*. Struktur ini termasuk alat-alat untuk barisan pertama menjalankan pengawasan dan penilaian risiko, memantau tahap risiko dan menjalankan simulasi berdasarkan senario. Alat-alat ini membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan memastikan terdapat perlindungan yang berkesan dan mencukupi untuk mengurangkan dedahan risiko Bank. Sistem pelaporan insiden turut melengkapi alat-alat ini dengan memudahkan pelaporan insiden secara sistematik, seterusnya membolehkan organisasi bertindak balas dengan lebih cepat terhadap insiden, termasuk gangguan operasi. Bagi semua alat risiko yang berbeza ini, satu set parameter impak dan kemungkinan risiko digunakan secara konsisten sepanjang proses penilaian, termasuk kesinambungan urusan dan pengurusan krisis untuk menangani risiko gangguan yang mungkin menyebabkan kesan sistemik.

Pada tahun 2019, Bank memperkukuh rangka kerja dan keupayaan pengurusan risikonya menerusi beberapa usaha:

- Bank berusaha memantapkan kesiapsiagaan organisasi untuk menangani krisis. Selain membangunkan pelan komunikasi krisis, Bank turut memulakan persediaan untuk menjalankan simulasi krisis bersama seluruh industri yang dirancang pada tahun 2021. Persediaan ini memerlukan Bank bekerjasama erat dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor kewangan untuk memastikan pelan kesinambungan perniagaan bagi pelbagai organisasi adalah sejajar, dan membolehkan tindak balas yang selaras. Bank turut menjalankan latihan siber dan memperkemas pelan kesinambungan urusan yang sedia ada bagi memperjelas strategi pemulihan yang mengembalikan keadaan normal dengan cepat selepas sesuatu krisis.
- Bank mempertingkatkan sistem pelaporan insiden untuk membolehkan laporan insiden diproses dengan lancar, seterusnya memendekkan masa yang diambil untuk memaklumkan, melaporkan dan mengurus insiden berkaitan operasi. Sistem yang dipertingkatkan ini membolehkan insiden

- dijejak dan dipantau berdasarkan tahap kritikal dan toleransi, serta penghasilan papan pemuka (*dashboard*) untuk membantu menentukan keutamaan bagi tindak balas dan pelaporan insiden.
- Bank melancarkan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi risiko siber.
 - Bank menubuhkan Pusat Operasi Keselamatan bagi memudahkan pengawasan dan tindak balas yang cepat terhadap insiden siber. Pusat tersebut memantau rangkaian dan sistem Bank untuk mengesan ancaman siber yang mungkin timbul dan melaksanakan tindak balas yang sewajarnya.
 - Maklum akan hakikat bahawa penjenayah siber tidak mengenal sempadan, Bank melancarkan Platform Daya Tahan dan Perkongsian Maklumat Keselamatan Siber (*Cybersecurity Resilience and Information Sharing Platform*) bersama bank-bank pusat ASEAN yang lain. Platform tersebut membenarkan bank-bank pusat di rantau ini berkongsi maklumat berkaitan siber dan menggalakkan pembinaan kapasiti (*capacity building*).
 - Memandangkan kakitangan merupakan barisan pertahanan pertama terhadap ancaman siber, Bank telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kesedaran kakitangan tentang keselamatan siber. Bank mengadakan beberapa program kesedaran siber dan mengeluarkan makluman yang membimbing kakitangan tentang cara-cara untuk kekal berwaspada terhadap insiden siber. Bank turut menjalankan satu siri ujian pemancingan data (*phishing*) dan penilaian dalam talian untuk mengenal pasti tahap kefahaman keselamatan siber dalam kalangan kakitangan Bank.

Sebagai sebuah badan berkanun yang komited untuk melaksanakan mandatnya dengan berkesan dan bertanggungjawab dalam mengurus sumbernya, Bank akan terus mengukuhkan rangka kerja pengurusan risikonya. Usaha ini termasuklah menerapkan rangka kerja pengurusan risiko tersebut lebih jauh ke akar umbi organisasi sehingga menjadi kebiasaan bagi semua kakitangan Bank untuk bertindak selaras dengan kesanggupan mengambil risiko dan falsafah pengurusan risiko Bank. Bank juga akan berusaha memantapkan keupayaan fungsi kawalan dalam menambah nilai kepada urusan melalui integrasi yang lebih mendalam antara pertimbangan risiko bersama operasi dan strategi Bank.

Audit dalaman

Jawatankuasa Audit Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keberkesanan kawalan dalaman Bank dan pematuhan kepada keperluan undang-undang. Jawatankuasa ini membuat pengawasan terhadap fungsi audit dalaman Bank dan juga bertanggungjawab terhadap integriti penyata kewangan Bank.

Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan bebas kepada Jawatankuasa Audit Lembaga mengenai kecukupan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman Bank. Jabatan ini mengendalikan penilaian berkala mengenai aktiviti jabatan dan entiti yang berkaitan dengan Bank untuk mengenal pasti dan menangani risiko. Pelan audit dibangunkan setiap tahun dan dikaji semula setiap suku tahun untuk memastikan aktiviti audit mencerminkan perubahan dalam profil risiko Bank dan mengambil kira risiko yang baru timbul. Selain memberikan jaminan, jabatan ini juga menjadi pemerhati bebas bagi beberapa projek dan jawatankuasa penting Bank untuk membantu memastikan kawalan dalaman dan pengaturan tadbir urus sentiasa dipertahankan. Aktiviti audit dijalankan dengan mematuhi keperluan Piawaian Antarabangsa bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman (*International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing*) oleh *Institute of Internal Auditors*. Prinsip-prinsip yang didukung oleh *Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission* diterapkan dalam pendekatan audit untuk menilai persekitaran kawalan Bank.


Jabatan Audit Dalam juga menyediakan laporan suku tahunan bebas mengenai aktiviti pengurusan rizab antarabangsa Bank kepada Menteri Kewangan. Laporan ini bertujuan memberikan jaminan kepada Menteri Kewangan bahawa rizab telah diurus menurut dasar dan garis panduan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Audit yang dikendalikan pada tahun 2019 termasuk audit dalam bidang pengawalseliaan, operasi perbendaharaan, operasi kewangan, pengurusan mata wang dan keselamatan siber.

Perbincangan dan Interaksi Antarabangsa

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, hubungan Malaysia dengan sistem monetari dan kewangan pada peringkat global adalah sangat bersepadu. Oleh itu, Bank menjalin kerjasama erat dengan rakan-rakan institusi di seluruh dunia dalam pelbagai isu serta bidang-bidang kepentingan bersama melalui beberapa platform. Selain kepentingan negara, matlamat perbincangan dan interaksi Bank pada peringkat antarabangsa juga adalah untuk meningkatkan kestabilan monetari dan kewangan global.

Rajah 1: Perbincangan dan interaksi Bank pada peringkat antarabangsa



Perbincangan dan interaksi pada tahun 2019

Memperkuh daya tahan

Pada tahun 2019, Bank memberi tumpuan pada beberapa bidang untuk memperkuh jaringan keselamatan kewangan serantau. Bagi mencapai matlamat ini, Bank berusaha meningkatkan keberkesanan Inisiatif Multilateralisasi Chiang Mai (*Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM*) Persatuan Negara-negara Asia Tenggara Campur Tiga (*Association of Southeast Asian Nations plus China, Japan and Korea, ASEAN+3*) sebagai kemudahan sokongan mudah tunai dengan menyokong secara aktif usaha untuk meningkatkan akses CMIM dan memantapkan kesediaan pengendalian. Di samping itu, Bank mewujudkan pengaturan swap mata wang tempatan dua hala dengan Bank Indonesia selain memperbaharui pengaturan swap sedia ada dengan bank-bank pusat ASEAN [Pengaturan Swap ASEAN (*ASEAN Swap Arrangement*)] dan Bank of Korea pada tahun 2019. Pengaturan ini membolehkan bank-bank pusat saling mengakses mudah tunai masing-masing bagi memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek bagi meningkatkan sumber kewangan yang dapat dimanfaatkan oleh Bank apabila perlu.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, risiko perubahan iklim terhadap kestabilan monetari dan kewangan semakin mendapat perhatian global. Bagi meningkatkan lagi pemahaman tentang risiko ini, Bank menyertai rangkaian Bank Pusat dan Penyelia untuk Penghijauan Sistem Kewangan¹ (*Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System, NGFS*). Selain itu, Bank² telah menganjurkan Persidangan Serantau Perubahan Iklim (*Regional Conference on Climate Change*)

¹ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Artikel Khas Laporan Tahunan BNM 2019 bertajuk 'Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Respons Secara Berhemat'.

² Bersama-sama dengan pengawal selia tempatan lain seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia.



Penolong Gabenor Aznan Abdul Aziz di Persidangan Serantau Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Respons Secara Berhemat pada bulan September 2019.

pertama yang bertemakan Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Bertindak Secara Berhemat pada bulan September 2019 bagi mewujudkan kesedaran dan peluang kepada sektor kewangan dalam ekonomi hijau. Bank turut menerajui agenda kemampan serantau dengan menyetujui kajian tentang peranan bank-bank pusat ASEAN dalam pengurusan risiko berkaitan dengan iklim dan alam sekitar. Usaha kolektif bank-bank pusat ASEAN ini bertujuan untuk lebih memahami risiko tersebut dan implikasinya kepada kestabilan monetari dan kewangan. Matlamat yang ingin dicapai adalah untuk mengesyorkan kaedah pengurusan risiko berkaitan dengan iklim dan alam sekitar kepada bank-bank pusat ASEAN, di samping menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Bank juga meneruskan kerjasama erat dengan bank pusat lain di rantau ini untuk mengurus risiko berkaitan pendigitalan kewangan yang berkembang pesat. Pada tahun 2019, Bank menyetujui usaha membangunkan *ASEAN Cybersecurity Resilience and Information Sharing Platform (CRISP)* iaitu platform untuk bank-bank pusat ASEAN berkongsi maklumat dan amalan terbaik tentang risikan ancaman keselamatan siber, di samping membangunkan kemahiran teknikal dalam bidang ini. Bank juga telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Bank Indonesia bagi memperkukuh kerjasama dalam inovasi pembayaran dan perkhidmatan kewangan digital serta pengawasan terhadap pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan.

Memperkukuh integrasi

Satu lagi inisiatif utama ialah pengukuhan integrasi kewangan serantau bagi mempermudah perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN, serta membangunkan infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong aliran ini.

Bank telah menyetujui dan memuktamadkan rundingan untuk liberalisasi perkhidmatan kewangan Malaysia melalui Perjanjian Dagangan dalam Perkhidmatan ASEAN (*ASEAN Trade in Services Agreement, ATISA*) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP*). Perjanjian ini bertujuan untuk mengurangkan halangan perdagangan dan pelaburan intra-rantau, serta membuka peluang akses kepada pasaran untuk perniagaan, termasuk untuk penyedia perkhidmatan kewangan.

Bank juga mengadakan pengaturan dengan Banko Sentral ng Pilipinas dan Bank of Thailand di bawah Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (*ASEAN Banking Integration Framework, ABIF*) yang akan menyediakan peluang kepada bank-bank Malaysia menjadi Bank ASEAN Bertauliah (*Qualified ASEAN Banks, QAB*) di Filipina dan Thailand. Pengaturan ini akan mengukuhkan kewujudan dan kecekapan pengendalian institusi perbankan di kedua-dua negara. Pengaturan ini juga melengkapi pengaturan ABIF sedia ada dengan Otoritas Jasa Keuangan. Melalui pengaturan ini, dua QAB³

³ PT Bank Maybank Indonesia Tbk dan PT Bank CIMB Niaga Tbk.

Gabenor Nor Shamsiah Yunus bersama-sama mantan Pengarah Urusan IMF Christine Lagarde semasa lawatan beliau ke Kuala Lumpur pada bulan Jun 2019.



yang pertama mula beroperasi di rantau ini dan akan meraih manfaat daripada keistimewaan yang diberikan.

Bersandarkan pengaturannya yang serupa dengan Bank of Thailand dan Bank Indonesia, Bank juga bekerjasama dengan Banko Sentral ng Pilipinas pada tahun 2019 untuk mengkaji kemungkinan penubuhan rangka kerja penyelesaian mata wang tempatan (*local currency settlement framework, LCSF*). Dengan mewujudkan penyelesaian perdagangan dan pelaburan dalam mata wang tempatan, LCSF mengurangkan kos urus niaga dan risiko pertukaran asing, lantas membolehkan keperluan perniagaan merentas sempadan dipenuhi dengan lebih baik.

Memperkuh kerjasama

Bank terus membina hubungan yang utuh dengan bank-bank pusat, organisasi antarabangsa dan rakan kongsi strategik lain. Pada tahun 2019, Bank mengadakan mesyuarat dua hala dengan Bank Indonesia dan Monetary Authority of Singapore. Pada mesyuarat ini, kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan semasa, cabaran dasar dan operasi, serta beberapa bidang berpotensi dalam mewujudkan kerjasama bagi memperkuh daya tahan sektor kewangan dan integrasi kewangan serantau.

Bank kerap berkongsi pengalaman dan kepakaran teknikalnya dengan bank-bank pusat lain, pihak berkuasa penyeliaan dan institusi berkaitan



Gabenor Nor Shamsiah Yunus dan rakan-rakan gabenor di Mesyuarat Ekonomi Global BIS pada bulan Mei 2019.



Gabenor Nor Shamsiah Yunus dan rakan ahli panel dalam perbincangan sampingan mengenai "Pengurusan Aliran Modal: Apakah Gabungan Dasar Yang Betul?" semasa mesyuarat Musim Bunga IMF-WBG pada bulan April 2019.

dalam pelbagai isu. Pelaksanaannya dibuat dengan menganjurkan lawatan sambil belajar, menganjurkan seminar dan bengkel serta menghantar kakitangan Bank untuk menganjurkan program di negara dan organisasi mereka. Bank juga bekerjasama erat dengan organisasi antarabangsa lain, seperti Pusat Latihan dan Penyelidikan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (*South East Asian Central Banks, SEACEN*), Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (*Alliance for Financial Inclusion, AFI*) dan Bank Dunia untuk menganjurkan beberapa program. Dengan berkongsi perspektif dari pihak Bank dan Malaysia, Bank berharap dapat menyokong bank-bank pusat lain membina keupayaan mereka, dan dengan itu meningkatkan lagi kestabilan monetari dan kewangan global. Pada tahun 2019, Bank telah berbincang dan berinteraksi dengan 61 negara dalam aktiviti kerjasama teknikal.

Bank juga telah mengalu-alukan kedatangan beberapa orang pelawat antarabangsa berprofil tinggi, termasuk mantan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund, IMF*), Christine Lagarde dan Datuk Bandar Kota London, Alderman Peter Estlin, dan telah bertukar-tukar pandangan tentang isu kepentingan strategik. Bank juga terlibat secara aktif dalam pelbagai platform pada peringkat antarabangsa dan serantau, termasuk di IMF, Bank untuk Penyelesaian Antarabangsa (*Bank for International Settlements, BIS*), Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (*Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP*), ASEAN dan ASEAN+3. Pada tahun 2019, Bank menggunakan

platform ini untuk berkongsi perspektif dan menyokong pandangan dalam bidang kepentingan utama, termasuk aliran kewangan antarabangsa dan cabaran dasar, *fintech* serta tadbir urus bank-bank pusat.

Bank juga berpeluang untuk menganjurkan beberapa acara antarabangsa pada tahun 2019. Antaranya termasuk Kongres Statistik Sedunia ISI ke-62, Persidangan BNM-Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD*) Mengenai Pendidikan Kewangan dan Perlindungan Pengguna Kewangan di Asia Pasifik, Persidangan BNM-Kumpulan Bank Dunia (*World Bank Group, WBG*) Mengenai Tadbir Urus, Risiko dan Pengawalan dalam Era Gangguan, serta Persidangan Dasar Monetari BNM Mengenai Ruang Dasar Berikutan Wujudnya Risiko yang Mempunyai Pelbagai Aspek: Antara Dua Pilihan⁴.

Langkah selanjutnya

Pada tahun 2020, Bank akan meneruskan interaksi dengan komuniti antarabangsa untuk mengutarakan pandangan negara dan menyokong usaha kolektif bagi menangani cabaran dalam sistem monetari dan kewangan global. Sehubungan dengan itu, Bank akan terus memberikan tumpuan pada pengukuhan daya tahan luarannya dan memupuk usaha sama strategik dengan memberikan lebih penekanan kepada usaha memajukan agenda kemampuan

⁴ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Laporan Tahunan BNM 2019, bab bertajuk 'Menggalakkan Kestabilan Monetari'.

negara dan rangkuman kewangan yang bermanfaat. Paling utama, Bank akan terus memantapkan pengaturan jaringan keselamatan kewangan luaran negara, memperkukuh integrasi kewangan serantau serta meningkatkan kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam.

Pada tahun 2020, Bank juga akan menjadi pengerusi Majlis Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam

(*Islamic Financial Services Board, IFSB*). Bank mengalu-alukan peluang untuk memainkan peranan dalam mengukuhkan lagi keberkesanan dan kaliber IFSB sebagai penyetap piawaian yang diperakui untuk kewangan Islam, bagi melengkap usaha sedia ada oleh badan penyetap piawaian lain. Hal ini adalah untuk memastikan industri perkhidmatan kewangan Islam terus stabil dan berdaya tahan.

Interaksi dengan Rakyat Malaysia

Sebagai bank pusat negara ini, dasar dan tindakan yang dilaksanakan oleh Bank memberikan kesan kepada berjuta-juta rakyat Malaysia dan perniagaan. Oleh yang demikian, Bank berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan pendekatan yang terbuka dan telus dalam komunikasinya untuk membantu pihak berkepentingan luar memahami usaha dan misi Bank. Bank turut berinteraksi secara aktif dengan orang ramai dan pihak berkepentingan lain untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai persekitaran operasi Bank.

Peka dengan perkembangan terkini ekonomi dan sistem kewangan

Bank mengadakan perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan daripada latar belakang yang berbeza serta merentas pelbagai topik dan isu. Usaha ini dilakukan menerusi berbagai-bagai platform, termasuk sesi perbincangan dan interaksi serta taklimat secara berkala dengan Kerajaan, institusi yang dikawal selia oleh Bank, pelabur, penganalisis dan pihak media. Bank juga mengadakan rundingan yang meluas dengan orang ramai dan industri tentang pengenalan dasar-dasar penting melalui draf dedahan dan kertas perbincangan. Pada tahun 2019, Bank

mengeluarkan sejumlah 13 kertas sedemikian untuk mendapatkan maklum balas mengenai pelbagai bidang yang meliputi peraturan dan perkembangan penting, termasuk pengeluaran rangka kerja yang dicadangkan untuk bank digital dan prinsip layanan adil kepada pengguna kewangan. Saluran komunikasi dan interaksi ini memberikan pemahaman yang penting mengenai ekonomi, sistem kewangan, dan inisiatif khusus yang dilaksanakan oleh Bank, yang seterusnya membantu Bank melaksanakan mandatnya dengan berkesan.

Walaupun Bank mengendalikan sebahagian besar operasinya dari ibu pejabatnya di Kuala Lumpur, Bank turut mengekalkan sekumpulan Pegawai Penghubung Ekonomi (*Economic Liaison Officers*, ELO) di setiap Pejabat Wilayah BNM di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu. ELO bertindak sebagai 'mata' dan 'telinga' Bank dengan mengadakan perbincangan dan interaksi yang kerap dengan komuniti perniagaan di seluruh negara. Pada tahun 2019, ELO Bank mengadakan kira-kira 900 sesi perbincangan dan interaksi di seluruh Malaysia. Secara keseluruhan, perbincangan dan interaksi ini membolehkan Bank memantau dengan rapi perkembangan terkini yang berlaku dalam ekonomi dan sistem kewangan, sama ada untuk meneliti keadaan perniagaan di segenap pelosok negara, atau untuk mendapatkan maklum balas mengenai kesan dasar dan tindakan Bank terhadap pihak berkepentingan yang berbeza. Seterusnya, pemahaman yang diraih daripada sesi perbincangan dan interaksi ini dianalisis untuk membantu Bank membuat dasar berasaskan maklumat yang terperinci.

Interaksi dengan orang ramai dan perniagaan kecil

Orang ramai merupakan konstituen yang penting bagi Bank. Matlamat Bank adalah untuk memenuhi keperluan orang ramai bagi mendapatkan


maklumat dan nasihat bagi membantu mereka memahami isu ekonomi dan kewangan dengan lebih baik. Pada masa yang sama, mereka merupakan sumber input yang penting bagi penilaian ekonomi dan pembuatan dasar kewangan oleh Bank. Matlamat perbincangan dan interaksi Bank dengan orang ramai yang seterusnya adalah untuk menerangkan peranan Bank dan hubung kaitnya dengan pihak berkuasa lain dalam menyokong kepentingan orang ramai. Sesi penerangan ini dijalankan menerusi pelbagai saluran tradisional dan digital, termasuk media sosial. Satu fokus utama ialah isu-isu yang berkait rapat dengan orang ramai dan perniagaan kecil, termasuk pertanyaan mengenai pembiayaan, khidmat nasihat mengenai pengurusan hutang dan penyelesaian pertikaian, serta dalam sesetengah kes, bantuan untuk berinteraksi dengan institusi kewangan. Dalam hal ini, Bank disokong oleh entiti gabungannya, iaitu Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Agensi ini ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu individu dalam pengurusan kewangan melalui penggunaan kredit secara bijak. AKPK giat memberikan pendidikan kewangan dan khidmat nasihat kepada semua anggota masyarakat, dengan khidmat tambahan kepada individu yang mengalami masalah pengurusan hutang dengan institusi kewangan.

BNMLINK berfungsi sebagai titik hubungan utama untuk berbincang dan berinteraksi dengan orang ramai dan perniagaan kecil (Gambar Rajah 1). Perkhidmatan BNMLINK boleh didapati dari pejabat utamanya di Kuala Lumpur dan lima Pejabat BNM di seluruh negara (Gambar Rajah 2). Orang ramai boleh mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat mengenai kewangan melalui perkhidmatan ini. PKS dan usahawan mikro secara khususnya boleh mempelajari dan mendapatkan maklumat mengenai pelbagai skim pembiayaan dan bantuan yang tersedia untuk membantu mereka mengembangkan perniagaan. Inisiatif terkini yang menyediakan bantuan khidmat nasihat kewangan ialah Khidmat Nasihat Pembiayaan atau MyKNP, yang diperkenalkan pada tahun 2019 untuk membantu PKS dan pembeli rumah meningkatkan kelayakan mereka untuk mendapatkan pembiayaan.

Program jangkauan Bank terus menyokong banyak rakyat Malaysia dengan menyediakan akses kepada maklumat yang berguna dan boleh dipercayai untuk menambah baik kesejahteraan kewangan mereka. Usaha ini termasuklah membantu individu mengurus hutang secara bertanggungjawab dan menggalakkan penyertaan yang produktif dalam ekonomi.

Sebagai sebahagian daripada program jangkauannya, BNMLINK mengadakan pelbagai program awam di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran

Gambar Rajah 1: Jangkauan kepada Pengguna Malaysia: Statistik Penting



Gambar Rajah 2: Jangkauan BNM LINK



Sumber: Bank Negara Malaysia

literasi dan rangkuman kewangan. Pada tahun 2019, Bank menganjurkan lima Karnival Kewangan dengan kerjasama industri kewangan, yang dihadiri oleh lebih 81,000 orang. Melalui sokongan daripada Institut Tadbiran Awam Negara, Bank turut melancarkan program celik kewangan dalam talian yang pertama, iaitu “Modul Pendidikan Kewangan” untuk penjawat awam pada bulan Mac. Aktiviti-aktiviti ini merupakan sebahagian daripada agenda pendidikan kewangan yang lebih luas di seluruh negara, yang bertujuan meningkatkan keupayaan isi rumah dan perniagaan kecil di Malaysia untuk mengurus kewangan mereka secara berhemat.

Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia di Kuala Lumpur merupakan satu lagi platform

penting untuk berinteraksi dengan orang ramai. Melalui pameran dan program pendidikannya, Muzium ini bukan sahaja menggalakkan orang ramai untuk lebih menghargai warisan seni dan numismatik, tetapi juga meningkatkan kesedaran dan pemahaman mereka mengenai peranan Bank dalam ekonomi dan sektor kewangan. Pada tahun 2019, Bank menganjurkan pameran istimewa untuk memperingati ulang tahun ke-60 Bank Negara Malaysia sebagai bank pusat di Malaysia. Pameran tersebut merakamkan perjalanan Bank yang bermula dengan hanya mempunyai 67 kakitangan pada tahun 1959, seterusnya menempuh pelbagai cabaran dan pembaharuan yang mencorakkan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia sepanjang enam dekad.

Sukarelawan BNM

Sukarelawan BNM ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai wadah untuk kakitangan Bank menabur bakti kepada masyarakat menerusi aktiviti-aktiviti kebajikan. Walaupun Sukarelawan BNM dibiayai sepenuhnya melalui sumbangan daripada lebih 600 ahli, Bank turut memberikan sokongan menerusi penggunaan kemudahan yang terdapat di Bank serta memberikan cuti tanpa rekod dan pelepasan masa kerja kepada kakitangan untuk menyertai program sukarelawan. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan pada tahun 2019, termasuk aktiviti berunsur pendidikan serta pelestarian alam sekitar. Meskipun mandat kakitangan Bank lebih tertumpu pada sektor ekonomi dan kewangan, Sukarelawan BNM memberi peluang kepada kakitangan Bank untuk menjadi ejen perubahan dengan mendidik golongan kurang berkemampuan mengenai kemahiran kewangan. Melalui Program Celik Kewangan (PCK) yang mula diperkenalkan pada tahun 2012, Sukarelawan BNM dapat memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam bidang kewangan dengan mendidik komuniti kurang berkemampuan tentang simpanan, pengurusan kewangan dan cara melindungi wang mereka. Pada tahun 2019, lebih 120 keluarga telah meraih manfaat daripada program ini.



Program literasi kewangan untuk remaja



Kakitangan BNM menyampaikan modul literasi kepada remaja daripada keluarga kurang berkemampuan



Staf BNM membimbing pelajar dalam aktiviti kumpulan semasa program literasi kewangan

Antara program lain yang dilaksanakan pada tahun 2019 termasuk aktiviti kebajikan masyarakat luar bandar melalui sumbangan barang keperluan asas dan peralatan sekolah kepada keluarga dan kanak-kanak daripada golongan kurang berkemampuan. Meskipun tujuan utama program adalah untuk meringankan beban kewangan dan menceriakan kehidupan golongan kurang berkemampuan, Sukarelawan BNM turut berusaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui pendidikan. Sukarelawan BNM juga menyediakan peluang kepada ahli-ahlinya untuk mengasah kemahiran insaniah yang meliputi aspek kepimpinan dan komunikasi. Kemahiran-kemahiran ini penting untuk kerjaya mereka di Bank dan juga ketika berbakti kepada masyarakat.



Sukarelawan menyediakan pakej makanan untuk keluarga kurang berkemampuan



Program pemuliharaan hutan dan penanaman pokok di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).



Program keselamatan air di Bukit Tatom

Tadbir Urus

87 Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan
Jawatankuasa Berkanun Bank



Tadbir Urus





Bank Negara Malaysia (Bank) bertanggungjawab untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Urusan tadbir urus Bank adalah untuk memastikan Bank dapat terus melaksanakan mandatnya sebagai institusi yang berwibawa dan bebas. Pengaturan ini adalah seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, iaitu Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang turut ditadbir oleh Bank – serta dasar dalaman Bank yang dibangunkan sejak sekian lama. Di samping menggariskan peranan dan tanggungjawab Bank, struktur tadbir urus Bank menekankan akauntabiliti dan standard integriti Bank yang tinggi dalam mengendalikan urusannya.

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengawasi pengurusan dan operasi Bank. Lembaga Pengarah juga menilai prestasi Bank dalam melaksanakan mandatnya dan menguruskan sumber-sumber yang diperuntukkan kepadanya. Hal ini termasuk meluluskan belanjawan dan pelan operasi Bank.

Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Gabenor dan ahlinya terdiri daripada Timbalan Gabenor, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta ahli-ahli bukan eksekutif bebas yang membentuk sebahagian besar daripada Lembaga Pengarah.

Sepanjang tahun 2019, Lembaga Pengarah berinteraksi secara meluas dengan pengurusan kanan Bank mengenai pelbagai perkara. Perkara-perkara itu termasuk penilaian prestasi organisasi dan kewangan Bank pada tahun 2019, serta pelan urusan dan belanjawan untuk tahun 2020. Lembaga Pengarah juga membincangkan pelbagai perkara yang menjadi keutamaan dalam usaha memajukan lagi Bank sebagai sebuah organisasi, terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan modal insan, serta strategi untuk membangunkan dan mengekalkan keupayaan digital dan pengurusan risiko siber Bank. Lembaga Pengarah turut memberi perhatian terhadap usaha untuk mengukuhkan budaya integriti, etika dan profesionalisme yang mantap dalam kalangan kakitangan Bank. Lembaga Pengarah juga mempertimbangkan langkah-langkah untuk mengukuhkan pengurusan projek dalam Bank, bagi meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap Bank.



Lembaga Pengarah*



Berdiri dari kiri ke kanan

Abdul Rasheed Ghaffour

Chin Suit Fang

Dato Sri Lim Haw Kuang

Dato' Paduka Sulaiman Mustafa

Jessica Chew Cheng Lian

Duduk dari kiri ke kanan

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir

Nor Shamsiah Yunus

Dato' N. Sadasivan a/l N.N Pillay

Setiausaha Lembaga Pengarah: Fazlina binti Pawan Teh

Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob** dan **Dato' Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon** yang menamatkan perkhidmatan pada tahun 2019.

* Pada 29 Februari 2020.

Jawatankuasa Lembaga*

Lembaga Pengarah disokong oleh tiga jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa ini - terdiri daripada ahli bukan eksekutif bebas – yang membantu Lembaga Pengarah untuk mengawasi pentadbiran di Bank.

	Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga	Jawatankuasa Audit Lembaga	Jawatankuasa Risiko Lembaga
Bilangan Mesyuarat pada tahun 2019	6	6	4
Pengerusi	Dato' Paduka Sulaiman bin Mustafa (berkuat kuasa 16 November 2019)	Dato' N. Sadasivan a/l N. N. Pillay	Dato Sri Lim Haw Kuang
Ahli-ahli	<ul style="list-style-type: none"> · Dato' N. Sadasivan a/l N. N. Pillay · Dato Sri Lim Haw Kuang · Chin Suit Fang 	<ul style="list-style-type: none"> · Dato' Paduka Sulaiman bin Mustafa · Chin Suit Fang 	<ul style="list-style-type: none"> · Dato' Paduka Sulaiman bin Mustafa · Chin Suit Fang
Peranan	<ul style="list-style-type: none"> · Bertanggungjawab mengawasi prinsip dan amalan tadbir urus Bank · Menilai semula dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan belanjawan, pelan operasi serta dasar dan saranan berkaitan ganjaran di Bank · Mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pelantikan dan pelantikan semula ahli-ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa Bank yang lain 	<ul style="list-style-type: none"> · Bertanggungjawab terhadap integriti akaun dan penyata kewangan Bank · Mengawasi kecukupan kawalan dalaman Bank dan pematuhan Bank terhadap keperluan undang-undang · Menilai semula dan meluluskan rangka kerja audit, piagam audit, pelan audit dalaman dan laporan audit Bank; serta mengawasi tindakan pihak pengurusan dalam menangani hasil siasatan yang nyata (<i>material findings</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> · Bertanggungjawab mengawasi risiko kewangan, operasi dan reputasi · Mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko organisasi Bank · Mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pernyataan kesanggupan mengambil risiko oleh Bank dan dasar risiko utama Bank

* Pada 29 Februari 2020.

Pengurusan Kanan*

Seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009, Gabenor bertanggungjawab terhadap pengurusan Bank dalam melaksanakan mandat yang diberikan kepada Bank. Dalam menggalas tugas dan tanggungjawab ini, Gabenor dibantu oleh pasukan pengurusan kanan yang terdiri daripada Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor. Struktur organisasi Bank bertujuan untuk menggalakkan saluran pelaporan dan akauntabiliti yang lebih jelas bagi pelbagai fungsi Bank.

Pelbagai jawatankuasa pengurusan juga ditubuhkan bagi membolehkan pasukan pengurusan kanan dan pegawai kanan Bank yang lain turut sama dalam perbincangan dan pertukaran pandangan mengenai urusan Bank, khususnya yang melibatkan strategi organisasi dan keutamaan yang penting. Jawatankuasa-jawatankuasa ini termasuk jawatan kuasa dasar seperti Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (rujuk Menggalakkan Kestabilan Kewangan untuk maklumat lanjut) dan Jawatankuasa Dasar Bersama, yang merupakan sebuah jawatankuasa yang ditugaskan untuk membincangkan pelbagai isu serta menyelaraskan dasar-dasar yang memberi impak kepada sistem kewangan dan ekonomi secara amnya.

* Pada 16 Mac 2020.



Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan ini membolehkan Bank memanfaatkan pelbagai latar belakang kepakaran dan pandangan daripada seluruh Bank untuk membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada perbincangan secara terbuka dan berterus-terang.

Dengan sokongan struktur pengurusan sedemikian, pihak pengurusan kanan menetapkan dasar-dasar dalaman yang perlu diterapkan di Bank serta mengemudi operasi Bank. Usaha-usaha ini bertujuan untuk memastikan Bank berupaya mencapai matlamatnya, melaksanakan fungsinya dan menggunakan sumber-sumbernya secara berkesan, berhemat dan konsisten sejajar dengan kepentingan Bank dan negara.

1. **Nor Shamsiah Yunus**
Gabenor

2. **Abdul Rasheed Ghaffour**
Timbalan Gabenor

3. **Jessica Chew Cheng Lian**
Timbalan Gabenor

4. **Norzila Abdul Aziz**
Penolong Gabenor

5. **Mohd. Adhari Belal Din**
Penolong Gabenor

6. **Abu Hassan Alshari Yahaya**
Penolong Gabenor

7. **Marzunisham Omar**
Penolong Gabenor

8. **Adnan Zaylani Mohamad Zahid**
Penolong Gabenor

9. **Aznan Abdul Aziz**
Penolong Gabenor

10. **Fraziali Ismail**
Penolong Gabenor



Pegawai-Pegawai Kanan yang Lain*

Ekonomi Dasar Monetari Antarabangsa Pengurusan Data dan Statistik	Dr. Norhana Endut Dr. Mohamad Hasni Sha'ari Raja Syamsul Anwar Raja Mohammed Affandi Nor Rafidz Nazri
Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan <i>Pejabat-pejabat Perwakilan:</i> Pejabat Perwakilan London Pejabat Perwakilan New York Pejabat Perwakilan Beijing Dasar Pertukaran Asing	Abdul Rahman Hussein Muhamad Jamil Fathi Jamaludin Azizul Sabri Abdullah Edward Lu Kean Norzila Abdul Aziz
Pembangunan Kewangan dan Inovasi Perbankan Islam dan Takaful Pembangunan Insurans Kewangan Pembangunan dan Rangkuman Kewangan	Suhaimi Ali Madelena Mohamed Lau Chin Ching Thomas Tan Koon Peng
Penyeliaan Konglomerat Kewangan Penyeliaan Perbankan Penyeliaan Insurans dan Takaful Pakar Risiko dan Penyeliaan Teknologi Pemantauan Pembayaran	Vijayakumar MV Nair Mohd Zabidi Md Nor Hew Ee-Lu Daniel Chin Shen Li Shahariah Othman
Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan	Mohd Fuad Arshad
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan Dasar Kewangan Pruden Konsumer dan Amalan Pasaran Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Qaiser Iskandar Anwarudin Cindy Siah Hooi Hoon Lim Hsin Ying Nik Mohamed Din Nik Musa
Pengurusan dan Operasi Matawang Kewangan LINK dan Pejabat BNM Pejabat BNM Johor Bahru Pejabat BNM Pulau Pinang Pejabat BNM Kuching Pejabat BNM Kota Kinabalu Pejabat BNM Kuala Terengganu	Azman Mat Ali Affendi Rashdi Arlina Ariff Rosnani Mahamad Zain Hasjun Hashim Mohd Irman Haji Mohd Din Zambre Ismail Adlis Khairil Sazli Mohd Zaini

* Pada 16 Mac 2020.

Modal Insan Strategik
Pusat Pembangunan Modal Insan
Perkhidmatan Perbankan Pusat
Perkhidmatan Modal Insan

Abd. Rahman Abu Bakar
Kristina Rai
Ruziana Mohd Mokhtar
Faizal Muhammad Sudin

Ketua Pegawai Informasi
Teknologi Korporat
Infrastruktur Teknologi Digital
Keselamatan Siber dan Perlindungan Data

Tay Gim Soon
Tay Gim Soon
Leong Kwan Seng
Aizuddin Mohd Ghazali

Ketua Pegawai Perkhidmatan
Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti
Perkhidmatan Hospitaliti
Pengurusan Keselamatan Organisasi
Muzium dan Galeri Seni

Shamsuddin Mohd Mahayidin
Razman Samsudin
Hairi Adam
Yusoff Sulong
Lim Foo Thai

Pejabat Gabenor
Audit Dalam
Pengurusan Risiko
Undang-Undang
Komunikasi Strategik

Abd. Rahman Abu Bakar
Marina Abdul Kahar
Ong Li Ming
Noorul Azmi Mat Dahari
Fraziali Ismail


Pelan Urusan 2020

Mandat Bank untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan ditetapkan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009. Untuk menguatkuasakan perkara ini, Bank membangunkan pelan urusan tahunan dan jangka sederhana untuk menyusun atur keutamaannya dalam mana-mana tempoh perancangan. Pelan urusan ini bertujuan untuk memperjelas tumpuan Bank dan menggalakkan penyelarasan merentas bidang dasar dan fungsi korporat Bank yang berbeza.

Proses perancangan pelan urusan membolehkan Bank bertindak balas dan bersedia untuk menghadapi perubahan dalam persekitaran operasi, serta cabaran dan risiko yang timbul semasa Bank melaksanakan mandatnya. Pelan urusan tahunan menentukan cara Bank menyediakan belanjawan dan memperuntukkan sumbernya. Pelan itu juga menggambarkan sasaran tugas untuk pasukan dan pekerja individu.

Bagi tahun 2020, pelan urusan Bank tertumpu pada usaha memelihara keberkesanan bank dalam persekitaran ekonomi dan kewangan yang lebih mencabar.

Memastikan Bank dapat terus melaksanakan mandat teras dengan berkesan



Kestabilan Monetari


Menerapkan pendirian dasar monetari yang sewajarnya



Kestabilan Kewangan

Menentukan pengawalan dan penyeliaan untuk mengurangkan prokitaran, dan menambah baik daya tahan sistem kewangan terhadap gangguan kewangan dan operasi

Meletakkan Bank dan sistem kewangan pada kedudukan yang baik untuk bertindak balas terhadap realiti operasi baharu



Pembangunan kewangan


Menyediakan strategi dan dasar yang jelas mengenai perkembangan teknologi kewangan, rangkuman dan pembaharuan struktur dalam sektor kewangan



Perbincangan dan interaksi dengan pihak kepentingan

Meningkatkan perbincangan dan interaksi yang terbuka dan menghasilkan manfaat

Meningkatkan keupayaan Bank dan menambah baik proses untuk melaksanakan mandat secara profesional, cekap dan berintegriti



Kakitangan dan budaya

Membangunkan modal insan terbaik dalam kalangan kakitangan Bank



Teknologi

Meletakkan Bank pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan teknologi sepenuhnya dengan yakin



Tadbir urus dan risiko

Penerapan tadbir urus yang baik dan budaya risiko yang mantap



Kewangan dan sumber

Mempertingkatkan disiplin dan kehematan

Jawatankuasa Berkanun

Tanggungjawab untuk membuat keputusan bagi beberapa bidang tertentu adalah di luar bidang kuasa pihak Lembaga Pengarah mahupun pihak Pengurusan Bank. Oleh itu, bidang-bidang tersebut diuruskan oleh badan-badan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jawatankuasa Dasar Monetari

Matlamat utama dasar monetari di Malaysia adalah untuk mengekalkan kestabilan harga serta memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan ekonomi negara. Di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (*Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA 2009*), Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) Bank Negara Malaysia diberikan tanggungjawab merumuskan dasar monetari dan dasar berkaitan dengan cara mengendalikan operasi dasar monetari¹. Sehubungan dengan ini, MPC membuat keputusan mengenai kadar faedah dasar atau dikenali sebagai Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) untuk mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Dalam melaksanakan mandat ini, MPC menentukan hala tuju dasar monetari berdasarkan penilaiannya terhadapimbangan risiko kepada prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri. MPC juga memantau risiko keadaan kewangan yang tidak seimbang memandangkan implikasi risiko ini boleh menjejaskan prospek ekonomi. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai OPR. Selepas setiap mesyuarat diadakan, Pernyataan Dasar Monetari (*Monetary Policy Statement, MPS*) disiarkan kepada orang ramai untuk memberikan penjelasan mengenai keputusan yang dibuat.

Ahli-ahli MPC terdiri daripada Gabenor, Timbalan-Timbalan Gabenor, dan jumlah ahlinya tidak kurang daripada tiga tetapi tidak boleh melebihi tujuh orang ahli, termasuk ahli dari luar Bank yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas saranan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Bank. Pada masa ini, MPC mempunyai tujuh orang ahli, dengan dua daripadanya ahli dari luar Bank. Komposisi keahlian MPC yang sedemikian bertujuan untuk menggabungkan pelbagai kepakaran dan pengalaman penting ahlinya agar keputusan yang dibuat bersama mengenai dasar monetari adalah tepat dan menyeluruh.

Ahli-ahli*

Nor Shamsiah Yunus (Pengerusi)

Abdul Rasheed Ghaffour

Jessica Chew Cheng Lian

Norzila Abdul Aziz

Marzunisham Omar

Prof. Dr. Yeah Kim Leng (Ahli Luar)

Dato' Dr. Gan Wee Beng (Ahli Luar)

* Pada 16 Mac 2020.

¹ Untuk maklumat terperinci mengenai perkembangan MPC, serta tadbir urus dan prosesnya, rujuk 'Rencana: Evolusi Dasar Monetari Jawatankuasa Bank Negara Malaysia: Pencapaian Penting Sejak Penubuhannya' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015.

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Jawatankuasa Eksekutif) ditubuhkan pada tahun 2010 mengikut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009). Tujuan utama penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk membantu Bank melaksanakan mandat berkanunnya, iaitu memelihara kestabilan kewangan melalui kuasa yang diberikan dengan menentukan langkah-langkah dasar khusus yang boleh diambil oleh Bank. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Jawatankuasa Eksekutif merupakan komponen utama dalam rangka kerja akauntabiliti yang diiktiraf sebagai jawatankuasa yang boleh menggunakan kuasa kestabilan kewangan yang luas yang diberikan kepada Bank di bawah CBA 2009. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memastikan langkah-langkah yang dicadangkan di bawah bidang kuasanya adalah wajar setelah mengambil kira penilaian risiko Bank terhadap kestabilan kewangan. Langkah-langkah tersebut ialah:

- mengeluarkan arahan kepada individu atau institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank untuk mengambil langkah-langkah tertentu;
- memberikan bantuan mudah tunai kepada institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank, atau kepada operasi luar negeri institusi kewangan berlesen di Malaysia; dan
- memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan berlesen di Malaysia yang tidak lagi berdaya maju atau berkemungkinan tidak berdaya maju.

Jawatankuasa Eksekutif ini terdiri daripada tujuh orang ahli, dan sebahagian besar daripada ahlinya merupakan ahli bukan eksekutif bebas yang tidak terlibat dengan pihak Pengurusan Bank. Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ini tertakluk kepada Kod Etika dan Kod Konflik Kepentingan, yang bertujuan untuk memelihara integriti keputusan Jawatankuasa Eksekutif ini. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Ahli-ahli*

Nor Shamsiah Yunus (Pengerusi)

Abdul Rasheed Ghaffour

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir

Datuk Syed Zaid Albar

Rafiz Azuan Abdullah

Yoong Sin Min (Pakar Luar)

Dato' Abdul Rauf Rashid (Pakar Luar)

* Pada 16 Mac 2020.

Majlis Penasihat Syariah

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia ditubuhkan pada bulan Mei 1997 sebagai badan berautoriti Syariah tertinggi dalam perbankan Islam dan takaful di Malaysia. Berdasarkan peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009), status kedudukan MPS telah ditingkatkan menjadi jawatankuasa berkanun dan pihak berkuasa utama yang menentukan hukum Syarak dalam perniagaan kewangan Islam.

Berdasarkan kedudukan statutorinya, MPS memainkan peranan penting untuk memastikan kesahihan dan ketekalan keputusan Syariah yang digunakan dalam industri perbankan Islam dan takaful. Keputusan Syariah yang dibuat oleh MPS merupakan sumber rujukan utama institusi kewangan Islam yang dikawal selia Bank bagi memastikan pematuhan Syariah yang menyeluruh dalam struktur dan pelaksanaan produk serta perkhidmatan kewangan mereka. Di samping itu, CBA 2009 memperuntukkan bahawa apa-apa perkara yang berkaitan dengan penerapan ketetapan Syariah dalam kewangan Islam yang dikemukakan di mahkamah atau prosiding timbang tara hendaklah dirujuk kepada MPS, dan keputusan MPS hendaklah diterima pakai (*binding*).

Keputusan MPS menjadi asas Syariah untuk pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif bagi perbankan Islam dan takaful di Malaysia.

Pelantikan ahli-ahli MPS dibuat setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri Kewangan selepas berbincang dengan Bank. MPS kini mempunyai sembilan (9) orang ahli yang terdiri daripada sarjana dan pengamal Syariah yang mempunyai pengalaman yang luas dari dalam dan luar negeri, dalam bidang Syariah, undang-undang serta ekonomi dan kewangan Islam.

Ahli-ahli*

Datuk Dr. Mohd Daud Bakar (Pengerusi)

Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim (Timbalan Pengerusi)

Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar Haji Opir

Dato' A. Aziz. A. Rahim

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali

Dr. Marjan Muhammad

Burhanuddin Lukman

* Pada 16 Mac 2020.

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (JSPM) ialah jawatankuasa bebas yang dibentuk di bawah seksyen 238 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (*Financial Services Act 2013*, FSA) dan seksyen 249 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (*Islamic Financial Services Act 2013*, IFSA). Jawatankuasa ini mempertimbangkan rayuan daripada perayu (individu atau institusi) terhadap penalti monetari pentadbiran atau remedi kewangan yang dikenakan oleh Bank dalam menggunakan kuasa penguatkuasaan pentadbiran di bawah FSA, IFSA dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

Jawatankuasa ini menyediakan saluran bebas bagi pihak-pihak yang tidak berpuas hati untuk membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Bank. JSPM boleh membuat keputusan sama ada untuk mengesahkan keputusan Bank atau menghendaki Bank mempertimbangkan semula keputusannya dan mencapai keputusan baharu mengikut hasil siasatan JSPM. Ahli-ahli JSPM dilantik oleh Menteri Kewangan dan terdiri daripada kalangan pengarah bukan eksekutif Bank atau individu lain dari luar Bank.

Ahli-ahli*

Tan Sri Hasan Lah (Pengerusi)

Prof. Dr. Choong Yeow Choy

Chin Suit Fang

Lillian Leong Bee Lian

* Pada 16 Mac 2020.



Museum •
Cultural Centre





Kewangan Bank

109 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

110 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

111 Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

BANK

نگار ملیہ

WANG

NEGARA MALAYSIA

Kewangan Bank

DJ 17

100

Arif Husaini

GABENOR

KERTAS INI SAH DIPERLAKUKAN DENGAN NEA

RM 100



aysia
SC/LT/1963(A)
aysia

JPK/2013/2457



Laporan dan Panyata Kiras
Annual Report and Statement of Accounts

1963

SC/LT/1965(A)

Bank Negara Malaysia

JPK/2013/2459

BANK NEGARA TANAH MELAYU
CENTRAL BANK OF MALAYA

Annual Report
and
Statement of Accounts

1960

Penyua

1959

BANK NEGARA MALAYSIA



LAPORAN
TAHUNAN
1965

SC/LT
JPK/2013/2458

Negara Malay

Kewangan Bank

Bank Negara Malaysia (Bank) mengurus kewangannya dengan matlamat untuk memastikan Bank mempunyai sumber bagi melaksanakan mandatnya iaitu menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Dalam melaksanakan mandat ini, Bank komited untuk terus berdisiplin, berhemat dan bertanggungjawab dalam pengurusan sumber Bank.

Meskipun Bank merupakan badan berkanun, Bank tidak bergantung pada dana awam daripada Kerajaan untuk membiayai operasi harian. Sebaliknya, operasi Bank dibiayai oleh pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan Bank dalam rizab antarabangsa negara. Pada tahun 2019, Bank telah menjana pendapatan berjumlah RM11,129 juta (2018: RM9,334 juta), selepas ditolak kos berkaitan dengan pengurusan portfolio rizab antarabangsa dan kos menjalankan operasi monetari.


Daripada jumlah pendapatan ini, Bank mengeluarkan perbelanjaan untuk mengurus dan mentadbir operasi harian (“perbelanjaan berulang”) dan juga perbelanjaan untuk membiayai projek pembangunan dan projek berjangka panjang selaras dengan objektif dan fungsi utama Bank (“perbelanjaan pembangunan”). Hal ini termasuk perbelanjaan yang melibatkan operasi mata wang Bank dan perbelanjaan untuk menyelenggara infrastruktur pembayaran negara. Pada tahun 2019, perbelanjaan berulang dan perbelanjaan pembangunan ini berjumlah RM2,161 juta (2018: RM1,772 juta).

Pada tahun 2019, Bank menjana keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM8,926 juta (2018: RM7,521 juta). Daripada jumlah ini, RM5,400 juta (2018: RM5,000 juta) telah diagihkan kepada rizab risiko. Rizab risiko bertindak sebagai penampun kewangan yang penting terhadap sebarang kesan kerugian luar jangka yang boleh berlaku akibat keadaan pasaran yang tidak menentu dan di luar kawalan Bank. Hal ini termasuk pergerakan kadar faedah di Amerika Syarikat dan negara-negara ekonomi maju yang lain, turun naik pertukaran asing dan ketidaktentuan pasaran ekuiti global. Bank terdedah kepada ketidaktentuan kadar pertukaran mata wang asing disebabkan oleh pelaburan rizab antarabangsa adalah dalam mata wang asing, manakala liabiliti Bank adalah dalam ringgit.

Baki keuntungan bersih sebanyak RM3,500 juta (2018: RM2,500 juta) akan dibayar kepada Kerajaan sebagai dividen.

Pada 31 Disember 2019, jumlah aset Bank adalah sebanyak RM451,600 juta (2018: RM447,637 juta). Daripada jumlah ini, sebahagian besar (94%) terdiri daripada portfolio rizab antarabangsa yang berjumlah RM424,090 juta (2018: RM419,572 juta). Liabiliti Bank berpunca terutamanya daripada deposit oleh institusi kewangan (RM163,714 juta) dan mata wang dalam edaran (RM114,097 juta).





SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 109 hingga 122.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta hasil operasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Negara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 MAC 2020



BANK NEGARA MALAYSIA

**PENYATA Pengerusi dan
SEORANG AHLI Lembaga Pengarah**

Kami, Nor Shamsiah Yunus dan N. Sadasivan, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2019 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu, mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

**NOR SHAMSIAH YUNUS**
Pengerusi27 FEBRUARI 2020
KUALA LUMPUR**N. SADASIVAN**
Pengarah27 FEBRUARI 2020
KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA


PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Affendi Rashdi, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 27 Februari 2020.)



Di hadapan saya,



NO. 58A, JALAN BUKIT RAJA
TAMAN SEPUTEH, 58000 KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019**

		2019	2018
		RM juta	RM juta
ASET	Nota		
Emas dan Pertukaran Asing	3	414,844	411,042
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa	4	4,584	3,802
Milikan Hak Pengeluaran Khas	4	4,662	4,728
Kertas Kerajaan Malaysia	5	1,978	3,392
Deposit dengan Institusi Kewangan	6	2,630	132
Pinjaman dan Pendahuluan	7	7,112	6,874
Tanah dan Bangunan	8	4,162	4,175
Aset-aset Lain	9	11,628	13,492
Jumlah Aset		451,600	447,637
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		114,097	106,405
Deposit oleh: Institusi Kewangan		163,714	169,133
Kerajaan Persekutuan		3,568	7,956
Lain-lain	10	543	859
Kertas Bank Negara	11	15,834	21,746
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	4	7,619	7,743
Liabiliti-liabiliti Lain	12	2,959	2,138
Jumlah Liabiliti		308,334	315,980
Modal	13	100	100
Kumpulan Wang Rizab Am	14	14,831	14,810
Rizab Risiko	15	124,069	113,477
Rizab Penilaian Semula Tanah	16	740	749
Keuntungan Sebelum Agihan	17	3,526	2,521
Jumlah Modal		143,266	131,657
Jumlah Liabiliti dan Modal		451,600	447,637

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

		2019	2018
		RM juta	RM juta
	Nota		
Jumlah Pendapatan	18	11,129	9,334
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	19	(1,325)	(1,354)
Perbelanjaan Pembangunan	20	(836)	(418)
Jumlah Perbelanjaan		(2,161)	(1,772)
Untung Bersih Sebelum Perbelanjaan Cukai		8,968	7,562
Tolak: Cukai	21	(42)	(41)
Untung Bersih Selepas Perbelanjaan Cukai		8,926	7,521
Tolak: Pengagihan Pindahan kepada Rizab Risiko	15	(5,400)	(5,000)
Keuntungan Sebelum Agihan Tahun Semasa	17	3,526	2,521

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

NOTA-NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. Maklumat Am

Bank Negara Malaysia (Bank) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat Bank terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama Bank adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
- (b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;
- (c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
- (d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
- (e) untuk mengawasi sistem pembayaran;
- (f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
- (g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;
- (h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan
- (i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan tahunan ini pada 27 Februari 2020.

2. Dasar Perakaunan

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

- (a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, Bank hendaklah mematuhi piawaian perakaunan yang berkaitan setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank. Dengan mengambil kira tanggungjawab Bank untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan serta menggalakkan kestabilan pasaran kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada piawaian perakaunan yang berkaitan dalam beberapa aspek tertentu.

BANK NEGARA MALAYSIA

- (b) Penyediaan penyata kewangan ini mengikut dasar yang dinyatakan pada perenggan 2.1 (a) menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada yang mungkin memberikan kesan kepada penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, termasuk pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 Asas Pengukuran dan Perakaunan

Penyata kewangan ini disediakan pada asas akrual, menggunakan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 Penukaran Mata Wang Asing

- (a) Penyata kewangan ini disediakan mengikut nilai Ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.
- (b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh tahun kewangan berakhir. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah dinilai dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga.
- (c) Semua keuntungan atau kerugian yang disebabkan oleh penilaian semula kadar pertukaran mata wang asing bagi aset dan liabiliti diiktiraf dalam Rizab Risiko, manakala keuntungan atau kerugian direalisasikan semasa tarikh penjualan bagi Aset-aset Lain dan Liabiliti-liabiliti Lain diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.4 Emas

Emas direkodkan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian belum direalisasikan yang disebabkan oleh perubahan nilai saksama emas diiktiraf dalam Rizab Risiko. Keuntungan atau kerugian direalisasikan daripada penjualan emas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.5 Sekuriti Asing

Sekuriti asing merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti yang dinyatakan pada kos terlunas atau pada nilai saksama. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Rizab Risiko atau dalam Penyata Pendapatan. Setelah penyahiktirafan, keuntungan atau kerugian direalisasikan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.6 Untung Bersih

Untung bersih Bank diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung direalisasikan layak diagihkan kepada pemegang saham.

2.7 Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah Liabiliti-liabiliti Lain dan perbezaan antara harga jualan dengan harga belian balik diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dalam Penyata Pendapatan. Sebaliknya, amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah Aset-aset Lain dan perbezaan antara harga belian dengan harga jualan balik diiktiraf sebagai pendapatan faedah dalam Penyata Pendapatan.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.8 Tanah dan Bangunan

- (a) Bank telah mempermodalkan semua tanahnya, manakala bangunan kekal dinyatakan pada nilai kos nominal RM10 setiap satu.
- (b) Pada pengiktirafan awal, kos asal tanah yang dipermodalkan adalah termasuk harga belian berserta sebarang kos tambahan yang ditanggung untuk menjadikan tanah tersebut kepada keadaan semasa.
- (c) Selepas pengiktirafan awal, tanah dinyatakan pada nilai penilaian semula. Penilaian profesional terhadap tanah milik Bank akan dilaksanakan setiap 10 tahun sekali dengan sebarang lebih daripada penilaian semula diiktiraf terus dalam Rizab Penilaian Semula Tanah.
- (d) Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai. Mulai tahun 2018, tanah pegangan pajakan dilunaskan sepanjang baki tempoh pajakan. Tanah (pegangan bebas dan pajakan) dinilai semula setiap 10 tahun dan nilai saksama ditentukan berasaskan bukti daripada pasaran yang dilaksanakan oleh penilai profesional yang bertauliah. Bangunan disusut nilai kepada nilai nominal pada tahun pembelian.
- (e) Keuntungan atau kerugian yang direalisasikan daripada jualan tanah dikira berdasarkan perbezaan antara hasil jualan bersih dengan jumlah nilai bawaan tanah itu. Selepas tanah dijual, penilaian semula yang sebelum ini direkodkan dalam Rizab Penilaian Semula Tanah akan dipindahkan kepada Keuntungan Sebelum Agihan.

2.9 Aset Tetap Lain

Semua aset tetap lain dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

2.10 Kerosotan Nilai Aset Kewangan

Semua aset dinilai secara berkala untuk kerugian kerosotan apabila berlaku sesuatu peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak dapat diperoleh semula. Jika terdapat penunjuk sedemikian, kerosotan nilai akan dikaji semula untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperoleh semula sepenuhnya.

3. Emas dan Pertukaran Asing

	2019	2018
	RM juta	RM juta
Emas	7,723	6,590
Sekuriti Asing	375,684	361,885
Deposit Asing	8,929	5,470
Baki di Bank Pusat Lain	13,116	28,326
Lain-lain	9,392	8,771
	<u>414,844</u>	<u>411,042</u>

BANK NEGARA MALAYSIA

4. Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) dan Peruntukan Hak Pengeluaran Khas

Objektif IMF adalah untuk memupuk kerjasama kewangan global, menjamin kestabilan kewangan, memudahkan perdagangan antarabangsa, menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia. IMF juga memberikan khidmat nasihat dan pembiayaan sementara kepada negara anggotanya sekiranya berlaku kesukaran imbalan pembayaran.

Kedudukan Rizab IMF

Kedudukan ini terdiri daripada bahagian rizab kuota Malaysia, pemberian pinjaman di bawah Rancangan Transaksi Kewangan (Financial Transaction Plan, FTP) dan Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB). Kuota IMF menentukan kekuatan undian negara anggota, sumbangan kewangan kepada IMF, jumlah pembiayaan yang boleh diterima oleh negara anggota sekiranya menghadapi kesukaran imbalan pembayaran dan jumlah Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) diperuntukkan kepada negara anggota. Kedua-dua program FTP dan NAB adalah untuk memberikan pinjaman kepada negara anggota.

Milikan Hak Pengeluaran Khas

Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) ialah aset rizab antarabangsa yang diwujudkan oleh IMF. SDR diperuntukkan secara berkala kepada negara anggota IMF berdasarkan saiz kuota negara anggota. Negara anggota boleh menggunakan SDR untuk memperoleh rizab pertukaran asing dari negara anggota lain serta membuat pembayaran termasuk kepada IMF.

Peruntukan Hak Pengeluaran Khas

Peruntukan hak pengeluaran khas ialah liabiliti kepada IMF yang merupakan amaun SDR yang telah diterima sejak penubuhannya.

	2019 RM juta	2018 RM juta
Kedudukan Rizab IMF	4,584	3,802
Milikan Hak Pengeluaran Khas	4,662	4,728
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	(7,619)	(7,743)
Nilai kedudukan bersih dengan IMF	<u>1,627</u>	<u>787</u>

5. Kertas Kerajaan Malaysia

Kertas Kerajaan Malaysia merujuk kepada pegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari Bank.

	2019 RM juta	2018 RM juta
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,819	3,024
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	159	368
	<u>1,978</u>	<u>3,392</u>

BANK NEGARA MALAYSIA

6. Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh Bank dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75 (i) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. Pinjaman dan Pendahuluan

Pinjaman dan pendahuluan bersih terdiri terutamanya daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah pelbagai skim yang bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan kemajuan perusahaan kecil dan sederhana dan untuk membantu pembeli rumah daripada kumpulan berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama mereka. Pemberian pendahuluan ini diperuntukkan di bawah seksyen 48, seksyen 49 dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

	2019 RM juta	2018 RM juta
Dana untuk Industri Kecil dan Sederhana	5,766	6,492
Dana Rumah Mampu Milik	1,000	-
Lain-lain	346	382
	<u>7,112</u>	<u>6,874</u>

8. Tanah dan Bangunan

	2019 RM juta	2018 RM juta
Tanah, pada kos		
Pegangan bebas	3,314	3,314
Tanah, pada penilaian semula		
Pegangan bebas	694	694
Pajakan	154	167
	<u>4,162</u>	<u>4,175</u>

	2019 RM juta	2018 RM juta
Tanah pajakan		
Pada 1 Januari	167	170
Tolak: Pelunasan Berkumpul	(13)	(3)
Pada 31 Disember	<u>154</u>	<u>167</u>

BANK NEGARA MALAYSIA

	2019 RM	2018 RM
Bangunan, pada nilai nominal		
Pegangan bebas	2,230	2,230
Pajakan	1,380	1,380
	<u>3,610</u>	<u>3,610</u>

Tanah pegangan bebas dan pajakan, pada penilaian semula, telah dinilai semula oleh penilai bebas pada 1 Ogos 2014.

9. Aset-aset Lain

Aset-aset Lain termasuk sekuriti yang dibeli melalui perjanjian repo berbalik dan pelaburan dalam saham dan bon yang diperolehi di bawah seksyen 48 (1) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

	2019 RM juta	2018 RM juta
Perjanjian Repo Berbalik	6,490	8,266
Pelaburan dalam Saham dan Bon	4,390	4,401
Lain-lain	748	825
	<u>11,628</u>	<u>13,492</u>

10. Deposit oleh Lain-lain

Sebahagian besar daripada deposit ini terdiri daripada deposit institusi nasional, agensi kerajaan dan pihak berkuasa awam.

11. Kertas Bank Negara

Kertas Bank Negara merupakan alat dasar monetari tambahan yang diterbitkan oleh Bank untuk mengurus mudah tunai dalam pasaran wang domestik. Alat dasar ini termasuk Bil Antara Bank yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNIB) dalam mata wang asing yang juga merupakan sebahagian daripada operasi pasaran Bank untuk mengurus mudah tunai mata wang asing dalam pasaran wang domestik.

12. Liabiliti-liabiliti Lain

Sebahagian Liabiliti-liabiliti Lain ialah sekuriti dijual di bawah perjanjian repo sebanyak RM1,643 juta (2018: RM863 juta).

	2019 RM juta	2018 RM juta
Perjanjian Repo	1,643	863
Akruan	954	917
Lain-lain	362	358
	<u>2,959</u>	<u>2,138</u>

BANK NEGARA MALAYSIA

13. Modal

Mengikut seksyen 6 Akta Bank Negara Malaysia 2009, modal Bank adalah sebanyak RM100,000,000 dan dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

14. Kumpulan Wang Rizab Am

	2019 RM juta	2018 RM juta
Pada 1 Januari	14,810	14,744
Amaun yang diluluskan dan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Am pada tahun semasa	21	66
Pada 31 Disember	<u>14,831</u>	<u>14,810</u>

Pengagihan keuntungan bersih kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan dividen kepada Kerajaan hanya akan diiktiraf setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Menteri seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am bagi tahun berakhir 2018 sebanyak RM21 juta telah diluluskan oleh Menteri pada 25 Februari 2019.

15. Rizab Risiko

Rizab Risiko ialah penampakan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

Rangka kerja pengukuran risiko pasaran digunakan untuk membuat anggaran penampakan kewangan yang diperlukan bagi mengimbangi kesan kerugian luar jangka berikutan faktor yang di luar kawalan Bank.

	2019 RM juta	2018 RM juta
Pada 1 Januari	113,477	118,657
Peningkatan/(Penurunan) dalam tahun semasa	5,192	(10,180)
Pindahan daripada keuntungan bersih	5,400	5,000
Pada 31 Disember	<u>124,069</u>	<u>113,477</u>

16. Rizab Penilaian Semula Tanah

Rizab Penilaian Semula Tanah adalah untuk lebihan tanah (pegangan bebas dan pajakan) yang belum direalisasikan apabila penilaian semula dibuat. Selepas dijual, lebihan tanah yang berkaitan dengan aset yang direalisasikan itu akan dipindahkan kepada Keuntungan Sebelum Agihan.

BANK NEGARA MALAYSIA

17. Keuntungan Sebelum Agihan

	2019 RM juta	2018 RM juta
Baki 1 Januari	2,521	2,566
Tolak: Pengagihan yang diluluskan pada tahun semasa		
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am	(21)	(66)
Dividen dibayar kepada Kerajaan	(2,500)	(2,500)
	<u>-</u>	<u>-</u>
Keuntungan sebelum agihan bagi tahun semasa	<u>3,526</u>	<u>2,521</u>
Baki 31 Disember	<u>3,526</u>	<u>2,521</u>

Menurut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009, pengagihan kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan pengisytiharan dividen kepada Kerajaan adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan Menteri, dan jika diluluskan akan diiktiraf dalam tahun kewangan yang berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2020.

Dividen dibayar kepada Kerajaan bagi tahun berakhir 2018 berjumlah RM2.5 bilion telah diluluskan oleh Menteri pada 25 Februari 2019.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, Lembaga Pengarah mencadangkan pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am sebanyak RM26 juta dan dividen sebanyak RM3.5 bilion kepada Kerajaan.

18. Jumlah Pendapatan

Jumlah pendapatan terdiri daripada hasil daripada pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan, keuntungan atau kerugian modal direalisasikan, dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/akresi atas premium/diskaun, dan kos dasar monetari.

19. Perbelanjaan Berulang

Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

20. Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank selaras dengan matlamat dan fungsi utama Bank.

21. Cukai

Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989. Perbelanjaan cukai ialah cukai pegangan tidak boleh dituntut ke atas pendapatan asing daripada dividen dan faedah serta cukai keuntungan modal ke atas penjualan pelaburan asing.

BANK NEGARA MALAYSIA

22. Perkara Luar Jangka dan Komitmen

22.1 Aset Luar Jangka

Jumlah aset luar jangka pada 31 Disember 2019 ialah RM1,400 juta. Aset ini terdiri daripada jumlah pendanaan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM800 juta dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM600 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan masing-masing oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF dan INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah pendanaan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila Pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

22.2 Komitmen

Jumlah komitmen pada 31 Disember 2019 terdiri daripada yang berikut:

	Nota	2019 RM juta	2018 RM juta
Jumlah Komitmen			
International Monetary Fund (IMF)	(a)		
Kuota Belum Berbayar	(i)	16,371	17,300
Pengaturan Baharu untuk Meminjam (NAB)	(ii)	1,823	1,790
Sumbangan Dua Hala	(iii)	4,093	4,136
Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)	(b)	68	69
Pengaturan Swap	(c)		
Pengaturan Swap ASEAN	(i)	1,228	1,241
Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala dengan			
People's Bank of China (PBOC)	(ii) (a)	110,000	110,000
Bank of Korea (BOK)	(ii) (b)	15,000	15,000
Bank Indonesia (BI)	(ii) (c)	8,000	-
Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai	(iii)	37,263	37,654
Perjanjian Repo dengan Ahli EMEAP	(iv)	20,465	20,680
		<u>214,311</u>	<u>207,870</u>

(a) Keanggotaan dengan IMF

- (i) Bank mempunyai kewajipan untuk membayar IMF sebanyak SDR2,892 juta (bersamaan dengan RM16,371 juta) (2018: SDR3,007 juta, bersamaan dengan RM17,300 juta) atau dalam mata wang boleh tukar lain yang merupakan bahagian belum bayar kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan.

BANK NEGARA MALAYSIA

- (ii) Bank telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa. Pada 31 Disember 2019, jumlah kredit yang belum digunakan di bawah NAB ialah SDR322 juta, bersamaan dengan RM1,823 juta (2018: SDR311 juta, bersamaan dengan RM1,790 juta).
- (iii) Pada 23 Julai 2012, Bank telah bersetuju memberikan sumbangan dua hala kepada IMF berjumlah USD1,000 juta, bersamaan dengan RM4,093 juta (2018: USD1,000 juta, bersamaan dengan RM4,136 juta) yang diperuntukkan untuk tujuan luar jangkaan dan menangani krisis kewangan.
- (b) **Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)**

Komitmen Bank sebanyak SDR12 juta, bersamaan dengan RM68 juta (2018: SDR12 juta, bersamaan dengan RM69 juta) merupakan bahagian belum dipanggil daripada 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam BIS berdasarkan nilai nominal SDR5,000 setiap satu menggunakan kadar SDR pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.
- (c) **Pengaturan Swap**
 - (i) **Pengaturan Swap ASEAN**

Bank telah menyertai Pengaturan Swap ASEAN (ASEAN Swap Arrangement, ASA) pelbagai hala bersama-sama dengan bank pusat dan pihak berkuasa monetari ASEAN lain bagi memberikan sokongan mudah tunai mata wang asing jangka pendek kepada negara anggota yang menghadapi kesukaran imbangan pembayaran. Pada 31 Disember 2019, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD300 juta, bersamaan dengan RM1,228 juta (2018: USD300 juta, bersamaan dengan RM1,241 juta) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai di bawah ASA daripada mana-mana negara anggota pada tahun kewangan tersebut.
 - (ii) **Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala**
 - (a) Pada 20 Ogos 2018, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan People's Bank of China (PBOC) yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2019, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM110 bilion (2018: RM110 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.
 - (b) Pada 25 Januari 2017, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan Bank of Korea (BOK) yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2019, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM15 bilion (2018: RM15 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.

BANK NEGARA MALAYSIA

(c) Pada 27 September 2019, Bank telah memeterai perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Tempatan Dua Hala (Local Currency Bilateral Swap Arrangement, LCBSA) dengan Bank Indonesia (BI) yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2019, jumlah komitmen Bank di bawah LCBSA ialah RM8 bilion dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan LCBSA pada tahun kewangan tersebut.

(iii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**

Bank telah menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada negara anggota ASEAN+3 yang menghadapi kesukaran imbalan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek. Tarikh kuat kuasa Perjanjian CMIM adalah pada 24 Mac 2010. Di bawah pengaturan CMIM, negara anggota yang menghadapi masalah imbalan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek boleh mendapatkan sokongan kewangan dalam dolar Amerika Syarikat melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Pada 31 Disember 2019, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD9.1 bilion, bersamaan dengan RM37.3 bilion (2018: USD9.1 bilion, bersamaan dengan RM37.7 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai daripada mana-mana negara anggota.

(iv) **Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari**

Bank telah menandatangani perjanjian repo berjumlah USD5 bilion, bersamaan dengan RM20.5 bilion (2018: USD5 bilion, bersamaan dengan RM20.7 bilion) dengan beberapa bank pusat dan pihak berkuasa monetari serantau di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) untuk menyediakan bantuan mudah tunai semasa kecemasan. Pada 31 Disember 2019, tiada permohonan untuk bantuan mudah tunai daripada mana-mana anggota.

23. Pengurusan Risiko Kewangan

Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, pengukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya berada pada paras yang sewajarnya. Ini bagi memastikan matlamat untuk melindungi modal, mudah tunai dan pulangan yang munasabah tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi risiko yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan Bank terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran yang berkaitan dengan kadar pertukaran asing, kadar faedah serta harga bon dan ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau secara harian. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada instrumen tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko, pengaturan tadbir urus dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Analisis kepekaan dan ujian tekanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

BANK NEGARA MALAYSIA

(b) **Risiko Kredit**

Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit sekuriti atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Bank yang menyebabkan Bank tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, mengikut tempoh yang sepatutnya. Rangka kerja risiko kredit yang komprehensif menggariskan pelaburan yang dibenarkan dan kesanggupan Bank untuk mengambil risiko, dengan itu memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang baik. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang terhasil daripada harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Pertimbangan ini menambah baik rangka kerja risiko kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

(c) **Risiko Operasi**

Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau apa-apa perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi Bank supaya tindakan boleh diambil bagi mengurus jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

24. **Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Staff Welfare Account, SWA) dan Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) (disebut sebagai 'Akaun Dana Perubatan')**

SWA ditubuhkan pada 1 Mac 1991 di bawah seksyen 15 (5) dan (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958, manakala Akaun Dana Perubatan ditubuhkan pada 21 Jun 2006 di bawah seksyen 15 (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958. Kedua-dua SWA dan Akaun Dana Perubatan terus berada di bawah seksyen 83 (4) dan (5) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

SWA ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia 1991. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah 1991, SWA hendaklah ditadbir oleh jawatankuasa yang diberikan kuasa oleh Lembaga Pengarah (Jawatankuasa Lembaga). Akaun SWA disediakan secara berasingan daripada akaun-akaun Bank yang lain dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun Bank. Objektif SWA adalah untuk memberikan pinjaman kepada kakitangan untuk aktiviti-aktiviti yang dibenarkan, membiayai aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan kakitangan Bank dan memberikan anugerah kecemerlangan pelajaran kepada anak-anak kakitangan. SWA juga menguruskan pampasan insurans kakitangan yang meninggal dunia, yang diterima oleh pihak waris yang belum mencapai had kelayakan umur.

Akaun Dana Perubatan ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006 dan Arahan Amanah Tambahan 2017. Objektif Akaun Dana Perubatan ini adalah untuk membantu Bank membiayai perbelanjaan perubatan para pesara Bank dan tanggungan mereka yang layak. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan (Dana Perubatan) 2006, Dana Perubatan hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Dana Perubatan. Akaun Dana Perubatan disediakan secara berasingan di bawah Akaun Kebajikan Kakitangan dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun Kebajikan Kakitangan.

Untuk mendapat maklumat lanjut tentang Bank Negara Malaysia dan penerbitannya:

sila hubungi:

Pengarah
Jabatan Komunikasi Strategik
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon: +(603) 2698 8044

Faks: +(603) 2693 6919

atau lawat laman sesawang kami di:

<http://www.bnm.gov.my>

Dalam menghasilkan semula atau memetik kandungan, pemakluman sumber diperlukan.

ISSN 1985-0387



